Kolej Universiti Islam Malaysia

جامعة العلوم الإسلامية بماليزيا

Islamic University College Of Malaysia

# PANDUAN 2005|2006 FAKULTI SYARIAH DAN UNDANG-UNDANG



MS ISO 9001 : 2000 REG. NO. AR 3454

http/www.kuim.edu.my

Perpustakaan KUIM
Unit Arkib

# PANDUAN PRA SISWAZAH

# FAKULTI SYARIAH DAN UNDANG-UNDANG

KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA 2005/2006

KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA
جامعة العلوم الإسلامية بماليزيا
ISLAMIC UNIVERSITY COLLEGE OF MALAYSIA

**CETAKAN PERTAMA 2005**
**Hak Cipta Kolej Universiti Islam Malaysia**

Hak cipta terpelihara,
tiada mana-mana bahagian daripada buku ini
boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau
ditukar kepada apa-apa bentuk dengan apa juga
cara melainkan mendapat izin bertulis
daripada KUIM.

*Diterbitkan oleh:*
Bahagian Akademik
Kolej Universiti Islam Malaysia
71800 Bandar Baru Nilai
Negeri Sembilan Darul Khusus

*Rekabentuk | Percetakan*
Percetakan Asni Sdn Bhd
No 41 Jalan Mewah 3/3
Taman Perindustrian HATA
Pandan Mewah, 68000 Ampang
Selangor Darul Ehsan

Semua maklumat
yang terkandung di dalam buku ini
tertakluk kepada pindaan
dari semasa ke semasa

# TAKWIM AKADEMIK
# KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA
# SESI AKADEMIK 2005/2006

| AKTIVITI | SEMESTER I | |
|---|---|---|
| | TARIKH | TEMPOH |
| Pendaftaran Diri Pelajar Baru | 3 Julai 2005 | 1 hari |
| Pendaftaran Kursus Pelajar Baru | 5 Julai 2005 | 1 hari |
| Pendaftaran Kursus Pelajar Lama | 8-9 Julai 2005 | 2 hari |
| Kursus Intensif Bahasa Inggeris | 7-9 Julai 2005 | 3 hari |
| Perkuliahan | 11 Julai – 20 Ogos 2005 | 6 minggu |
| **Cuti Pertengahan Semester I** | 21 Ogos – 4 Sep. 2005 | 2 minggu |
| Perkuliahan | 5 Sep – 29 Okt 2005 | 8 minggu |
| Cuti Ulangkaji | 30 Okt – 13 Nov 2005 | 2 minggu |
| Peperiksaan | 14 Nov – 2 Dis 2005 | 3 minggu |
| **Cuti Semester I** | 3 – 25 Dis 2005 | 3 minggu |

# TAKWIM AKADEMIK
# KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA
# SESI AKADEMIK 2005/2006

| AKTIVITI | SEMESTER II | |
|---|---|---|
| | TARIKH | TEMPOH |
| Pendaftaran Kursus | 23-24 Dis 2005 | 2 hari |
| Perkuliahan | 27 Dis 2005 – 10 Feb 2006 | 7 minggu |
| **Cuti Pertengahan Semester II** | 11 – 21 Feb 2006 | 1 minggu |
| Perkuliahan | 22 Feb – 7 April 2006 | 7 minggu |
| Cuti Ulangkaji | 8 – 16 April 2006 | 1 minggu |
| Peperiksaan | 17 April – 5 Mei 2006 | 3 minggu |
| **Cuti Semester II** | 6 Mei – 3 Julai 2006 | 8 minggu |

**Nota:** Tertakluk kepada pindaan
Cuti Hari Raya Aidilfitri adalah pada 3 dan 4 November 2005
Cuti Hari Raya Haji adalah pada 13 Januari 2006

# Kandungan


| Perkara | | Mukasurat |
|---|---|---|
| 1 | Aluan Rektor | 1 |
| 2 | Motto, Falsafah, Wawasan dan Visi | 2 |
| 3 | Ahli Lembaga Pengarah | 3 |
| 4 | Pengurusan | 5 |
| 5 | Senat | 6 |
| 6 | Pegawai KUIM | 8 |
| 7 | Sejarah Penubuhan KUIM | 12 |
| 8 | Konsep dan Skop Pengajian | 12 |
| 9 | Objektif Penubuhan KUIM | 13 |
| 10 | Program Yang Ditawarkan | 14 |
| 11 | Pentadbiran Fakulti | 15 |
| 12 | Objektif Fakulti | 19 |
| 13 | Program Yang Ditawarkan | |
| | ■ Sarjana Muda Syariah dan Undang-Undang (Dengan Kepujian) | 20 |
| | ■ Peraturan Pengajian Program | 27 |
| | ■ Sarjana Muda Fiqh dan Fatwa (Dengan Kepujian) | 47 |
| | ■ Peraturan Pengajian Program | 53 |
| 14 | Sinopsis Kursus | 73 |

# Aluan Rektor

## KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA



SAYA ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada saudara dan saudari kerana terpilih untuk mengikuti Program Sarjana Muda di Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM). Pengajian di KUIM kini telah merentasi segala bidang ilmu dan tidak terhad kepada pengajian Islam tradisional sahaja. Kegemilangan umat Islam sudah lama bermula pada era pemerintahan Islam di Madinah dan berkembang pesat pada zaman Khulafa' al-Rasyidin, Bani Umayyah dan Bani Abbasiyyah. Kemudian ia bertapak di benua Eropah yang menyumbang kepada kegemilangan tamadun Islam di Andalusia. Kegemilangan Islam adalah berbentuk universal dan membawa manfaat dan rahmat kepada seluruh umat dan alam.

Oleh yang demikian program pengajian di KUIM yang merentasi bidang-bidang seperti perubatan, sains, ekonomi dan undang-undang selain dari yang tradisional adalah bermatlamat mengembalikan ketamadunan Islam ke dalam arus perdana pendidikan di negara ini.

Saya penuh yakin bahawa saudara saudari adalah antara mereka yang cemerlang yang terpilih ke program ini daripada berpuluh ribu pemohon. Saudara-saudari adalah beruntung kerana diberi kesempatan olehNya untuk mengikuti program pengajian ini. Kesempatan ini adalah merupakan satu amanah dan kepercayaan yang harus dipelihara dan dipertanggungjawabkan.

Oleh yang demikian, saudara dan saudari hendaklah belajar bersungguh-sungguh mendalami ilmu dan gunakanlah segala ilmu yang dipelajari di KUIM ini dengan sebaiknya bagi meningkat ke tahap yang lebih tinggi.

Sekian, SELAMAT MAJU JAYA.

**Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor Hj. Husin**

# Moto, Falsafah, Wawasan & Misi

## KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA

**Moto**

Berilmu, Berdisiplin dan Bertakwa

**Falsafah**

Paduan antara Ilmu Naqli dan Akli serta budi pekerti yang mulia adalah teras utama membentuk generasi cemerlang dan masyarakat berilmu

**Wawasan**

Memartabatkan kecemerlangan ilmu dan insan yang mampu memberi sumbangan kepada masyarakat, negara dan dunia sejagat.

**Misi**

Bertekad menjadi sebuah institusi ilmu yang terkehadapan dalam bidang pengajian Islam yang menggunakan teknologi terkini bagi menyelesaikan isu-isu semasa yang berkaitan dengan masyarakat dan Islam.

# Canselor

Duli Yang Maha Mulia Tuanku Najihah binti Almarhum Tunku Besar Burhanuddin
D.K.N.S., D.M.N., D.K. (Kedah), D.K. (Kelantan), S.P.T.J., S.P.M.K.
Tunku Ampuan Negeri Sembilan

# Ahli Lembaga Pengarah

## KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA

**Pengerusi**
Y. Bhg. Tan Sri Dato' Dr. Mohd Yusof Hj Md. Noor
PSM, SPMT, DSSA, JMN, PPT, M.A. (al-Azhar), Dip. Pend. (ᶜAin Shams), Ph.D (Cairo),
Hon. PhD (UK Malaysia)

**Ahli-ahli**
Y. Bhg. Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor Hj. Husin
DIMP, JSM, al-'Aliya, M.A, Ph.D (al-Azhar),
Dip. Pend. (ᶜAin Shams)

Y.Bhg. Datin Hajah Rodiah Meor Sulaiman
KMN, SDK, BA (Malaya), MSc (Troy State)

Y. Bhg Dato' Mohd. Zawawi Salleh
DSSA, L.L.B (Hons) Malaya, L.L.M (Bristol)

Y. Bhg. Dato' Syed Amin Al-Jeffri
DSSA, BKM, AMN, PJK, B.Ec. (Hons), Chartered Acc. (M) CA (Canada), FTII), CPA

Y. Bhg. Dato' Ahmad Tajudin Abdul Rahman
DSDK, DSAP, B.Ec. (Malaya)

Y.Bhg Datuk Izhar Sulaiman
P.J.N., Advanced Dip. In Marketing (US), Dip.In Marketing (Japan)

Puan Norzirah Bahari
ADK, AMP, B.A (Hons) USM, DPA (INTAN)

**Setiausaha**
Tuan Hj. Addenan Hj. Abd. Rahman
PJK, B.A. Hons (Malaya), MPA (Iowa State).

# Pengurusan

## KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA

**Rektor**
Y. Bhg. Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor Hj. Husin
DIMP, JSM, al- $^{c}$Aliya, M.A, Ph.D (al-Azhar),
Dip. Pend. ($^{c}$Ain Shams)

**Timbalan Rektor (Akademik & Pengantarabangsaan)**
Y.Bhg Prof. Dato' Dr. Mohamed Asin Dollah
DIMP, SAP, Sm. P.I (UK Malaysia), M.Litt. (Glasgow), Ph.D (Birmingham)

**Timbalan Rektor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)**
Y.Bhg Prof. Dr. Mohammad Haji Alias
KMN, ANS, B.Econ (Hons), M.Econ (Monash), Ph.D (Southampton)

**Timbalan Rektor (Penyelidikan dan Pengkomersilan/Inovasi) (Pemangku)**
Y.Bhg Prof. Dr. Mohammad Haji Alias
KMN, ANS, B.Econ (Hons), M.Econ (Monash), Ph.D (Southampton)

**Pendaftar**
Tuan Hj. Addenan Hj. Abd. Rahman
PJK, B.A. Hons (Malaya), MPA (Iowa State).

**Bendahari**
Puan Rohani Abu
B.Ec. (Malaya), M.Ec. (Ohio), MAIA (Ohio)

**Ketua Pustakawan**
Encik Jasmin Jaimon
B.Sc Hons (UK Malaysia), Post Grad. Dip. Lib.Sc (UiTM),
Dip. Sys. Analysis (UiTM)

**Pengarah Pembangunan**
Ir. Daim Saian
B.Eng. (Malaya), MIEM, P.Eng

# Senat

## KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA

**Pengerusi**
Y. Bhg. Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor Hj. Husin
DIMP, JSM, al-ᶜAliya, M.A, Ph.D (al-Azhar), Dip. Pend. (ᶜAin Shams)
Rektor

**Ahli**
Y.Bhg Prof. Dato' Dr. Mohamed Asin Dollah
DIMP, SAP, Sm. P.I (UK Malaysia), M.Litt. (Glasgow), Ph.D (Birmingham)
Timbalan Rektor (Akademik & Pengantarabangsaan)

Prof. Dr. Mohammad Haji Alias
KMN, ANS, B.Econ (Hons), M.Econ (Monash), Ph.D (Southampton)
Timbalan Rektor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

Prof. Dr. Nik Mohd. Nasri Nik Ismail
MBChB (Alexandria), MRCOG (London), FRCOG (London), FICS (USA)
Dekan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan

Prof. Dr. Muhamad Muda
DIB (UiTM), BBA (Ohio, USA),
Certificate In Advanced Bank Management (AIM, Manila)
MBA (Cincinnati), Ph.D (Manchester)
Dekan Fakulti Ekonomi dan Muamalat

Prof. Dr. Hj Abdul Samat Musa
B. Is (Hons.), Dip. Ed. (UK Malaysia), LL. M. (Malaya), Ph.D (Manchester)
Dekan Fakulti Syariah dan Undang-undang

Prof. Datin Dr. Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim
BA (Hons) (Malaya), Dip.Ed (Malaya) M.A. (Counseling and Personnel Services) (Western Michigan, USA), SPADA (Speciality Programme In Alcohol & Substance Abuse) (Western Michigan, USA), PhD (Counseling Psychology) (Wales Cardiff, UK)
Dekan Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan

Prof. Dr. Jalani Sukaimi
B.Agric. Sc. (Malaya), PhD (Reading), Dip. Marketing (CIM, England), P.Dip.EM (MDI, Geneva), FMSA Sc. (Malaysia)
Dekan Fakulti Sains dan Teknologi

Tuan Haji Muhammad Mustaqim Mohd Zarif
BA (IIUM), MA (IIUM).
Dekan Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (Pemangku)

Y. Bhg. Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor Hj. Husin
DIMP, JSM, al- ᶜAliya, M.A, Ph.D (al-Azhar), Dip. Pend. (ᶜAin Shams)
Dekan Fakulti Pengajian Bahasa Utama (Pemangku)

**Setiausaha**
Tuan Hj. Addenan Hj. Abd. Rahman
PJK, B.A. Hons (Malaya), MPA (Iowa State).
Pendaftar

**Urusetia**
Encik Arshad Hamzah
Sm. Ekonomi Kep. (UK Malaysia)
Timbalan Pendaftar (Akademik)

# Pegawai

## KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA

**Pengarah Pusat Tamhidi (Pemangku)**
Prof. Dr. Jalani Sukaimi
B.Agric. Sc (Malaya), PhD (Reading), Dip. Marketing (CIM, England), P.Dip.EM (MDI, Geneva), FMSA Sc. (Malaysia)

**Pengarah Unit Teknologi Maklumat**
Encik Idris Takyan
Sm. Sn. Kep. (UK Malaysia)

**Pengarah Pusat Perhubungan Korporat dan Antarabangsa**
Puan Selvarani a/p P Kovil Pillai
DPA (INTAN), BA (USM), MSc (UPM)

**Timbalan Pendaftar Akademik**
Encik Arshad Hamzah
Sm. Ekonomi Kep. (UK Malaysia)

**Timbalan Pendaftar Hal Ehwal Pelajar**
Encik Muhammad Haizuan Rozali
SmSa, Ssa Psikologi Pemb Manusia (UK Malaysia)

**Penolong Pendaftar Akademik Rekod dan (Rekod dan Peperiksaan)**
Encik Nasrul Hakim Ahmad
LLB Hons (IIUM)

**Penolong Pendaftar Akademik (Senat dan Pengijazahan)**
Cik Noraini AbdJalil
Sm. Ekon Kep. (UK Malaysia)

**Penolong Pendaftar Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah**
Encik Mohd. Salehudin Sukor
Bac.Sc. HRD (UPM)

**Penolong Pendaftar Fakulti Syariah dan Undang-undang**
Puan Wan Fauriah Wan Samad
Sm.P.I Kep. (UK Malaysia)

**Penolong Pendaftar Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan**
Puan Monaliza Laudang
Sm. Ekonomi (UK Malaysia)

**Penolong Pendaftar Fakulti Ekonomi dan Muamalat**
Cik Nur Adlina Hj. Addenan
Sm. PP Kep. (UK Malaysia)

**Penolong Pendaftar Fakulti Sains dan Teknologi**
Cik Najihah Budah @ Udah
B.Sc. PP (UPM)

**Penolong Pendaftar Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan**
Puan Marina Yusop
B.A, Hons. (Malaya)

**Penolong Pendaftar Fakulti Pengajian Bahasa Utama**
Puan Nur Aida Ab. Rahman
S.M. D.P.I (KUIM)

**Penolong Pendaftar Bahagian Hal Ehwal Pelajar (Aktiviti Pelajar)**
Tuan Haji Mazlan Nawang
B. Agric. Sc. (UPM)

**Penolong Pendaftar Bahagian Hal Ehwal Pelajar (Pentadbiran)**
Encik Marwan Tahir
Sm.S.K. (KUIM)

# Pusat Pengajian Umum
## KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA

**Penyelaras Pengajian Umum**
En. Arif Fahmi Md. Yusof
LL.B (Hons) (IIUM), MCL (IIUM)
Advocate and Solicitor (Malaya)

**Penyelaras Bahasa Arab**
Dr. Badrul Munir Muhammad Nur
al-'Aliya (King Saud), S.P.I., PhD (UK Malaysia)

**Penyelaras Bahasa Inggeris (Pemangku)**
Puan Tun Nur Afizah Zainal Arif
BBA (Hons) UPM, MA TESL (UK Malaysia)

**Penyelaras Ko Kurikulum**
(Kosong)

**Penolong Pendaftar**
Puan Wan Fadzlina Wan Ibrahim
DPI (KUSZA), Sm. D.P.I (KUIM)

**Pensyarah**
Puan Norhayati Rafida Abdul Rahim – cuti belajar
BA Mass Communication (UiTM), MSc Corporate Communication (UPM)

Puan Selvarani a/p P. Kovil Pillai
DPA (INTAN), BA (USM), MSc (UPM)

Puan Najwa Hayaati Mohd Alwi
BIT (UK Malaysia), MIT (UK Malaysia)

Encik Hisham Muhammad Taky Eldin Kandil
BA, MA Mass Com (American Univ), Msc Journalism (Wiscousin)

Cik Nurdiana Azizan
BSc MIS (Clarkson), MSc Information Management (UiTM)

**Guru Bahasa**
Puan Nabilah Yusof @ Abd Rahman
al-'Aliya (Mu'tah)

Cik Radziah Ismail
al-'Aliya (al-Bayt)

Cik Nor Abdul Rahman
al-'Aliya (al-Azhar)

Encik Hishomudin Ahmad
al-'Aliya (al-Hasyimiyah)

Cik Nazipah Mat Shaid @ Md. Said
al-'Aliya (Jordan)

Cik Afizzjah Artini Jusoh
BA Hons (IIUM)

Puan Rozlina Mohd Ramli
BEd TESL (Malaya)

Puan Queshaira Mohd Ramli
BEd TESL (Malaya)

Puan Suhaili A. Jalil
BEd Hons TESL (Southampton)

Cik Azni Mohamed Zain
BA English (California State), Dip Pend (UK Malaysia)

Encik Hamadallah bin Mohammad Salleh
B.A Hons (IIUM)

Encik Mohamad Hj. Ibrahim
BA (IIUM)

Puan Sulhah Ramli
BA (Hons) UPM

# Sejarah Penubuhan

## KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA

Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) telah diluluskan penubuhannya dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 11 Jun 1997 dan diwartakan pada 13 Mac 1998. Ianya ditubuhkan bertujuan untuk meningkatkan kualiti pendidikan Islam di negara ini.

KUIM telah mula beroperasi pada awal Januari 2000 dengan menggunakan kemudahan yang ada di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), iaitu di Paras 5, Bangunan Fakulti Pengajian Islam. Pada bulan April 2000, KUIM telah berpindah ke kampus sementaranya yang terletak di Institut Profesional Baitulmal (IPB), Lot 1363, Jalan Perkasa Off Jalan Kampung Pandan, 55100 Kuala Lumpur.

KUIM memulakan tahun pengajiannya pada sesi akademik 2000/2001. Pada peringkat permulaan tiga fakulti telah ditubuhkan iaitu Fakulti Syariah dan Kehakiman {kini dikenali sebagai Fakulti Syariah dan Undang-Undang (FSU)}, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS) dan Fakulti Dakwah dan Pengurusan Islam {kini dikenali sebagai Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP)}. Fakulti Ekonomi dan Muamalat (FEM) pula ditubuhkan dalam tahun 2002.

Dalam tahun 2004, dua buah fakulti aliran sains telah diluluskan penubuhannya oleh Kerajaan iaitu Fakulti Sains dan Teknologi (FST) dan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK). Ini selaras dengan dasar penubuhan KUIM yang menjadikan pengajian Islam yang merentasi semua bidang ilmu. Bagi merealisasikan hasrat ini juga, Kerajaan juga meluluskan penubuhan Pusat Tamhidi yang menjadi pusat untuk persediaan bagi kemasukan ke program ijazah yang kompetitif di KUIM khususnya dalam bidang Perubatan. Dalam tahun 2005 KUIM telah diluluskan dua lagi program Tamhidi iaitu Tamhidi Sains dan Teknologi dan Tamhidi Syariah dan Undang-undang.

Tahun 2005 juga menyaksikan sebuah lagi fakulti ditubuhkan iaitu Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU). Ini menjadikan jumlah fakulti yang ada di KUIM sebanyak tujuh buah.

Pengambilan pertama pelajar iaitu seramai 255 orang telah dimulakan pada sesi akademik 2000/2001. Sehingga sesi 2004/2005 KUIM mempunyai seramai 1,664 orang pelajar manakala seramai 765 pelajar telah tamat pengajiannya dan telah dianugerahkan ijazah dalam bidang masing-masing.

### KONSEP DAN SKOP PENGAJIAN KUIM

Konsep asas KUIM berteraskan kepada konsep kesepaduan ilmu naqli dan ilmu akli dalam semua program pengajian yang ditawarkan. KUIM mempunyai keunikan tersendiri dalam semua bidang

pengajiannya supaya ia berjaya mencapai objektif penubuhan yang ditetapkan.

Bahasa Melayu adalah bahasa pengantar, Bahasa Arab diberi penekanan dalam semua program pengajian Islam, di samping itu penekanan juga diberi kepada bahasa lain terutama Bahasa Inggeris.

Perolehan dan penguasaan ilmu perlu menerusi sumber dan saluran bahasa tradisi bidang ilmu berkenaan, pendekatan semasa dan tradisi, pemahaman dan penguasaan kepada Quran, Sunnah dan kitab klasik yang muktabar perlu diberi keutamaan dan disepadukan dalam pengajaran.

KUIM sebuah institusi pengajian tinggi bersifat lebih terfokus dan khusus dalam memberi tumpuan kepada bidang pengajian dan pendidikan Islam. Kemasukan pelajarnya dihadkan kepada maksimum sekitar 10,000 pelajar sahaja supaya ia benar-benar menjadi sebuah institusi yang mempunyai kekuatan dalam ceruknya. Ini membolehkan KUIM mengeluarkan graduan yang berwibawa dalam disiplinnya, serta memiliki penguasaan bahasa Arab dan Inggeris dalam semua aspek kemahirannya. Ini membolehkan KUIM diakui di dalam dan di luar negara sesuai dengan hasrat kerajaan menjadikan negara sebagai pusat kecemerlangan ilmu.

## OBJEKTIF PENUBUHAN KUIM

KUIM merupakan saluran utama bagi pelajar-pelajar aliran agama dari sekolah-sekolah menengah agama untuk meneruskan pengajian mereka di peringkat pengajian tinggi di Malaysia.

Objektif penubuhan KUIM adaah untuk :

i. Memartabatkan Pendidikan Islam serta membawanya ke dalam arus perdana pendidikan negara.

ii. Membina kesepaduan antara teori dan amali dalam diri setiap siswazah yang dikeluarkan.

iii. Melahirkan ilmuan Islam yang berpendidikan sepadu, mampu memimpin masyarakat majmuk serta mempunyai potensi yang tinggi untuk menerajui pembangunan negara.

iv. Meneroka dan mengembalikan tradisi keilmuan Islam yang unggul bersesuaian dengan persekitaran dan teknologi terkini.

v. Membekalkan tenaga kerja yang kukuh dengan penghayatan nilai-nilai Islam, mampu berinteraksi dan berkomunikasi dengan berkesan dalam masyarakat.

## PROGRAM PENGAJIAN YANG DITAWARKAN

### Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan

- QA02 Sarjana Muda Komunikasi dengan Kepujian
- QA19 Sarjana Muda Kaunseling dengan Kepujian
- QI07 Sarjana Muda Dakwah dan Pengurusan Islam dengan Kepujian

### Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah

- QI05 Sarjana Muda Pengajian Quran dan Sunnah dengan Kepujian
- QI10 Sarjana Muda Pengajian Quran dengan Multimedia dengan Kepujian
- QI11 Sarjana Muda Pengajian Sunnah dengan Pengurusan Maklumat dengan Kepujian

### Fakulti Syariah dan Undang-undang

- QI08 Sarjana Muda Fiqh dan Fatwa dengan Kepujian
- QL04 Sarjana Muda Syariah dan Undang-undang dengan Kepujian

### Fakulti Ekonomi dan Muamalat

- QP21 Sarjana Muda Pentadbiran Muamalat dengan Kepujian

### Fakulti Pengajian Bahasa Utama

- QB05 Sarjana Muda Bahasa Arab dan Komunikasi dengan Kepujian

### Fakulti Sains dan Teknologi

- QC13 Sarjana Muda Sains Komputer dengan Kepujian (Keselamatan dan Jaminan Maklumat)
- QG07 Sarjana Muda Sains dengan Kepujian (Bioteknologi Maklumat)
- QS10 Sarjana Muda Sains dengan Kepujian (Sains Aktuari dan Pengurusan Risiko)

### Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan

- QM00 Sarjana Muda Perubatan dan Surgeri

# Pentadbiran Fakulti

## FAKULTI SYARIAH DAN UNDANG-UNDANG

**Dekan**
Prof. Dr. Hj. Abdul Samat Musa
B.Is (Hons), Dip. Ed. (UK Malaysia), LL.M (Malaya), Ph.D (Manchester)

**Timbalan Dekan**
Encik Abd. Hamid Abd. Murad
LL.B (Hons) (IIUM), MCL (IIUM), Advocate and Solicitor (Malaya)

**Penolong Pendaftar**
Puan Wan Fauriah Wan Samad
Sm.PI. (Kep.) ( UK Malaysia )

**Setiausaha Dekan**
Puan Rodhiyah Ali

**Pembantu Tadbir**
Encik Qidzam Zabri
*Pembantu Tadbir N17*

Cik Nurhassikin Maulat Mahmud
*Pembantu Tadbir N17*

**Pembantu Am Rendah ( PAR)**
En.Mohd Shafik Ezdee Mohd Nordin

**Tenaga Pengajar Fakulti**

**Profesor**
Prof. Dr. Hj. Abdul Samat Musa
B.Is (Hons), Dip. Ed. (UK Malaysia), LL.M (Malaya), Ph.D (Manchester)

**Pensyarah Kanan**
Puan Syahirah Abdul Shukor
LL.B (Hons) (IIUM), MCL (IIUM)

Puan Dina Imam Supaat
LL.B Hons (UK Malaysia), LL.M (UK Malaysia)

**Pensyarah**
Dr. Mohamed Ben Mohamed Bechir
al-Aliya (al-Zaituna), M.A. (Umdurman), Ph.D (IIUM)

Dr. Farida Zou zou
B.A. (Batna), M.A. (Batna), Ph.D (IIUM)

Dr. Asma Akli
B.A. (Algeria), M.A (IIUM), M.H.Sc. (IIUM) , Ph.D (IIUM)

Dr. Mariam Saidona Tagoranao
LL.B ( Mindanao), MCL (IIUM), Ph.D (IIUM)

Encik Abd Hamid Abd Murad
LLB. (Hons) (IIUM), MCL (IIUM),
Advocate and Solicitor (Malaya)

Encik Md. Yunus Abd Aziz
B.A (Malaya), M.A. (Al al-Bayt, Jordan)

Puan Abidah Abdul Ghafar
LLB. (Hons) (IIUM), LL.B. Syariah (Hons) MCL (IIUM),
Advocate and Solicitor (Malaya)

Encik Irwan Mohd Subri
al- 'Aliya (al -Azhar), M.Is (UK Malaysia)

Puan Farah Salwani Muda @ Ismail
LLB (Hons) (IIUM), MCL (IIUM)

Encik Abdul Manan Ismail
al- 'Aliya (Yarmouk), M.Is (UK Malaysia)

Encik Arif Fahmi Md. Yusof
LL.B (Hons.) (IIUM), MCL (IIUM),
Advocate and Solicitor (Malaya)

Puan Nik Salida Suhaila Nik Saleh
LL.B (Hons) (IIUM), MCL (IIUM)

Cik Syaryanti Hussin
al- 'Aliya (Al al-Bayt), M.IRKH (IIUM)

Tuan Syed Salim Syed Shamsuddin
B.IRKH (Hons) (IIUM), M.IRKH (IIUM)

Encik Azman Ab Rahman
al- 'Aliya (Al al-Bayt), M.IRKH (IIUM)

Encik Mushaddad Hasbullah
al- 'Aliya (Madinah), M.IRKH (IIUM)

Puan Yasmin Hanani Mohd Safian
al- 'Aliya (al-Azhar), M.A (Birmingham)

Encik Wan Abdul Fattah Wan Ismail
al- 'Aliya (Yarmouk), M.Is (UK Malaysia)

Encik Zulkifli Hassan
LLB. (Hons) (IIUM), LL.B. Syariah (Hons) MCL (IIUM),
Advocate and Solicitor (Malaya)

Encik Muhammad Nizam Awang @ Ali
LL.B Hons (UK Malaysia), LL.M (UK Malaysia),
Dip. Pentadbiran Kehakiman & Guaman Islam (UK Malaysia)

Encik Lutfi Mohamed Zain
B.IRKH (Hons) (IIUM), M.IRKH (IIUM)

Puan Norfadhillah Mohd Ali
LL.B (Hons.) (IIUM), MCL (IIUM),

Encik Zahari Mahad Musa
al- 'Aliya (Al al-Bayt), M.Is (UK Malaysia)

**Tutor**
Pn. Hendun Abd Rahman Shah
LL.B (Hons) (IIUM), MCL (IIUM)
Advocate and Solicitor (Malaya)

Puan Adzidah Yaakob
LLB ( Hons. ) (IIUM)MCL (IIUM)

Encik Ahmad Zaki Salleh
al- 'Aliya (Al al-Bayt), M.IRKH (IIUM)

Cik Halilah Abdullah
Sm.S.K. (Kep.) (KUIM)

Tuan Syed Mohd Najib Syed Omar
Sm.S.K. (Kep.) (KUIM)

Encik Muhammad Najib Abdullah
al- 'Aliya (Madinah)

Encik Lukmanul Hakim Hj Hanafi
Sm.S.K. (Kep.)( KUIM)

Cik Maheran Mohamed
LL.B Hons (UK Malaysia), LL.M (UK Malaysia)

Encik Mohd Zaharuddin Zakaria
Sm.S.K. (Kep.)( KUIM)

Encik Nisar Mohammad Ahmad
Sm.S.K. (Kep.)( KUIM)

# Latar Belakang

## FAKULTI SYARIAH DAN UNDANG-UNDANG

**1. Pendahuluan**

Fakulti Syariah dan Undang-Undang adalah antara fakulti yang terawal ditubuhkan. Program pengajian yang ditawarkan difakulti meliputi dua bidang utama iaitu Syariah dan Undang-Undang yang memenuhi keperluan tradisi, semasa dan profesional.

**2. Objektif**

Fakulti Syariah dan Undang-Undang ditubuhkan untuk memenuhi objektif-objektif berikut:

2.1 Mengeluarkan graduan yang mampu dan mahir dalam syariah dan undang-undang serta undang-undang perbandingan.

2.2 Melahirkan graduan yang mampu mengaplikasikan teori dalam menyelesaikan masalah masyarakat dan negara, terutamanya yang berkaitan dengan hukum Islam.

2.3 Melengkapkan graduan dengan ilmu pengetahuan Islam dan semasa yang beriltizam dengan penghayatan Islam.

2.4 Membekalkan tenaga manusia yang berkelayakan dalam bidang syariah dan undang-undang secara profesional untuk peluang kerjaya yang bersesuaian dalam bidang perundangan syariah dan sivil.

**3. Program Yang Ditawarkan**

Mulai sesi 2005/2006, Fakulti Syariah dan Undang-Undang menawarkan dua program baru pra-siswazah seperti berikut :

3.1 Ijazah Sarjana Muda Syariah Dan Undang-Undang Dengan Kepujian

3.2 Ijazah Sarjana Muda Fiqh dan Fatwa Dengan Kepujian.

# SARJANA MUDA SYARIAH DAN UNDANG-UNDANG DENGAN KEPUJIAN

## 1. Matlamat Program

1.1 Menghasilkan graduan yang mempunyai kemahiran dalam bidang syariah dan undang-undang dari segi teori dan amali secara bersepadu.

1.2 Melahirkan graduan yang mempunyai kemahiran profesional yang diiktiraf sebagai berkelayakan untuk mengamalkannya dalam sistem perundangan sivil dan syariah.

1.3 Menghasilkan graduan yang bertaraf dunia dan berkebolehan serta mampu memenuhi kehendak masyarakat dan keperluan berbagai-bagai agensi kerajaan dan swasta.

1.4 Melahirkan graduan yang berpengetahuan luas, beretika, jujur dan bertanggungjawab dalam setiap bidang kerjaya yang diceburi.

## 2. Komponen dan Struktur Program

Program Ijazah Sarjana Muda Syariah Dan Undang-Undang Dengan Kepujian merupakan pengajian dwi-pengkhususan yang mengandungi 200 unit. Struktur program adalah seperti berikut:

| | | | |
|---|---|---|---|
| Kursus Universiti | WU | 19 unit | 9.5% |
| Kursus Teras Fakulti | WF | 22 unit | 11% |
| Kursus Program | WP | 150 unit | 75% |
| Kursus Elektif | LP | 9 unit | 4.5% |

**Pecahan Komponen Program adalah seperti berikut :**

| Komponen Kursus | Jenis Kursus | Jumlah Unit | Taraf Kursus |
|---|---|---|---|
| 1. Kursus Kolej Universiti + | **I. 2 Kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia:** | | |
| | UTA1012 Tamadun Islam dan Tamadun Asia | 2 | WU |
| | UTA1022 Tamadun Islam dan Tamadun Asia | 2 | WU |
| | **II. 7 Kursus Pengajian Umum:** | | |
| | UTA1032 Pengantar Teknologi Maklumat | 2 | WU |
| | UTA1042 Pemikiran Kritis dan Kreatif | 2 | WU |
| | UTA2012 Pengantar Komunikasi | 2 | WU |
| | UTA2022 Asas Pengurusan Kualiti | 2 | WU |
| | UTA2032 Metodologi Penyelidikan | 2 | WU |
| | UTA1051 Pengajian Halaqah | 1 | WU |
| | UTA2051 Muhadathah Hurrah | 1 | WU |
| | **III. 1 Kursus Latihan Amali/Industri:** | | |
| | Digantikan dengan kursus LBA4116 Moot Court/Mock Trial dan Penempatan | 6 | WP |
| | **IV. 1 Kursus Ko-Kurikulum:** | | |
| | Cxxxxx3 | 3 | WU |
| | **Jumlah Unit** | **19** | |
| 2. Kursus Teras Fakulti+ | **I. 5 Kursus Kemahiran Bahasa Arab:** | | |
| | UBA1012 Maharat al-Qiraah | 2 | WF |
| | UBA1022 Maharat al-Muhadathah wa al-Khatabah | 2 | WF |
| | UBA2012 Maharat al-Kitabah | 2 | WF |
| | UBA2022 Maharat al-Istima$^{c}$ wa Al-fahm | 2 | WF |
| | UBA2032 al-Arabiyyah al-Ittisaliyyah | 2 | WF |
| | **II. 2 Kursus Kemahiran Bahasa Inggeris:** | | |
| | UBE1012 Bahasa Inggeris I | 2 | WF |
| | UBE1022 Bahasa Inggeris II | 2 | WF |
| | **III. 4 Kursus Teras Pengajian Islam:** | | |
| | AAA1012 Akidah Islam | 2 | WF |
| | LAA1042 Usul Fiqh I | 2 | WF |
| | QAA1012 Ulum al-Quran | 2 | WF |
| | QAA1022 Ulum al-Hadith | 2 | WF |
| | **Jumlah Unit** | **22** | |

| Komponen Kursus | Jenis Kursus | Jumlah Unit | Taraf Kursus |
|---|---|---|---|
| 3. Kursus Program+ | LBA1012 Al-Madkhal li Dirasat al-Syariah | 2 | WP |
| | LBA1023 Malaysian Legal System I | 3 | WP |
| | LBA1033 Fiqh al-Ibadat | 3 | WP |
| | LBA1043 Malaysian Legal System II | 3 | WP |
| | UBE2432 English For Law I | 2 | WP |
| | UBE2442 English for Law II | 2 | WP |
| | LBA2013 Fiqh al-Muamalat | 3 | WP |
| | LBA2023 Constitutional Law I | 3 | WP |
| | LBA2033 Law of Torts I | 3 | WP |
| | LBA2043 Law of Contract I | 3 | WP |
| | LBA2053Law of Contract II | 3 | WP |
| | LBA2063 Fiqh al-Munakahat | 3 | WP |
| | LBA2072 Islamic Constitutional and Administrative Law | 2 | WP |
| | LBA2083 Constitutional Law II | 3 | WP |
| | LBA2092 Al-Qawaid al-Fiqhiyyah | 2 | WP |
| | LBA2103 Law of Torts II | 3 | WP |
| | LAA2012 Usul al-Fiqh II | 2 | WP |
| | LBA3013 Islamic Law of Banking and Takaful | 3 | WP |
| | LBA3023 Fiqh al-Jinayat | 3 | WP |
| | LBA3033 Criminal Law I | 3 | WP |
| | LBA3042 Family Law | 2 | WP |
| | LBA3053 Equity and Trusts I | 3 | WP |
| | LBA3063 Law of Banking and Security | 3 | WP |
| | LAA3053 Al-Siyasah al-Syariah | 3 | WP |
| | LBA3072 Islamic Law of Tort | 2 | WP |
| | LAA2053 Al-Ahwal Al Syakhsiyyah | 3 | WP |
| | LBA3083 Islamic Law of Property | 3 | WP |
| | LBA3092 Fiqh al-Mawarith | 2 | WP |
| | LBA3103 Criminal Law II | 3 | WP |
| | LBA3113 Equity and Trusts II | 3 | WP |
| | LBA3122 Al-Fiqh al- Muasir | 2 | WP |
| | LBA4013 Law of Evidence I | 3 | WP |
| | LBA4023 Land Law I | 3 | WP |
| | LBA4033 Company Law I | 3 | WP |
| | LBA4043 Public International Law | 3 | WP |
| | LBA4052 Qanun al-Ithbat fi al-Islam | 2 | WP |
| | LBA4062 Qanun al-Alaqat al-Duwaliyyah fi al-Islam | 2 | WP |
| | LBA4072 Islamic Land Law | 2 | WP |
| | LAA2063 Pentadbiran Undang-undang Islam di Malaysia | 3 | WP |
| | LBA4083 Land law II | 3 | WP |
| | LBA4093 Company Law II | 3 | WP |
| | LBA4103 Law of Evidence II | 3 | WP |
| | LBA4116 Moot/Mock and Placement | 6 | WP |

| Komponen Kursus | Jenis Kursus | Jumlah Unit | Taraf Kursus |
|---|---|---|---|
| | LBA5012 Civil and Criminal Procedure in Syariah Court<br>LBA5023 Civil Procedure I<br>LBA5033 Criminal Procedure I<br>LBA5043 Jurisprudence<br>LBA5052 Professional Practice I<br>LAA3073 Academic Project<br>LBA5062 Rundingcara dan Sulh<br>LBA5073 Criminal Procedure II<br>LBA5083 Cyberlaw<br>LBA5093 Civil Procedure II<br>LBA5102 Professional Practice II<br>LBA5112 Perakaunan dan Pengurusan Firma Guaman | 2<br>3<br>3<br>3<br>2<br>3<br>2<br>3<br>3<br>3<br>2<br>2 | WP<br>WP<br>WP<br>WP<br>WP<br>WP<br>WP<br>WP<br>WP<br>WP<br>WP<br>WP |
| | **Jumlah Unit** | 150 | |
| 4 Kursus Elektif # | LBA5513 Maritime Law<br>LBA5523 Aviation Law<br>LBA5533 Arbitration Law<br>LBA5543 Petroleum Law<br>LBA5553 International Trade Law<br>LBA5563 Commercial Law<br>LBA5573 Intellectual Property Law<br>LBA5583 Consumer Law<br>LBA5593 Fiqh al-istihlak<br>LBA5613 Fiqh al-Biah<br>LBA5623 Medical Law<br>LBA5633 International Human Rights law<br>LBA5643 Al-Qawanin al-Syariyyah fi al-Duwal al-Islamiyyah<br>LBA5653 European Community Law<br>LBA5663 Administrative Law | 3<br>3<br>3<br>3<br>3<br>3<br>3<br>3<br>3<br>3<br>3<br>3<br>3<br>3<br>3 | LP<br>LP<br>LP<br>LP<br>LP<br>LP<br>LP<br>LP<br>LP<br>LP<br>LP<br>LP<br>LP<br>LP<br>LP |
| | **Jumlah Unit** | 9 | |
| | **JUMLAH SEMUA** | 200 | |

+ Wajib diambil dan lulus
# Dikehendaki mengambil dan lulus tiga kursus sahaja yang bernilai 9 unit

## Senarai Penawaran Kursus Menurut Semester (Semester I hingga X)

| Semester | Kod dan Nama Kursus | Taraf Kursus | Unit | Jam Pertemuan |
|---|---|---|---|---|
| I | UTA1012 Tamadun Islam dan Tamadun Asia | WU | 2 | 3 |
| | UBA1012 Maharat al-Qiraah | WF | 2 | 3 |
| | UBA1022 Maharat al-Muhadathah wa al-Khatabah | WF | 2 | 3 |
| | UTA1032 Pengantar Teknologi Maklumat Maklumat | WF | 2 | 3 |
| | UBE1012 Bahasa Inggeris I | WF | 2 | 3 |
| | UBE1022 Bahasa Inggeris II | WF | 2 | 3 |
| | AAA1012 Akidah Islam | WF | 2 | 3 |
| | LBA1012 Al-Madkhal li Dirasat al- Syariah | WP | 2 | 3 |
| | LBA1023 Malaysian Legal System I | WP | 3 | 3 |
| | UTA1051Pengajian Halaqah | WU | 1 | 1 |
| | **Jumlah** | | **20** | **28** |
| II | UTA1022 Tamadun Islam dan Tamadun Asia | WU | 2 | 3 |
| | UTA1042 Pemikiran Kritis dan Kreatif Kreatif | WU | 2 | 3 |
| | UBA2012 Maharat al-Kitabah | WF | 2 | 3 |
| | UBA2022 Maharat al-Istima' wa al-Fahm | WF | 2 | 3 |
| | UBE2432 English For law I | WF | 2 | 3 |
| | UBE2442 English For law II | WP | 2 | 3 |
| | LAA1042 Usul Fiqh I | WF | 2 | 3 |
| | LBA1033 Fiqh al-Ibadat | WP | 3 | 3 |
| | LBA1043 Malaysian Legal System II | WP | 3 | 3 |
| | **Jumlah** | | **20** | **26** |
| III | UTA2012 Pengantar Komunikasi | WU | 2 | 3 |
| | UBA2032 Al-Arabiyyah al-Ittisaliyyah | WF | 2 | 3 |
| | LAA2012 Usul al-Fiqh II | WP | 2 | 3 |
| | LBA2013 Fiqh al-Muamalat | WP | 3 | 3 |
| | LBA2023 Constitutional Law I | WP | 3 | 3 |
| | LBA2033 Law of Torts I | WP | 3 | 3 |
| | LBA2043 law of Contract I | WP | 3 | 3 |
| | QAA1012 Ulum al-Quran | WF | 2 | 3 |
| | QAA1022 Ulum al-Hadith | WF | 2 | 3 |
| | **Jumlah** | | **22** | **27** |

| Semester | Kod dan Nama Kursus | Taraf Kursus | Unit | Jam Pertemuan |
|---|---|---|---|---|
| IV | UTA2032 Metodologi Penyelidikan<br>UTA2022 Asas Pengurusan Kualiti<br>LBA2053 Law of Contract II<br>LBA2063 Fiqh al-Munakahat<br>LBA2072 Islamic Constitutional and Administrative Law<br>LBA2083 Constitutional Law II<br>LBA2092 Al-Qawaid al-Fiqhiyyah<br>LBA2103 Law of Torts II<br>Cxxxxx3 Kokurikulum | WU<br>WU<br>WP<br>WP<br>WP<br>WP<br>WP<br>WP<br>wu | 2<br>2<br>3<br>3<br>2<br>3<br>2<br>3<br>3 | 3<br>3<br>3<br>3<br>3<br>3<br>3<br>3<br>3 |
| | **Jumlah** | | **23** | **27** |
| V | LBA3013 Islamic Law of Banking and Takaful<br>LBA3023 Fiqh al-Jinayat<br>LBA3033 Criminal Law I<br>LBA3042 Family Law<br>LBA3053 Equity and Trust I<br>LBA3063 law of Banking and Security<br>LAA3053 Al-Siyasah al-Syariyyah<br>UTA2051 Muhadathah Hurrah | WP<br>WP<br>WP<br>WP<br>WP<br>WP<br>WP<br>WU | 3<br>3<br>3<br>2<br>3<br>3<br>3<br>3 | 3<br>3<br>3<br>3<br>3<br>3<br>3<br>3 |
| | **Jumlah** | | **21** | **22** |
| VI | LBA3072 Islamic Law of Tort<br>LAA2053 Al-Ahwal Al-Syakhsiyyah<br>LBA3083 Islamic law of Property<br>LBA3092 Fiqh al-Mawarith<br>LBA3103 Criminal Law II<br>LBA3113 Equity and Trusts II<br>LBA3122 Al-Fiqh al-Muasir | WP<br>WP<br>WP<br>WP<br>WP<br>WP<br>WP | 2<br>3<br>3<br>2<br>3<br>3<br>2 | 3<br>3<br>3<br>3<br>3<br>3<br>3 |
| | **Jumlah** | | **18** | **21** |
| VII | LBA4013 Law of Evidence I<br>LBA4023 Land Law I<br>LBA4033 Company Law I<br>LBA4043 Public International Law<br>LBA4052 Qanun al-Ithbat fi al-Islam<br>LBA4062Qanun al-Alaqat al-Duwaliyyah fi al-Islam<br>LBA4072 Islamic Land Law | WP<br>WP<br>WP<br>WP<br>WP<br>WP<br>WP | 3<br>3<br>3<br>3<br>2<br>2<br>2 | 3<br>3<br>3<br>3<br>3<br>3<br>3 |
| | **Jumlah** | | **18** | **21** |

| Semester | Kod dan Nama Kursus | Taraf Kursus | Unit | Jam Pertemuan |
|---|---|---|---|---|
| VIII | LAA2063 Pentadbiran Undang-Undang Islam Di Malaysia<br>LBA4083 Land Law II<br>LBA4093 Company Law II<br>LBA4103 Law of Evidence II<br>LBA4116 Moot/Mock and Placement<br>LBAxxx3 Elective Subject | WP<br>WP<br>WP<br>WP<br>WP<br>LP | 3<br>3<br>3<br>3<br>6<br>3 | 3<br>3<br>3<br>3<br>3<br>3 |
| | **Jumlah** | | **21** | **18** |
| IX | LBA5012 Civil and Criminal Procedure in Syariah Court<br>LBA5023 Civil Procedure I<br>LBA5033 Criminal Procedure I<br>LBA5043 Jurisprudence<br>LBA5052 Professional Practice I<br>LAA3073 Academic Project<br>LBAxxxx3 Elective Subject | WP<br>WP<br>WP<br>WP<br>WP<br>WP<br>LP | 2<br>3<br>3<br>3<br>2<br>3<br>3 | 3<br>3<br>3<br>3<br>3<br>3<br>3 |
| | **Jumlah** | | **19** | **21** |
| X | LBA5062 Rundingcara dan Sulh<br>LBA5073 Criminal Procedure II<br>LBA5083 Cyberlaw<br>LBA5093 Civil Procedure II<br>LBA5102 Proffesional Practice II<br>LBA5112 Perakaunan dan Pengurusan Firma Guaman<br>LBAxxx3 Elective Subject | WP<br>WP<br>WP<br>WP<br>WP<br>WP<br>LP | 2<br>3<br>3<br>3<br>2<br>2<br>3 | 3<br>3<br>3<br>3<br>3<br>3<br>3 |
| | **Jumlah** | | **18** | **21** |
| | **JUMLAH BESAR** | | **200** | **302** |

# PERATURAN-PERATURAN
# KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA
# (PENGAJIAN SARJANA MUDA SYARIAH DAN UNDANG-UNDANG DENGAN KEPUJIAN) 2003

**1. Nama, Mula Berkuatkuasa dan Pemakaian**

1.1 Peraturan ini dinamakan Peraturan-peraturan Pengajian Ijazah Sarjana Muda Syariah dan Undang-Undang Dengan Kepujian, Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) dan hendaklah mula berkuatkuasa pada 29 September 2003.

1.2 Peraturan ini hendaklah terpakai bagi semua pelajar yang mula mendaftar sebagai pelajar peringkat ijazah KUIM selepas tarikh Peraturan ini berkuatkuasa.

1.3 Peraturan ini hendaklah terpakai bagi tujuan pengijazahan untuk ijazah Sarjana Muda Syariah dan Undang-Undang Dengan Kepujian.

**2. Syarat Kemasukan**

2.1 Lulus Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau peperiksaan lain yang setaraf dengannya, serta mendapat kepujian sekurang-kurangnya dalam lima (5) mata pelajaran iaitu:

- Bahasa Melayu
- Bahasa Arab Komunikasi/Bahasa Arab Tinggi
- Bahasa Inggeris
- Satu (1) daripada matapelajaran berikut:
  a. Pendidikan Islam
  b. Tasawur Islam
  c. Pendidikan Syariah Islamiyyah
  d. Pendidikan Al-Quran dan Sunah
- Matematik;

**ATAU** kelulusan setaraf bagi calon luar negara; **Dan**

2.2 Lulus sekurang-kurangnya Gred B matapelajaran Bahasa Arab dan Syariah dan Gred C Pengajian Am diperingkat STPM ; **Atau**
2.3 Lulus Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) sekurang-kurangnya diperingkat "jayyid"; **Atau**
2.4 Lulus kursus Tamhidi Syariah dan Undang-Undang KUIM; **Atau**
2.5 Mempunyai Diploma dalam bidang Syariah atau Syariah perbandingan yang diiktiraf; **Dan**
2.6 Mempunyai kelulusan sekurang-kurangnya band 3 Malaysian University English Test MUET) **Atau**
2.7 Kelulusan setaraf dan penguasaan Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab pada tahap yang dianggap sesuai dan memuaskan bagi calon luar negara.

## 3. Struktur Pengajian Dan Pengijazahan

### 3.1 Jumlah Unit

Untuk memperolehi ijazah Sarjana Muda Syariah dan Undang-undang Dengan Kepujian, pelajar dikehendaki mengikuti dan lulus sekurang-kurangnya dua ratus (200) unit kursus yang ditetapkan (seperti yang terkandung dalam 3.2).

### 3.2 Komposisi Kursus

Bagi tujuan pengijazahan, pelajar dikehendaki mengikuti dan lulus sekurang-kurangnya sejumlah unit kursus-kursus yang meliputi komposisi seperti berikut:

3.2.1 **Kursus Universiti (WU)** sebanyak 19 unit

Kursus Kolej Universiti (WU) terdiri daripada empat komponen kursus yang diwajibkan kepada semua pelajar KUIM. Pelajar dikehendaki mengikuti dan lulus semua kursus yang diambil dengan mencapai unit yang ditetapkan dan hendaklah meliputi:
a) Empat (4) unit kursus Tamadun Islam Dan Tamadun Asia.
b) Dua belas (12) unit kursus Pengajian Umum.
c) Tiga (3) unit kursus ko-kurikulum
d) Kursus Latihan Amali/Industri (diganti dengan kursus LBA4116)

3.2.2 **Kursus Teras Fakulti** sebanyak 22 unit

Kursus Teras Fakulti ialah kursus asas yang wajib diambil oleh pelajar. Pelajar dikehendaki mengikuti dan lulus semua kursus yang diambil dengan mencapai unit yang ditetapkan dan hendaklah meliputi:
a) Sepuluh (10) unit kursus Bahasa Arab
b) Empat (4) unit kursus Bahasa Inggeris
c) Lapan (8) unit kursus Teras Pengajian Islam

3.2.3 **Kursus Program** sebanyak 150 unit

Kursus Program ialah kursus dwi pengkhususan yang wajib diambil oleh pelajar. Pelajar dikehendaki lulus dan memperolehi sebanyak 150 unit. Ini termasuk Latihan Amali yang diganti dengan Moot Court dan Penempatan dan Projek Ilmiah.

3.2.4 **Kursus Elektif** sebanyak 9 unit

Kursus Elektif ialah mana-mana kursus yang ditawarkan kepada pelajar secara pilihan daripada fakulti Syariah dan Undang-Undang. Pelajar di kehendaki lulus dan memperolehi sekurang-kurangnya sembilan (9) unit.

## 3.3 Moot Court dan Penempatan

Moot Court dan Penempatan adalah kursus yang menggantikan Kursus Latihan Amali Universiti khusus kepada pelajar yang mengambil program ini. Kursus ini adalah bertaraf `Wajib Program' iaitu bernilai enam (6) unit dan direkodkan dalam bentuk gred pada transkrip pelajar, tetapi nilai grednya tidak diambil kira dalam pengiraan Purata Nilai Gred (PNG) dan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK). Pelajar dikehendaki menjalani latihan di jabatan atau mahkamah atau firma guaman yang sesuai dan akan ditentukan oleh Fakulti Syariah dan Undang-Undang. Ia bertujuan memberi pendedahan tentang bidang kerjaya dan persekitaran kerja, mempraktikkan pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi dan mewujudkan jalinan kerjasama antara fakulti dengan masyarakat luar.

### 3.4 Kursus Pengajian Halaqah dan Muhadathah Hurrah

Kedua-dua kursus ini adalah kursus bertaraf Kursus Universiti (WU) yang diwajibkan kepada semua pelajar KUIM. Ia bernilai dua (2) unit dan direkodkan dalam bentuk gred pada transkrip pelajar, tetapi nilai grednya tidak diambil kira dalam pengiraan Purata Nilai Gred Semester (PNGS) dan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK). Unit kursus ini akan diambil sebagai sebahagian daripada syarat pengajian untuk Pengijazahan.

Kursus ini bertujuan untuk penyuburan dan pengukuhan intelektual dan jasmani. Antara matlamat kursus ini diadakan adalah seperti berikut:

3.4.1 **Pengajian Halaqah:**
Kursus ini bertujuan memahami dan mendalami kitab-kitab *turath* yang berkaitan dengan komunikasi dalam perspektif Islam. Pengajian ini dijalankan selama empat semester dan bernilai satu unit.

3.4.2 **Muhadathah Hurrah:**
Kursus ini bertujuan memberi penekanan kemahiran Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris. Pada peringkat ini kursus ini dinamakan Pengucapan Awam dan dijalankan selama dua semester serta bernilai satu unit. Pelaksanaannya dijalankan dalam Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris.

### 3.5 Pengecualian

Senat/Lembaga Akademik KUIM boleh memberi pengecualian daripada Peraturan 3.1 di atas kepada seseorang pelajar dengan syarat.

3.5.1 Pelajar dianggap telah mencapai nilai unit bagi kursus-kursus yang dikecualikan itu.

3.5.2 Pengecualian maksimum jumlah unit yang boleh diberikan kepada seseorang pelajar adalah tertakluk kepada persetujuan program pengajian berkenaan berdasarkan kepada rekod pencapaian akademik pelajar berkenaan.

### 3.6 Tempoh Pengajian

3.6.1 Tempoh pengajian yang dibenarkan kepada seseorang pelajar mengikuti pengajian

pringkat ijazah ialah tidak kurang daripada sepuluh (10) semester dan tidak lebih daripada empat belas (14) semester. Pengiraan tempoh pengajian dikira bermula dari tarikh pendaftaran pertama pelajar memasuki pengajian peringkat ijazah.

3.6.2 Pengecualian daripada tempoh maksimum empat belas (14) semester itu boleh diberi oleh Senat KUIM kerana sesuatu sebab yang munasabah selain daripada sebab kegagalan dalam peperiksaan yang ditetapkan.

3.6.3 Pelajar yang diberi pengecualian daripada sebilangan unit kursus semasa penerimaan masuk, maka tempoh minimum yang dibenarkan untuk menyelesaikan kursus-kursus lain adalah tertakluk kepada bilangan unit yang dikecualikan.

## 3.7 Pendaftaran Kursus

Pindaan Senat
Kali Ke-22/2004

3.7.1 Semua pelajar dikehendaki mendaftar semua kursus yang diambil pada tarikh yang ditetapkan. Pelajar yang gagal mendaftar pada tarikh tersebut boleh dibenarkan mendaftar dengan syarat menjelaskan denda sebanyak RM15.00 dan mendaftar dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh tersebut. Kegagalan mendaftar dalam tempoh yang ditetapkan tanpa alasan yang munasabah boleh menyebabkan pelajar tidak dibenarkan mendaftar pada semester tersebut sama sekali.

3.7.2 Pendaftaran kursus hendaklah tidak kurang daripada lapan belas (18) unit dan tidak melebihi dua puluh tiga (23) unit pada setiap semester. Pendaftaran yang kurang daripada lapan belas (18) unit dan yang lebih daripada dua puluh tiga (23) unit hanya boleh diberikan dengan kebenaran Dekan.

3.7.3 Pelajar boleh melakukan penukaran kursus yang telah didaftar dengan kursus lain dalam tempoh dua (2) minggu pertama permulaan setiap semester.

3.7.4 Pelajar juga dibenarkan menggugurkan kursus yang telah didaftarkan dengan syarat pengguguran itu hendaklah dibuat dalam tempoh empat

(4) minggu pertama permulaan setiap semester. Pengguguran yang dibuat selepas minggu keempat tidak akan diterima dan calon dianggap gagal dalam kursus berkenaan.

3.7.5 Pengguguran kursus boleh dibuat dengan syarat ia tidak menjejaskan jumlah minimum dua puluh (20) unit kursus bagi sesuatu semester, kecuali bagi pelajar yang diberi kebenaran mendaftar seperti yang diperuntukkan dalam 3.7.2 di atas. Bagi kursus yang diberi kebenaran pengguguranya, ia tidak akan diambil kira dalam pengiraan Purata Nilai Gred (PNG)

Pindaan Senat Kali Ke-19/2004

3.7.6 Pelajar turut dibenarkan untuk menarik diri daripada sesuatu kursus yang didaftarkan dengan syarat penarikan diri daripada kursus tersebut hendaklah mendapat kebenaran Dekan dan dibuat di antara minggu keempat (4) hingga minggu kesepuluh (10) sesuatu semester.

Pindaan Senat Kali Ke-22/2004

3.7.7 Pelajar yang gagal menyerahkan projek ilmiah mereka dalam tempoh yang ditetapkan akan diberikan gred SM (Sedang Maju) sehinggalah genap 30 hari daripada hari terakhir Peperiksaan Akhir Semester pada semester tersebut. Sekiranya pelajar masih gagal berbuat demikian, pelajar hendaklah memohon secara bertulis daripada dekan fakulti untuk membawa gred SM (Sedang Maju) tersebut ke semester berikutnya dengan mengemukakan alasan yang munasabah sebelum dibenarkan mendaftar kursus bagi projek ilmiah mereka mengikut Perkara 3.7.1 di atas.

3.7.8 Sekiranya pelajar gagal memohon secara bertulis daripada dekan fakulti atau sekiranya dekan fakulti tidak berpuas hati dengan alasan yang dikemukakan, pelajar akan diberikan gred E untuk projek ilmiah mereka sebelum dibenarkan mendaftar kursus tersebut mengikut Perkara 3.7.1 di atas.

3.7.9 Pelajar yang gagal mendaftar kursus bagi tempoh dua (2) semester berturut-turut tanpa alasan yang munasabah akan diberhentikan daripada pengajian oleh Senat.

## 4. Struktur Penilaian

4.1 Penilaian kursus setiap semester adalah berdasarkan kepada sistem penilaian nilai gred. Penilaian ini akan diberi kepada aspek penyediaan kerja kursus sepanjang semester dan peperiksaan akhir semester.

4.2 Penilaian nilai gred sesuatu kursus diambil berdasarkan kepada 40% daripada kerja kursus atau peperiksaan pertengahan semester dan 60% lagi daripada peperiksaan akhir semester.

4.3 Gred dan nilai gred yang diberikan kepada sesuatu kursus adalah seperti berikut:

Pindaan Senat Khas Bil 1/2003

| Gred | Nilai Gred | Taraf |
|---|---|---|
| A | 4.00 | |
| A- | 3.67 | Cemerlang |
| B+ | 3.33 | |
| B | 3.00 | Kepujian |
| B- | 2.67 | |
| C+ | 2.33 | |
| C | 2.00 | |
| C- | 1.67 | |
| D+ | 1.33 | |
| D | 1.00 | Lulus |
| E | 0.00 | Gagal |
| L/G | Lulus/Gagal | |
| TL | Tidak Lengkap | |
| SM | Sedang Maju | |
| U | Audit | |
| TD | Tarik Diri | |
| TG | Tangguh Pengajian | |
| TP | Tangguh Peperiksaan | |
| X | Tidak Hadir | |

Pindaan Senat Kali ke-19/2004

4.4 **Gred-gred yang diberikan tanpa nilai gred ialah:**

4.4.1 L/G (Lulus/Gagal) iaitu gred yang diberikan kepada pelajar yang mengambil kursus yang keputusannya tidak diberi nilai gred tetapi hanya diberi "Lulus" atau "Gagal" sahaja.

4.4.2 TL (Tidak Lengkap) iaitu gred yang diberikan dengan kebenaran Program berkenaan kepada pelajar yang tidak dapat menyelesaikan sekurang-kurangnya 70% daripada keperluan kursus atas alasan yang munasabah. Walau bagaimanapun, pelajar perlu melengkapkan keperluan tersebut selewat-lewatnya dua (2) minggu selepas bermulanya semester berikutnya untuk mendapat penilaian penuh dan juga gred.

4.4.3 SM (Sedang Maju) iaitu gred yang digunakan bagi kursus yang berupa sesuatu kerja atau projek yang melebihi satu semester untuk disiapkan. Ia tidak diberi mata nilaian, tetapi unit baginya hanya dikira untuk penentuan unit umum bagi sesuatu semester dan bukan untuk keperluan penilaian untuk mendapat ijazah. Unit dan nilai gred bagi kursus tersebut hanya diambil kira bagi maksud pengiraan jumlah unit untuk keperluan ijazah dan purata nilaian apabila gred SM digantikan dengan gred biasa.

4.4.4 U (Audit) iaitu gred yang diberikan kepada pelajar yang mendaftar, menghadiri kursus dan mengambil peperiksaan bagi sesuatu kursus, tetapi nilai gred tidak diberikan dan gred tersebut hanya direkodkan jika pelajar lulus peperiksaan kursus tersebut.

Pindaan Senat
Kali Ke-19/2004

4.4.5 TD (Tarik Diri) iaitu gred yang diberikan kepada pelajar yang menarik diri daripada sesuatu kursus dengan kebenaran Dekan dalam tempoh di antara minggu keempat (4) dan minggu kesepuluh (10) sesuatu semester.

Pindaan Senat
Kali Ke-19/2004

4.4.6 TG (Tangguh Pengajian) iaitu gred yang diberikan kepada pelajar yang memohon untuk menangguhkan pengajian pada sesuatu semester dan diberi kebenaran berbuat demikian.

4.4.7 TP (Tangguh Peperiksaan) iaitu gred yang diberikan kepada pelajar yang memohon untuk menangguhkan peperiksaan di bawah perkara "8.6 Penangguhan Peperiksaan". Jika diluluskan, peperiksaan gantian hendaklah diadakan seberapa segera yang boleh.

## 5. Sistem Penilaian Dan Purata Nilai Gred (PNG)

5.1 Semua kursus akan diambil kira untuk mengira Purata Nilai Gred (PNG) semester dan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK), kecuali kursus Latihan Amali dan Ko-Kurikulum.

5.2 Kursus yang mendapat gred "E" (gagal) juga diambil kira untuk menentukan Purata Nilai Gred (PNG) dan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK).

5.3 Gred bagi kursus ulangan adalah diambil kira untuk menentukan Purata Nilai Gred (PNG) dan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) dan dengan ini gred "E" (gagal) yang asal bagi kursus berkenaan digugurkan dalam pengiraan PNG dan PNGK tersebut.

5.4 Pengiraan PNG dan PNGK akan ditentukan mengikut kaedah berikut:

5.4.1 Purata Nilai Gred (PNG) Semester

Jumlah nilai gred (nilai gred X unit kursus) untuk semua kursus dibahagikan dengan jumlah unit bagi semua kursus yang diambil pada sesuatu semester seperti pada perkara 5.1, 5.2 dan 5.3;

Rumus pengiraan PNG adalah seperti berikut:

$$\frac{\sum_{i=1}^{n} G_i U_i}{\sum_{i=1}^{n} U_i}$$

yang mana

$G_i$ = Nilai gred kursus ke-i

$U_i$ = Unit kursus ke-i

n = Bilangan kursus yang telah diikuti pada semester

**Contoh:**

**Semester I**

| **Kursus** | **Gred** | **Nilai gred** | **Unit Kursus** | **Nilai Gred X Unit Kursus** |
|---|---|---|---|---|
| AAA 1013 | A | 4.00 | 3 | 12.00 |
| AAA 1033 | B+ | 3.33 | 3 | 09.99 |
| AAA 1053 | A- | 3.67 | 3 | 11.01 |
| AAA 1073 | E | 0.00 | 3 | 00.00 |
| AAA 1093 | C+ | 2.33 | 3 | 06.99 |
| **JUMLAH** | | | **15** | **39.99** |

PNG Semester = 39.99/15
= **2.67**

5.4.2 Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK)

Jumlah Nilai Gred (nilai gred X unit kursus) untuk semua kursus dibahagikan dengan jumlah unit bagi semua kursus yang telah diikuti tertakluk kepada perkara 5.1 dan 5.3. Rumus pengiraan PNGK sama seperti rumus pengiraan PNG.

Contoh:

Semester I

| Kursus | Gred | Nilai gred | Unit Kursus | Nilai Gred X Unit Kursus |
|---|---|---|---|---|
| AA 1013 | A | 4.00 | 3 | 12.00 |
| AA 1033 | B+ | 3.33 | 3 | 09.99 |
| AA 1053 | A- | 3.67 | 3 | 11.01 |
| AA 1073 | E | 0.00 | 3 | 00.00 |
| AA 1093 | C+ | 2.33 | 3 | 06.99 |
| **JUMLAH** | | | **15** | **39.99** |

PNG Semester = 39.99/15
= **2.67**

Semester II

| Kursus | Gred | Nilai gred | Unit Kursus | Nilai Gred X Unit Kursus |
|---|---|---|---|---|
| AA 1023 | A | 4.00 | 3 | 12.00 |
| AA 1043 | B+ | 3.33 | 3 | 09.99 |
| AA 1063 | C+ | 2.33 | 3 | 06.99 |
| AA 1083 | A | 4.00 | 3 | 12.00 |
| AA 1103 | D | 1.00 | 3 | 03.00 |
| **JUMLAH** | | | **15** | **43.98** |
| **Jumlah Besar** | | | **30** | **83.97** |

PNG Kumulatif = 83.97/30
= **2.80**

## 6. Syarat kelayakan Meneruskan Pengajian

6.1 **Lulus:** Seseorang pelajar dianggap lulus dan dibenar meneruskan pengajian ke semester berikutnya jika mendapat PNG 2.00 atau lebih (> 2.00).

6.2 **Lulus Bersyarat:**

6.2.1 Seseorang pelajar dianggap Lulus Bersyarat dan dibenar meneruskan pengajian dengan diberi amaran jika mendapat PNG antara 1.00 hingga 1.99.

6.2.2 Seseorang pelajar tidak dibenar berada dalam taraf Lulus Bersyarat dua semester berturut-turut. Ini bermakna jika pelajar memperolehi PNG kurang daripada 2.00 pada semester berikutnya, setelah melalui syarat 6.2.1, pelajar tersebut dianggap gagal dan diberhentikan.

6.3 **Gagal:** Seseorang pelajar dianggap gagal dan diberhentikan jika mendapat PNGK kurang daripada 1.00 atau tidak memenuhi syarat-syarat yang disebutkan oleh perkara 6.2.2 di atas.

6.4 **Penilaian Untuk Mendapatkan Ijazah**

6.4.1 Seseorang pelajar mestilah memenuhi semua syarat berikut untuk dikurniakan ijazah Sarjana Muda Syariah dan Undang-Undang Dengan Kepujian:

6.4.1.1 Memperolehi PNGK sekurang-kurangnya 2.00 bagi semua kursus yang diambilnya tertakluk kepada perkara 5.1, 5.2 dan 5.3 di atas.

Pindaan Senat
Kali Ke-10/2002

6.4.1.2 Mendapat sekurang-kurangnya Dua Ratus (200) unit daripada kursus-kursus yang diambilnya sepanjang tempoh pengajian yang dibenarkan tertakluk kepada komposisi kursus yang terdapat dalam 3.2 di atas. Bagi tujuan ini, pelajar dibenar untuk mengumpul unit tambahan dengan tujuan meningkatkan

PNGKnya. Ini boleh dilakukan dengan mendaftar kursus lain yang ditetapkan atau mendaftar semula kursus yang telah sedia lulus tertakluk kepada perkara 6.5 berikutnya.

### 6.4.2 Pengurniaan ijazah

6.4.2.1 Ijazah yang dikurniakan oleh KUIM ialah Sarjana Muda Dengan Kepujian mengikut kelas seperti berikut:

| PNGK | Kelas |
|---|---|
| 3.67-4.00 | Pertama |
| 3.00-3.66 | Kedua Bahagian Atas |
| 2.50-2.99 | Kedua Bahagian Bawah |
| 2.00-2.49 | Ketiga |

6.4.2.2 Ijazah boleh dikurniakan kepada pelajar yang telah:

(a) Memenuhi semua kehendak Akta Sarjana Muda Dengan Kepujian.
(b) Memenuhi semua kehendak peraturan ini.
(c) Diperakui supaya diberi ijazah berkenaan oleh Lembaga Peperiksaan dan Senat/ Lembaga Akademik KUIM.
(d) Menjelaskan segala bayaran yang ditetapkan.

## 6.5 Pengulangan kursus

Pindaan Senat
Kali Ke-10/2002

Calon-calon dibenarkan mengulang kursus yang telah sedia lulus bagi tujuan memperbaiki gred iaitu bagi kursus-kursus yang mendapat Gred C-, D+ dan D sahaja. Gred yang diperolehi dalam kursus ulangan akan diambilkira sebagai gred akhir tanpa mengambilkira ia lebih baik dari sebelumnya ataupun sebaliknya.

## 7. Peruntukan-peruntukan Lain

7.1 Kehadiran kuliah dan tutorial bagi sesuatu kursus hendaklah tidak kurang daripada 80%. Oleh itu, jika seseorang pelajar didapati tidak memenuhi keperluan kehadiran tersebut seperti yang ditetapkan oleh KUIM, pelajar tersebut tidak akan dibenarkan mengambil peperiksaan kursus berkenaan setelah Ketua Program dimaklumkan oleh tenaga pengajar yang mengendalikan kursus berkenaan.

7.2 Semua keputusan penilaian akhir semester yang diperolehi oleh pelajar dicatat dalam rekod akademiknya.

### 7.3 Peperiksaan Ulangan Khas

7.3.1 Peperiksaan Ulangan Khas boleh diadakan bagi pelajar semester terakhir yang memerlukan hanya satu kursus untuk tujuan mendapatkan ijazah.

7.3.2 Peperiksaan ini hendaklah diadakan dalam bentuk bertulis dan hanya boleh diambil sekali sahaja sepanjang tempoh pengajian ijazah. Gred yang diberikan hanya L atau G (Lulus atau Gagal).

7.3.3 Permohonan hendaklah dikemukakan kepada Pendaftar (Bahagian Akademik) dalam masa dua (2) minggu selepas keputusan peperiksaan diumumkan secara rasmi. Bayaran yang dikenakan untuk tujuan ini ialah RM50.00.

7.3.4 Apabila diterima sesuatu permohonan, Pendaftar hendaklah merujukkannya kepada Ketua Program yang berkenaan. Ketua Program, setelah berunding dengan Penyelaras kursus berkenaan, hendaklah mengaturkan peperiksaan tersebut dalam tempoh dua (2) minggu.

## 8. Penggantungan Pendaftaran, Penangguhan Pengajian dan Penangguhan Peperiksaan

Pindaan Senat
Kali Ke-19/2004

8.1 **Bagi tujuan peraturan ini:**

"Penggantungan pendaftaran" bermaksud kebenaran untuk tidak mendaftar yang diberikan kepada calon pelajar yang telah ditawarkan tempat untuk mengikuti sesuatu program pengajian;

"Penangguhan pengajian" bermaksud kebenaran untuk tidak meneruskan pengajian pada sesuatu semester sama ada seseorang pelajar itu mendaftar kursus pada semester berkenaan ataupun tidak;

"Penangguhan peperiksaan" bermaksud kebenaran untuk tidak menduduki peperiksaan akhir sesuatu semester;

"Pegawai perubatan/doktor bertauliah" bermaksud pegawai perubatan kerajaan atau doktor panel Universiti; dan

"Sakit" bermaksud ketidakupayaan untuk meneruskan pengajian dan ketidakupayaan ini diperakukan oleh pegawai perubatan/doktor bertauliah dan ini tidak termasuk kehamilan.

8.2 **Penggantungan Pendaftaran**

Pindaan Senat
Kali Ke-19/2004

8.2.1 Calon pelajar yang telah ditawarkan untuk mengikuti sesuatu program pengajian tetapi belum mendaftar boleh memohon dalam tempoh sah tawaran untuk menggantungkan pendaftarannya selama tidak kurang satu (1) semester dan tidak melebihi dua (2) semester jika atas sebab yang munasabah dengan membuat permohonan secara bertulis kepada Dekan untuk kelulusan dan disalinkan kepada Pendaftar.

8.2.2 Tempoh penggantungan pendaftaran tidak boleh melebihi dua (2) semester kecuali atas sebab-sebab kesihatan.

## 8.3 Penangguhan Pengajian

8.3.1 Seseorang pelajar yang sakit untuk tempoh yang agak lama boleh diberi penangguhan pengajian bagi semester-semester tertentu oleh Dekan. Dalam kes-kes seperti ini perakuan daripada pegawai perubatan/-doktor bertauliah adalah diperlukan. Perakuan yang diperolehi daripada pegawai selain daripada pegawai perubatan/doktor berkenaan boleh dipertimbangkan dalam kes-kes tertentu setelah pelajar berkenaan terlebih dahulu menjalani rawatan pegawai perubatan/doktor berkenaan. Dalam kes sakit jiwa, kebenaran untuk mendaftar semula tertakluk kepada perakuan pegawai perubatan/-doktor yang memberi rawatan.

Pindaan Senat Kali Ke-19/2004

8.3.2 Pelajar yang telah disahkan oleh pegawai perubatan/doktor bertauliah bahawa dia sedang hamil untuk tempoh enam (6) bulan dan ke atas pada tarikh permulaan pendaftaran dinasihatkan supaya menangguh pengajian pada semester tersebut.

8.3.3 Seseorang pelajar yang menghadapi masalah lain daripada perkara 8.3.1 dan perkara 8.3.2 di atas boleh juga diberi penangguhan pengajian untuk sesuatu semester jika Dekan berkenaan berpuas hati bahawa masalah yang dihadapinya akan menjejaskan pengajian pelajar itu pada sesi berkenaan.

Pindaan Senat Kali Ke-19/2004

8.3.4 Permohonan penangguhan pengajian boleh dibuat sehingga minggu ke sepuluh (10) sesuatu semester. Permohonan selepas minggu ke sepuluh (10) tidak akan diberi pertimbangan melainkan permohonan yang diterima daripada pelajar yang telah disahkan hamil dan tidak berupaya untuk meneruskan pengajian oleh pegawai perubatan/-doktor bertauliah atau daripada pelajar yang memohon berdasarkan perkara 8.3.1 atau perkara 8.3.2 di atas.

8.3.5 Permohonan penangguhan pengajian hendaklah dikemukakan kepada Dekan dan disalinkan kepada Pendaftar (Bahagian Akademik).

8.4 **Tempoh Pendaftaran Semester Semasa Penangguhan Pengajian**

Pindaan Senat
Kali Ke-19/2004

8.4.1 Tempoh yang terlibat dengan penangguhan pengajian atas sebab-sebab yang dinyatakan dalam perkara 8.3.1, perkara 8.3.2 dan bagi pelajar yang disahkan hamil dan tidak berupaya meneruskan pengajian dalam perkara 8.3.4 di atas tidak diambil kira sebagai sebahagian daripada keperluan maksimum yang dibenarkan bagi melayakkan diri untuk mendapat ijazah seperti pada perkara 3.6 Peraturan ini.

Pindaan Senat
Kali Ke-19/2004

8.4.2 Tempoh yang terlibat dengan penangguhan pengajian atas sebab-sebab selain daripada yang dinyatakan dalam perkara 8.4.1 di atas diambil kira sebagai sebahagian daripada keperluan maksimum yang dibenarkan bagi melayakkan diri untuk mendapat ijazah seperti pada perkara 3.6 Peraturan ini.

8.4.3 Tempoh penangguhan pengajian tidak boleh melebihi dua (2) semester berturut-turut setiap kali kecuali atas sebab-sebab kesihatan. Tempoh maksimum penangguhan pengajian ialah sebanyak empat (4) semester kecuali atas sebab-sebab kesihatan.

8.5 **Status Sebagai Seorang Pelajar KUIM**

Pelajar yang telah diberi penggantungan pendaftaran dan penangguhan pengajian akan hilang tarafnya sebagai pelajar KUIM dan dengan demikian dia tidak berhak mendapat atau menggunakan kemudahan KUIM yang biasanya diberi kepada pelajar sehingga dia mendaftar semula selepas tempoh berkenaan.

8.6 **Penangguhan Peperiksaan**

8.6.1 Pelajar yang sakit atau menghadapi gangguan-gangguan lain sewaktu peperiksaan boleh memohon kepada Dekan untuk kelulusan menangguhkan pengambilan peperiksaan berkenaan.

8.6.2 Permohonan untuk menangguhkan peperiksaan bagi sesuatu kursus

hendaklah dibuat dalam tempoh empat puluh lapan (48) jam selepas peperiksaan kursus berkenaan diadakan.

8.6.3 Permohonan untuk menangguhkan pengambilan peperiksaan atas sebab-sebab kesihatan hendaklah disertakan dengan surat pengesahan pegawai perubatan/doktor yang merawat pelajar berkenaan seperti dalam perkara 8.3.1 di atas.

8.6.4 Permohonan atas sebab-sebab lain boleh dipertimbangkan dan diluluskan atas budi bicara Dekan berdasarkan kepada merit permohonan tersebut.

**9. Penyimpanan Skrip Jawapan Peperiksaan**

9.1 Semua skrip jawapan pelajar bagi sebarang peperiksaan hendaklah disimpan oleh tenaga pengajar yang mengendalikan kursus sehingga tempoh yang ditetapkan.

9.2 Semua skrip akan disimpan dengan selamat selama sekurang-kurangnya tiga (3) bulan selepas pemberitahuan secara rasmi keputusan peperiksaan kursus berkenaan.

9.3 Tertakluk kepada perkara 9.4 semua skrip jawapan peperiksaan hendaklah dimusnahkan dengan secepat mungkin selepas genap tempoh tiga bulan seperti yang tersebut di dalam perkara 9.2 di atas.

9.4 Dalam kes di mana rayuan terhadap keputusan penilaian sesuatu kursus itu telah dibuat oleh seseorang pelajar, skrip jawapan berkenaan dengan penilaian itu tidak boleh dimusnahkan kecuali selepas keputusan penyemakan semula itu disahkan.

**10. Rayuan Untuk Menyemak Semula Keputusan Penilaian Kursus**

10.1 Sesuatu rayuan untuk menyemak semula keputusan penilaian kursus hendaklah dikemukakan secara bertulis oleh pelajar kepada Pendaftar (Bahagian Akademik). Rayuan tersebut hendaklah dibuat dalam tempoh empat (4) minggu selepas keputusan peperiksaan diumumkan secara rasmi. Sebarang rayuan yang diterima selepas tempoh ini tidak boleh diberi pertimbangan.

10.2 Setiap rayuan yang dikemukakan hendaklah menyatakan kursus atau kursus-kursus yang diminta dibuat penyemakan semula.

10.3 Bayaran sebanyak RM50.00 bagi setiap kursus akan dikenakan kepada pelajar yang membuat rayuan dan bayaran tersebut hendaklah disertakan bersama dengan surat rayuan berkenaan. Bayaran ini tidak akan dikembalikan.

10.4 Apabila diterima sesuatu rayuan, Pendaftar hendaklah merujukkannya kepada Ketua Program yang berkaitan. Ketua Program selepas berunding dengan Penyelaras kursus yang terlibat, boleh melantik sebuah panel pemeriksa bagi menyemak semula keputusan penilaian kursus berkenaan.

10.5 Panel pemeriksa hendaklah terdiri daripada Penyelaras Kursus, pemeriksa asal kursus berkenaan dan sekurang-kurangnya seorang pemeriksa lain yang bidangnya sama atau hampir sama dengan bidang kursus berkenaan.

10.6 Perakuan Panel Pemeriksa dikemukakan bagi pertimbangan mesyuarat Program. Keputusan mesyuarat program mengenai penilaian semula kursus atau kursus-kursus berkenaan hendaklah dikemukakan bagi pengesahan Senat/Lembaga Akademik sebelum dimaklumkan kepada pelajar bekenaan.

10.7 Semua keputusan yang dibuat menurut kaedah ini dan disahkan oleh Senat/Lembaga Akademik adalah muktamad dan sebarang rayuan selanjutnya terhadap keputusan itu tidak boleh dilayan.

## 11. Rayuan Untuk Meneruskan Semula Pengajian

11.1 Seseorang pelajar yang mendapat keputusan "Gagal dan diberhentikan" oleh sebab gagal memenuhi syarat-syarat untuk meneruskan pengajian boleh mengemukakan rayuan terhadap keputusan tersebut.

11.2 Setiap rayuan hendaklah dikemukakan kepada Pendaftar dalam tempoh empat (4) minggu selepas pengumuman rasmi keputusan peperiksaan. Setiap rayuan hendaklah disertakan dengan bayaran sebanyak RM50.00 dan bayaran ini tidak boleh dikembalikan. Sebarang rayuan selepas tempoh tersebut tidak boleh dipertimbangkan.

11.3 Apabila diterima sesuatu rayuan, Pendaftar hendaklah merujukkannya kepada Ketua Program. Ketua Program hendaklah melantik sebuah Jawatankuasa Rayuan untuk membuat pertimbangan dan keputusan.

11.4 Jawatankuasa Rayuan tersebut hendaklah terdiri daripada Ketua Program yang bertanggungjawab dalam hal-ehwal akademik, Penyelaras kursus berkenaan dan sekurang-kurangnya seorang ahli daripada Program pengajian yang berkaitan.

11.5 Jawatankuasa tersebut hendaklah mempunyai kuasa seperti berikut:

11.5.1 Menerima atau menolak sesuatu rayuan;

11.5.2 Membuat keputusan terhadap semua rayuan yang dipertimbangkan;

11.5.3 Memperakukan keputusan yang telah dicapai mengenai semua rayuan yang dipertimbangkan dan memperakukan, jika ada, rayuan tidak layak dipertimbangkan.

11.6 Perakuan yang dibuat mengenai perkara di atas tersebut hendaklah dikemukakan kepada Senat/Lembaga Akademik untuk pengesahan.

11.7 Setiap keputusan yang dibuat menurut kaedah ini dan disahkan oleh Senat/Lembaga Akademik adalah muktamad. Oleh itu, sebarang rayuan selanjutnya mengenai hal ini tidak boleh dilayan.

**12. Umum**

12.1 Peraturan ini dan semua tafsiran mengenainya yang dibuat oleh Senat/Lembaga Akademik KUIM dari semasa ke semasa hendaklah berkuatkuasa kepada pelajar yang mendaftar selepas tarikh penguatkuasaan Peraturan ini.

12.2 Senat/Lembaga KUIM mempunyai kuasa untuk memberi apa-apa pengecualian yang difikirkan sesuai daripada keperluan-keperluan Peratusan ini

# SARJANA MUDA FIQH DAN FATWA DENGAN KEPUJIAN

## 1. Matlamat Program

1.1 Menghasilkan graduan yang benar-benar mahir di dalam bidang fiqh dan pengurusan fatwa yang mampu mengaplikasikan teori terhadap masalah-masalah semasa dan menangani isu-isu berkaitan fatwa.

1.2 Melahirkan graduan yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran berkaitan hukum syarak yang mampu memahami hasil penulisan *turath* dan menangani persoalan semasa secara praktikal dan profesional.

1.3 Menghasilkan graduan yang dapat berfikir, menilai dan membantu menyelesaikan permasalahan baru yang diperlukan oleh berbagai-bagai agensi kerajaan dan swasta, serta masyarakat secara amnya.

1.4 Melahirkan para graduan yang boleh membantu dalam usaha meningkatkan lagi institusi fatwa dan rundingan hukum syarak yang diperlukan.

## 2. Komponen dan Struktur Program

Program Ijazah Sarjana Muda Fiqh dan Fatwa Dengan Kepujian mengandungi 144 unit. Struktur program adalah seperti berikut:

| | | | |
|---|---|---|---|
| Kursus Universiti | WU | 23 unit | 16% |
| Kursus Teras Fakulti | WF | 30 unit | 20.8% |
| Kursus Program | WP | 81 unit | 56.3% |
| Kursus Elektif | LP | 10 unit | 6.9% |

## Komponen Program adalah seperti berikut :

| Komponen Kursus | Jenis Kursus | Jumlah Unit | Taraf Kursus |
|---|---|---|---|
| 1. Kursus Kolej Universiti + | **I. 2 Kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia:** | | |
| | UTA1012 Tamadun Islam dan Tamadun Asia | 2 | WU |
| | UTA1022 Tamadun Islam dan Tamadun Asia | 2 | WU |
| | **II. 7 Kursus Pengajian Umum:** | | |
| | UTA1032 Pengantar Teknologi Maklumat | 2 | WU |
| | UTA1042 Pemikiran Kritis dan Kreatif | 2 | WU |
| | UTA2012 Pengantar Komunikasi | 2 | WU |
| | UTA2022 Asas Pengurusan Kualiti | 2 | WU |
| | UTA2032 Metodologi Penyelidikan | 2 | WU |
| | UTA1051 Pengajian Halaqah | 1 | WU |
| | UTA2051 Muhadathah Hurrah | 1 | WU |
| | **III. 1 Kursus Latihan Amali/Industri:** | | |
| | LCA4024 Latihan Industri | 4 | WU |
| | **IV. 1 Kursus Ko-Kurikulum:** | | |
| | Cxxxxx3 | 3 | WU |
| | **Jumlah Unit** | 23 | |
| 2. Kursus Teras Fakulti+ | **I. 5 Kursus Kemahiran Bahasa Arab:** | | |
| | UBA1012 Maharat al-Qiraah | 2 | WF |
| | UBA1022 Maharat al-Muhadathah wa al-Khatabah | 2 | WF |
| | UBA2012 Maharat al-Kitabah | 2 | WF |
| | UBA2022 Maharat al-Istima' wa al-fahm | 2 | WF |
| | UBA2032 al-Arabiyyah al-Ittisaliyyah | 2 | WF |
| | **II. 2 Kursus Kemahiran Bahasa Inggeris:** | | |
| | UBE1012 Bahasa Inggeris I | 2 | WF |
| | UBE1022 Bahasa Inggeris II | 2 | WF |
| | **III. 8 Kursus Teras Pengajian Islam:** | | |
| | AAA1012 Akidah Islam | 2 | WF |
| | LAA1032 Sistem Undang-Undang Di Malaysia | 2 | WF |
| | QAA1012 Ulum Al-Quran | 2 | WF |
| | QAA1042 Sirah Rasul | 2 | WF |
| | AAA1022 Methodologi Dakwah | 2 | WF |
| | QAA1022 Ulum Al-Hadith | 2 | WF |
| | QAA2012 Pengantar Qiraat Dan Hafazan | 2 | WF |
| | AAA2012 Pemikiran Islam Semasa | 2 | WF |
| | **Jumlah Unit** | 30 | |

| Komponen Kursus | Jenis Kursus | Jumlah Unit | Taraf Kursus |
|---|---|---|---|
| 3. Kursus Program+ | LCA1012 Al-Madkhal Ila al-Fiqh wa al-Fatawa | 2 | WP |
| | LBA1033 Fiqh al-ibadat | 3 | WP |
| | LBA2013 Fiqh al-Muamalat | 3 | WP |
| | LCA1023 Prinsip Undang-Undang Di Malaysia | 3 | WP |
| | LCA2013 Mabahith al-Hukm | 3 | WP |
| | LCA2023 Tarikh al-Mazahib Wa al-Fatawa | 3 | WP |
| | LBA2063 Fiqh al-Munakahat | 3 | WP |
| | LAA2053 Al-Ahwal al-Syakhsiyyah | 3 | WP |
| | LCA2033 Mabahith Adillat al-Ahkam | 3 | WP |
| | LBA3023 Fiqh al-Jinayat | 3 | WP |
| | LCA3013 Mabahith Dalalatul Alfaz | 3 | WP |
| | LAA2063 Pentadbiran Undang-undang Islam Di Malaysia | 3 | WP |
| | LCA3023 Falsafah Al-Tasyri' | 3 | WP |
| | LAA2043 Qawaid Fiqhiyyah | 3 | WP |
| | LAA3013 Fiqh al-Qada' | 3 | WP |
| | LCA3033 Manahij al-Fuqaha' | 3 | WP |
| | LCA3043 Mabahith al- Ta'arud Wa al-Tarjih | 3 | WP |
| | LCA3053 Pengajian Malaysia | 3 | WP |
| | LCA4013 Dirasat al-Fatawa al-Muasirah | 3 | WP |
| | LAA3053 A-Siyasah al- Syariah | 3 | WP |
| | LCA4033 Fiqh al-Mawarith Wa al Wasiyyah wa Al-Waqf | 3 | WP |
| | LCA4043 Undang-Undang Tort Islam | 3 | WP |
| | LCA4053 Fiqh al-Dusturi Wa al-Idari | 3 | WP |
| | LCA4063 Mabahith al-Ijtihad Wa al-Ifta' | 3 | WP |
| | LCA4073 Pengurusan Fatwa | 3 | WP |
| | LCA4083 Projek Ilmiah | 3 | WP |
| | UBE2412 English for Academic Purpose I | 2 | WP |
| | UBE2422 English for Academic Purpose II | 2 | WP |
| | **Jumlah** | 81 | |
| 4. Kursus Elektif # | **Pakej 1 (Kehakiman dan Guaman Syarie)** | | |
| | LCA 4512 Acara Mal Mahkamah Syariah | 2 | LP |
| | LCA4522 Acara Jenayah Mahkamah Syariah | 2 | LP |
| | LCA4532 Amalan Kehakiman dan Guaman Syarie | 2 | LP |
| | LCA4542 Kemahiran Rundingcara dan Sulh | 2 | LP |
| | LCA4552 Moot Court | 2 | LP |
| | **Pakej 2 (Kewangan Islam)** | | |
| | LCA4562 Perbankan Islam, Takaful dan Gadaian | 2 | LP |
| | LCA4572 Sistem Pengurusan Zakat | 2 | LP |
| | LCA4582 Pengurusan Tabung Haji | 2 | LP |
| | LCA4592 Aspek Perundangan dalam Kewangan Islam | 2 | LP |
| | LCA4612 Pasaran Modal Islam | 2 | LP |

| Komponen Kursus | Jenis Kursus | Jumlah Unit | Taraf Kursus |
|---|---|---|---|
| | **Pakej 3 (Teknologi Maklumat dan Komunikasi)** | | |
| | LCA4622 Undang-Undang Siber | 2 | LP |
| | SKJ4612 Prinsip Pengaturcaraan JAVA | 2 | LP |
| | SKJ4622 Prinsip Pengurusan Sistem Pangkalan Data | 2 | LP |
| | SKJ4632 Prinsip Spesifikasi Perisian dan Rekabentuk | 2 | LP |
| | SKJ4642 Prinsip Rangkaian Komputer | 2 | LP |
| | **Pakej 4 (Sains Pemakanan)** | | |
| | SFA4612 Prinsip Sains Makanan | 2 | LP |
| | SFA4622 Bioteknologi dan Masyarakat | 2 | LP |
| | SFA4632 Prinsip Penghasilan Makanan Halal | 2 | LP |
| | SFA4642 Prinsip Kimia Pengguna | 2 | LP |
| | SFA4652 Prinsip Keselamatan dan Perundangan Makanan | 2 | LP |
| | **Pakej 5 (Undang-undang)** | | |
| | LCA4632 Constitutional and Administrative Law | 2 | LP |
| | LCA4622 Cyber Law | 2 | LP |
| | LCA4642 Intellectual Property Law | 2 | LP |
| | LCA4652 Consumer Law | 2 | LP |
| | LCA4662 Medical Law | 2 | LP |
| | **Jumlah Unit** | **10** | |
| | **JUMLAH KESELURUHAN** | **144** | |

+ Wajib diambil dan lulus

# Dikehendaki mengambil dan lulus lima kursus daripada mana-mana pakej yang ditawarkan yang jumlahnya adalah 10 unit.

## Senarai Penawaran Kursus Menurut Semester (Semester I hingga VIII)

| Semester | Kod dan Nama Kursus | Taraf Kursus | Unit | Jam Pertemuan |
|---|---|---|---|---|
| I | UTA1012 Tamadun Islam dan Tamadun Asia | WU | 2 | 3 |
| | UTA1032 Pengantar Teknologi Maklumat | WU | 2 | 3 |
| | UBE 1012 Bahasa Inggeris I | WF | 2 | 3 |
| | UBE1022 Bahasa Inggeris II | WF | 2 | 3 |
| | UBA1012 Maharat al-Qiraah | WF | 2 | 3 |
| | UBA1022 Maharat al-Muhadathah wa al-Khatabah | WF | 2 | 3 |
| | AAA1012 Akidah Islam | WF | 2 | 3 |
| | LCA1012 Al-Madkhal Ila al-Fiqh wa al-Fatawa | WP | 2 | 3 |
| | CAA2041 Pengajian Halaqah | WU | 1 | 1 |
| | LAA1032 Sistem Undang-Undang Di Malaysia | WF | 2 | 3 |
| | **Jumlah** | | **19** | **28** |

| Semester | Kod dan Nama Kursus | Taraf Kursus | Unit | Jam Pertemuan |
|---|---|---|---|---|
| II | UTA1022 Tamadun Islam dan Tamadun Asia | WU | 2 | 3 |
| | UTA1042 Pemikiran Kritis dan Kreatif | WU | 2 | 3 |
| | UBE2412 English for Academic Purpose I | WU | 2 | 3 |
| | UBE2422 English for Academic Purpose II | WP | 2 | 3 |
| | UBA2022 Maharat al-Istima[c] wa al-Fahm | WF | 2 | 3 |
| | UBA2012 Maharat al-Kitabah | WF | 2 | 3 |
| | LBA1033 Fiqh al-Ibadat | WP | 3 | 3 |
| | LCA1033 Prinsip Undang-Undang Di Malaysia | WP | 3 | 3 |
| | **Jumlah** | | **18** | **24** |
| III | UTA2012 Pengantar Komunikasi | WU | 2 | 3 |
| | UBA2032 Al-Arabiah al-Ittisaliyyah | WF | 2 | 3 |
| | QAA1012 Ulum Al-Quran | WF | 2 | 3 |
| | QAA1022 Ulum Al-Hadith | WF | 2 | 3 |
| | QAA2012 Pengantar Qiraat Dan Hafazan | WF | 2 | 3 |
| | LCA2013 Mabahith al-Hukm | WF | 3 | 3 |
| | LCA2023 Tarikh al-Mazahib Wa al-Fatawa | WF | 3 | 3 |
| | LBA2013 Fiqh al-Muamalat | WF | 3 | 3 |
| | **Jumlah** | | **19** | **24** |
| IV | UTA2022 Asas Pengurusan Kualiti | WU | 2 | 3 |
| | AAA1022 Methodologi Dakwah | WF | 2 | 3 |
| | UTA2032 Methodogi Penyelidikan | WU | 2 | 3 |
| | QAA1042 Sirah Rasul | WF | 2 | 3 |
| | LBA2083 Fiqh al-Munakahat | WP | 3 | 3 |
| | LAA2053 Al-ahwal al -Syakhsiyyah | WP | 3 | 3 |
| | LCA2033 Mabahith Adillat al-Ahkam | WP | 3 | 3 |
| | Lxxxxxx2 Elektif | LP | 2 | 3 |
| | **Jumlah** | | **19** | **27** |
| V | LBA3033 Fiqh al-Jinayat | WP | 3 | 3 |
| | LCA3013 Mabahith Dalalatul Al-Alfaz | WP | 3 | 3 |
| | LAA2063 Pentadbiran Undang-undang Islam Di Malaysia | WP | 3 | 3 |
| | AAA2012 Pemikiran Islam Semasa | WF | 2 | 3 |
| | LCA3023 Falsafah al-Tasyri[c] | WP | 3 | 3 |
| | UTA2051 Muhadathah Hurrah | WU | 1 | 1 |
| | Cxxxxx3 Ko-kurikulum | WU | 3 | 3 |
| | Lxxxxxx2 Elektif | LP | 2 | 3 |
| | **Jumlah** | | **20** | **22** |

| Semester | Kod dan Nama Kursus | Taraf Kursus | Unit | Jam Pertemuan |
|---|---|---|---|---|
| VI | LAA2043 Qawaid Fiqhiyyah<br>LAA3013 Fiqh al-Qada'<br>LCA3033 Manahij al-Fuqaha'<br>LCA3043 Mabahith al-Ta'arud Wa al-Tarjih<br>LCA3053 Pengajian Malaysia<br>Lxxxxxx2 Elektif | WP<br>WP<br>WP<br>WF<br>WP<br>LP | 3<br>3<br>3<br>2<br>3<br>2 | 3<br>3<br>3<br>3<br>3<br>3 |
| | **Jumlah** | | **17** | **18** |
| VII | LCA4013 Dirasat al-Fatawa al-Muasirah<br>LAA3053 Al-Siyasah al-Syar[c]iyyah<br>LCA4024 Latihan Industri<br>LCA4033 Fiqh al-Mawarith Wa al Wasiyyah wa al-Waqf<br>LCA4043 Undang-Undang Tort Islam<br>Lxxxxxx2 Elektif | WP<br>WP<br>WU<br>WP<br>WP<br>LP | 3<br>3<br>4<br>3<br>3<br>2 | 3<br>3<br>3<br>3<br>3<br>3 |
| | **Jumlah** | | **18** | **18** |
| VIII | LCA4053 Fiqh al-Dusturi Wa al-Idari<br>LCA4063 Mabahith al-Ijtihad Wa al-Ifta'<br>LCA4073 Pengurusan Fatwa<br>LCA4083 Projek Ilmiah<br>Lxxxxxx2 Elektif | WP<br>WP<br>WP<br>WP<br>LP | 3<br>3<br>3<br>3<br>2 | 3<br>3<br>3<br>3<br>3 |
| | **Jumlah** | | **14** | **15** |
| | **JUMLAH BESAR** | | **144** | **176** |

# PERATURAN-PERATURAN
# KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA
# (PENGAJIAN SARJANA MUDA FIQH DAN FATWA DENGAN KEPUJIAN) 2004

**1. Nama, Mula Berkuatkuasa dan Pemakaian**

1.1 Peraturan ini dinamakan Peraturan-peraturan Pengajian Ijazah Sarjana Muda Dengan Kepujian, Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) dan hendaklah mula berkuatkuasa pada 26 Julai 2004.

1.2 Peraturan ini hendaklah terpakai bagi semua pelajar yang mula mendaftar sebagai pelajar peringkat ijazah KUIM selepas tarikh Peraturan ini berkuatkuasa.

1.3 Peraturan ini hendaklah terpakai bagi tujuan pengijazahan untuk ijazah Sarjana Muda Fiqh Dan Fatwa Dengan Kepujian.

**2. Syarat Kemasukan**

2.1 Lulus Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau peperiksaan lain yang setaraf dengannya, serta mendapat kepujian sekurang-kurangnya dalam lima (5) mata pelajaran iaitu:

- Bahasa Melayu
- Bahasa Arab Tinggi
- Dua (2) daripada matapelajaran berikut:

  a. Bahasa Arab Komunikasi
  b. Pendidikan Islam
  c. Tasawwur Islam
  d. Pendidikan Syariah Islamiyyah
  e. Pendidikan Al-Quran dan Al-Sunnah

Dan satu (1) matapelajaran lain

Serta lulus dalam Bahasa Inggeris dan Matematik diperingkat tersebut; **dan**

2.2 Memiliki mana-mana kelayakan berikut :

2.2.1 Memiliki STPM dan mendapat sekurang-kurangnya Gred C dalam matapelajaran berikut :
- Pengajian Am/Kertas Am
- Bahasa Arab
- Syariah

**Atau**

2.2.2 Memiliki Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) yang baik, sekurang-kurangnya diperingkat Jayyid; **Atau**

2.2.3 Mempunyai Diploma dalam bidang yang sesuai dengan kursus yang dipohon. (Sertakan transkrip akademik daripada semester satu hingga semester akhir); **Atau**

2.2.4 Mempunyai kelulusan lain yang diiktiraf setaraf dengannya dan diperakukan oleh Senat Universiti. **Dan**

2.3 Memenuhi keperluan Malaysian University English Test (MUET) bagi pelajar STPM, STAM dan Diploma bagi tahun semasa.

**3. Struktur Pengajian dan Pengijazahan**

3.1 **Jumlah Unit**

Untuk memperolehi ijazah Sarjana Muda Fiqh dan Fatwa dengan Kepujian, pelajar dikehendaki mengikuti dan lulus sekurang-kurangnya seratus empat puluh empat (144) unit kursus yang ditetapkan (seperti yang terkandung dalam 3.2)

## 3.2 Komposisi Kursus

### 3.2.2 **Kursus Wajib Universiti** sebanyak 23 unit

Kursus Kolej Universiti terdiri daripada empat komponen kursus yang diwajibkan kepada semua pelajar KUIM. Pelajar dikehendaki mengikuti dan lulus semua kursus yang diambil dengan mencapai unit yang ditetapkan dan hendaklah meliputi:

d) Empat (4) unit kursus Tamadun Islam Dan Tamadun Asia.
e) Dua belas (12) unit kursus Pengajian Umum.
f) Tiga (3) unit kursus Ko-Kurikulum.
g) Empat (4) unit kursus Latihan Industri / Amali

### 3.2.2 **Kursus Teras Fakulti** sebanyak 30 unit

Kursus Teras Fakulti ialah kursus asas yang wajib diambil oleh pelajar. Ia ditawarkan selama lima semester, mulai semester I hingga semester V. Pelajar dikehendaki mengikuti dan lulus semua kursus yang diambil dengan mencapai unit yang ditetapkan dan hendaklah meliputi:

d) Empat (4) unit kursus Bahasa Inggeris (UBE)
e) Sepuluh (10) unit kursus bahasa Arab( UBA )
f) Enam Belas (16) unit kursus Teras Pengajian Islam

### 3.2.3 **Kursus Program** sebanyak 81 unit

Kursus Program ialah kursus pengkhususan yang wajib diambil oleh pelajar. Ia ditawarkan selama lapan semester, mulai dari semester I hingga semester VIII. Pelajar dikehendaki lulus dan memperolehi sebanyak 81 unit ini termasuk Projek Ilmiah.

### 3.2.4 **Kursus Elektif** sebanyak 10 unit

Kursus Elektif ialah mana-mana kursus yang ditawarkan kepada pelajar secara berpakej. Komposisi pakej ini terdiri daripada 10 unit yang perlu dilegkapkan oleh pelajar yang mengikuti program ini.

3.3 **Kursus Latihan Amali**

Kursus Latihan Amali ialah kursus bertaraf Kursus Universiti yang diwajibkan kepada semua pelajar KUIM. Kursus ini bernilai empat (4) unit dan direkodkan dalam bentuk gred pada transkrip pelajar, tetapi nilai grednya tidak diambil kira dalam pengiraan Purata Nilai Gred (PNG) dan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK). Pelajar dikehendaki menjalani Latihan Amali dijabatan/agensi yang sesuai dan akan ditentukan oleh KUIM. Ia bertujuan memberi pendedahan tentang bidang kerjaya dan persekitaran kerja, mempraktikkan pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi dan mewujudkan jalinan kerjasama antara KUIM dengan masyarakat luar.

3.4 **Kursus Pengajian Halaqah Dan Muhadathah Hurrah**

Kedua-dua kursus ini adalah kursus bertaraf Kursus Universiti (WU) yang diwajibkan kepada semua pelajar KUIM. Ia bernilai dua (2) unit dan direkodkan dalam bentuk gred pada transkrip pelajar, tetapi nilai grednya tidak diambil kira dalam pengiraan Purata Nilai Gred Semester (PNGS) dan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK). Unit kursus ini akan diambil sebagai sebahagian daripada syarat pengajian untuk Pengijazahan.

Kursus ini bertujuan untuk penyuburan dan pengukuhan intelektual dan jasmani. Antara matlamat kursus ini diadakan adalah seperti berikut:

3.4.3 **Pengajian Halaqah:**
Kursus ini bertujuan memahami dan mendalami kitab-kitab *turath* yang berkaitan dengan komunikasi dalam perspektif Islam. Pengajian ini dijalankan selama empat semester dan bernilai satu unit.

3.4.4 **Muhadathah Hurrah:**
Kursus ini bertujuan memberi penekanan kemahiran Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris. Pada peringkat ini kursus ini dinamakan Pengucapan Awam dan dijalankan selama dua semester serta bernilai satu unit. Pelaksanaannya dijalankan dalam Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris.

3.5 **Pengecualian**
Senat/Lembaga Akademik KUIM boleh memberi pengecualian daripada Peraturan 3.1 di atas

kepada seseorang pelajar dengan syarat:

3.5.1 Pelajar dianggap telah mencapai nilai unit bagi kursus-kursus yang dikecualikan itu.

3.5.2 Pengecualian maksimum jumlah unit yang boleh diberikan kepada seseorang pelajar adalah tertakluk kepada persetujuan program pengajian berkenaan berdasarkan kepada rekod pencapaian akademik pelajar berkenaan.

3.6 **Tempoh Pengajian**

3.6.1 Tempoh pengajian yang dibenarkan kepada seseorang pelajar mengikuti pengajian pringkat ijazah ialah tidak kurang daripada lapan (8) semester dan tidak lebih daripada dua belas (12) semester. Pengiraan tempoh pengajian dikira bermula dari tarikh pendaftaran pertama pelajar memasuki pengajian peringkat ijazah.

3.6.2 Pengecualian daripada tempoh maksimum dua belas (12) semester itu boleh diberi oleh Senat KUIM kerana sesuatu sebab yang munasabah selain daripada sebab kegagalan dalam peperiksaan yang ditetapkan.

3.6.3 Pelajar yang diberi pengecualian daripada sebilangan unit kursus semasa penerimaan masuk, maka tempoh minimum yang dibenarkan untuk menyelesaikan kursus-kursus lain adalah tertakluk kepada bilangan unit yang dikecualikan.

3.7 **Pendaftaran Kursus**

Pindaan Senat
Kali Ke-22/2004

3.7.1 Semua pelajar dikehendaki mendaftar semua kursus yang diambil pada tarikh yang ditetapkan. Pelajar yang gagal mendaftar pada tarikh tersebut boleh dibenarkan mendaftar dengan syarat menjelaskan denda sebanyak RM15.00 dan mendaftar dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh tersebut. Kegagalan mendaftar dalam tempoh yang ditetapkan tanpa alasan yang munasabah boleh menyebabkan pelajar tidak

dibenarkan mendaftar pada semester tersebut sama sekali.

3.7.2 Pendaftaran kursus hendaklah tidak kurang daripada lapan belas (18) unit dan tidak melebihi dua puluh tiga (23) unit pada setiap semester. Pendaftaran yang kurang daripada lapan belas (18) unit dan yang lebih daripada dua puluh tiga (23) unit hanya boleh diberikan dengan kebenaran Dekan.

3.7.3 Pelajar boleh melakukan penukaran kursus yang telah didaftar dengan kursus lain dalam tempoh dua (2) minggu pertama permulaan setiap semester.

3.7.4 Pelajar juga dibenarkan menggugurkan kursus yang telah didaftarkan dengan syarat pengguguran itu hendaklah dibuat dalam tempoh empat (4) minggu pertama permulaan setiap semester. Pengguguran yang dibuat selepas minggu keempat tidak akan diterima dan calon dianggap gagal dalam kursus berkenaan.

3.7.5 Pengguguran kursus boleh dibuat dengan syarat ia tidak menjejaskan jumlah minimum dua puluh (20) unit kursus bagi sesuatu semester, kecuali bagi pelajar yang diberi kebenaran mendaftar seperti yang diperuntukkan dalam 3.7.2 di atas. Bagi kursus yang diberi kebenaran penggugurannya, ia tidak akan diambil kira dalam pengiraan Purata Nilai Gred (PNG)



Pindaan Senat
Kali Ke-19/2004

3.7.6 Pelajar turut dibenarkan untuk menarik diri daripada sesuatu kursus yang didaftarkan dengan syarat penarikan diri daripada kursus tersebut hendaklah mendapat kebenaran Dekan dan dibuat di antara minggu keempat (4) hingga minggu kesepuluh (10) sesuatu semester.

Pindaan Senat
Kali Ke-22/2004

3.7.7 Pelajar yang gagal menyerahkan projek ilmiah mereka dalam tempoh yang ditetapkan akan diberikan gred SM (Sedang Maju) sehinggalah genap 30 hari daripada hari terakhir Peperiksaan Akhir Semester pada semester tersebut. Sekiranya pelajar masih gagal berbuat demikian, pelajar hendaklah memohon secara bertulis daripada dekan fakulti

untuk membawa gred SM (Sedang Maju) tersebut ke semester berikutnya dengan mengemukakan alasan yang munasabah sebelum dibenarkan mendaftar kursus bagi projek ilmiah mereka mengikut Perkara 3.7.1 di atas.

3.7.8 Sekiranya pelajar gagal memohon secara bertulis daripada dekan fakulti atau sekiranya dekan fakulti tidak berpuas hati dengan alasan yang dikemukakan, pelajar akan diberikan gred E untuk projek ilmiah mereka sebelum dibenarkan mendaftar kursus tersebut mengikut Perkara 3.7.1 di atas.

3.7.9 Pelajar yang gagal mendaftar kursus bagi tempoh dua (2) semester berturut-turut tanpa alasan yang munasabah akan diberhentikan daripada pengajian oleh Senat.

## 4. Struktur Penilaian

4.1 Penilaian kursus setiap semester adalah berdasarkan kepada sistem penilaian nilai gred. Penilaian ini akan diberi kepada aspek penyediaan kerja kursus sepanjang semester dan peperiksaan akhir semester.

4.2 Penilaian nilai gred sesuatu kursus diambil berdasarkan kepada 40% daripada kerja kursus atau peperiksaan pertengahan semester dan 60% lagi daripada peperiksaan akhir semester.

4.3 Gred dan nilai gred yang diberikan kepada sesuatu kursus adalah seperti berikut:

| Gred | Nilai Gred | Taraf |
|---|---|---|
| A | 4.00 | |
| A- | 3.67 | Cemerlang |
| B+ | 3.33 | |
| B | 3.00 | Kepujian |
| B- | 2.67 | |
| C+ | 2.33 | |
| C | 2.00 | |
| C- | 1.67 | |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| Pindaan Senat Khas Bil 1/2003 | D+ | 1.33 | | |
| | D | 1.00 | Lulus | |
| | E | 0.00 | Gagal | |
| | L/G | Lulus/Gagal | | |
| | TL | Tidak Lengkap | | |
| | SM | Sedang Maju | | |
| | U | Audit | | |
| | TD | Tarik Diri | | |
| Pindaan Senat Kali Ke-19/2004 | TG | Tangguh Pengajian | | |
| | TP | Tangguh Peperiksaan | | |
| | X | Tidak Hadir | | |

4.4 **Gred-gred yang diberikan tanpa nilai gred ialah:**

4.4.1 L/G (Lulus/Gagal) iaitu gred yang diberikan kepada pelajar yang mengambil kursus yang keputusannya tidak diberi nilai gred tetapi hanya diberi "Lulus" atau "Gagal" sahaja.

4.4.2 TL (Tidak Lengkap) iaitu gred yang diberikan dengan kebenaran Program berkenaan kepada pelajar yang tidak dapat menyelesaikan sekurang-kurangnya 70% daripada keperluan kursus atas alasan yang munasabah. Walau bagaimanapun, pelajar perlu melengkapkan keperluan tersebut selewat-lewatnya dua (2) minggu selepas bermulanya semester berikutnya untuk mendapat penilaian penuh dan juga gred.

4.4.3 SM (Sedang Maju) iaitu gred yang digunakan bagi kursus yang berupa sesuatu kerja atau projek yang melebihi satu semester untuk disiapkan. Ia tidak diberi mata nilaian, tetapi unit baginya hanya dikira untuk penentuan unit umum bagi sesuatu semester dan bukan untuk keperluan penilaian untuk mendapat ijazah. Unit dan nilai gred bagi kursus tersebut hanya diambil kira bagi maksud pengiraan jumlah unit

untuk keperluan ijazah dan purata nilaian apabila gred SM digantikan dengan gred biasa.

4.4.4 U (Audit) iaitu gred yang diberikan kepada pelajar yang mendaftar, menghadiri kursus dan mengambil peperiksaan bagi sesuatu kursus, tetapi nilai gred tidak diberikan dan gred tersebut hanya direkodkan jika pelajar lulus peperiksaan kursus tersebut.

Pindaan Senat Kali Ke-19/2004

4.4.5 TD (Tarik Diri) iaitu gred yang diberikan kepada pelajar yang menarik diri daripada sesuatu kursus dengan kebenaran Dekan dalam tempoh di antara minggu keempat (4) dan minggu kesepuluh (10) sesuatu semester.

Pindaan Senat Kali Ke-19/2004

4.4.6 TG (Tangguh Pengajian) iaitu gred yang diberikan kepada pelajar yang memohon untuk menangguhkan pengajian pada sesuatu semester dan diberi kebenaran berbuat demikian.

4.4.7 TP (Tangguh Peperiksaan) iaitu gred yang diberikan kepada pelajar yang memohon untuk menangguhkan peperiksaan di bawah perkara "8.6 Penangguhan Peperiksaan". Jika diluluskan, peperiksaan gantian hendaklah diadakan seberapa segera yang boleh.

**5. Sistem Penilaian Dan Purata Nilai Gred (PNG)**

5.1 Semua kursus akan diambil kira untuk mengira Purata Nilai Gred (PNG) semester dan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK), kecuali kursus Latihan Amali dan Ko-Kurikulum.

5.2 Kursus yang mendapat gred "E" (gagal) juga diambil kira untuk menentukan Purata Nilai Gred (PNG) dan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK).

5.3 Gred bagi kursus ulangan adalah diambil kira untuk menentukan Purata Nilai Gred (PNG) dan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) dan dengan ini gred "E" (gagal) yang asal bagi kursus berkenaan digugurkan dalam pengiraan PNG dan PNGK tersebut.

5.4 Pengiraan PNG dan PNGK akan ditentukan mengikut kaedah berikut:

5.4.1 Purata Nilai Gred (PNG) Semester

Jumlah nilai gred (nilai gred X unit kursus) untuk semua kursus dibahagikan dengan jumlah unit bagi semua kursus yang diambil pada sesuatu semester seperti pada perkara 5.1, 5.2 dan 5.3;

Rumus pengiraan PNG adalah seperti berikut:

$$\frac{\sum_{i=1}^{n} G_i U_i}{\sum_{i=1}^{n} U_i}$$

yang mana

$G_i$ = Nilai gred kursus ke-i

$U_i$ = Unit kursus ke-i

n = Bilangan kursus yang telah diikuti pada semester

**Contoh:**

**Semester I**

| Kursus | Gred | Nilai gred | Unit Kursus | Nilai Gred X Unit Kursus |
|---|---|---|---|---|
| AAA 1013 | A | 4.00 | 3 | 12.00 |
| AAA 1033 | B+ | 3.33 | 3 | 09.99 |
| AAA 1053 | A- | 3.67 | 3 | 11.01 |
| AAA 1073 | E | 0.00 | 3 | 00.00 |
| AAA 1093 | C+ | 2.33 | 3 | 06.99 |
| **JUMLAH** | | | **15** | **39.99** |

PNG Semester = 39.99/15
= **2.67**

5.4.2 Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK)
Jumlah Nilai Gred (nilai gred X unit kursus) untuk semua kursus dibahagikan dengan jumlah unit bagi semua kursus yang telah diikuti tertakluk kepada perkara 5.1 dan 5.3. Rumus pengiraan PNGK sama seperti rumus pengiraan PNG.

**Contoh:**

**Semester I**

| Kursus | Gred | Nilai gred | Unit Kursus | Nilai Gred X Unit Kursus |
|---|---|---|---|---|
| AAA 1013 | A | 4.00 | 3 | 12.00 |
| AAA 1033 | B+ | 3.33 | 3 | 09.99 |
| AAA 1053 | A- | 3.67 | 3 | 11.01 |
| AAA 1073 | E | 0.00 | 3 | 00.00 |
| AAA 1093 | C+ | 2.33 | 3 | 06.99 |
| **JUMLAH** | | | **15** | **39.99** |

PNG Semester = 39.99/15
= **2.67**

**Semester II**

| Kursus | Gred | Nilai gred | Unit Kursus | Nilai Gred X Unit Kursus |
|---|---|---|---|---|
| AA 1023 | A | 4.00 | 3 | 12.00 |
| AA 1043 | B+ | 3.33 | 3 | 09.99 |
| AA 1063 | C+ | 2.33 | 3 | 06.99 |
| AA 1083 | A | 4.00 | 3 | 12.00 |
| AA 1103 | D | 1.00 | 3 | 03.00 |
| **Jumlah** | | | **15** | **43.98** |
| **JUMLAH BESAR** | | | **30** | **83.97** |

PNG Kumulatif = 83.97/30
= **2.80**

**6. Syarat kelayakan Meneruskan Pengajian**

6.1 **Lulus:** Seseorang pelajar dianggap lulus dan dibenar meneruskan pengajian ke semester berikutnya jika mendapat PNG 2.00 atau lebih (> 2.00).

6.2 **Lulus Bersyarat:**

6.2.1 Seseorang pelajar dianggap Lulus Bersyarat dan dibenar meneruskan pengajian dengan diberi amaran jika mendapat PNG antara 1.00 hingga 1.99.

6.2.2 Seseorang pelajar tidak dibenar berada dalam taraf Lulus Bersyarat dua semester berturut-turut. Ini bermakna jika pelajar memperolehi PNG kurang daripada 2.00 pada semester berikutnya, setelah melalui syarat 6.2.1, pelajar tersebut dianggap gagal dan diberhentikan.

6.3 **Gagal:** Seseorang pelajar dianggap gagal dan diberhentikan jika mendapat PNGK kurang daripada 1.00 atau tidak memenuhi syarat-syarat yang disebutkan oleh perkara 6.2.2 di atas.

## 6.4 Penilaian Untuk Mendapatkan Ijazah

6.4.1 Seseorang pelajar mestilah memenuhi semua syarat berikut untuk dikurniakan ijazah Sarjana Muda Fiqh dan Fatwa Dengan Kepujian:

6.4.1.1 Memperolehi PNGK sekurang-kurangnya 2.00 bagi semua kursus yang diambilnya tertakluk kepada perkara 5.1, 5.2 dan 5.3 di atas

Pindaan Senat Kali Ke-10/2002

6.4.1.2 Mendapat sekurang-kurangnya seratus empat puluh empat (144) unit daripada kursus-kursus yang diambilnya sepanjang tempoh pengajian yang dibenarkan tertakluk kepada komposisi kursus yang terdapat dalam 3.2 di atas. Bagi tujuan ini, pelajar dibenar untuk mengumpul unit tambahan dengan tujuan meningkatkan PNGKnya. Ini boleh dilakukan dengan mendaftar kursus lain yang ditetapkan atau mendaftar semula kursus yang telah sedia lulus tertakluk kepada perkara 6.5 berikutnya.

### 6.4.2 Pengurniaan Ijazah

6.4.2.1 Ijazah yang dikurniakan oleh KUIM ialah Sarjana Muda Dengan Kepujian mengikut kelas seperti berikut:

| PNGK | Kelas |
|---|---|
| 3.67-4.00 | Pertama |
| 3.00-3.66 | Kedua Bahagian Atas |
| 2.50-2.99 | Kedua Bahagian Bawah |
| 2.00-2.49 | Ketiga |

6.4.2.2 Ijazah boleh dikurniakan kepada pelajar yang telah:

(a) Memenuhi semua kehendak Akta Sarjana Muda Dengan Kepujian.

(b) Memenuhi semua kehendak peraturan ini.
(c) Diperakui supaya diberi ijazah berkenaan oleh Lembaga Peperiksaan dan Senat/Lembaga Akademik KUIM.
(e) Menjelaskan segala bayaran yang ditetapkan

6.5 **Pengulangan kursus**

Pindaan Senat Kali Ke-10/2002

Calon-calon dibenarkan mengulang kursus yang telah sedia lulus bagi tujuan memperbaiki gred iaitu bagi kursus-kursus yang mendapat Gred C-, D+ dan D sahaja. Gred yang diperolehi dalam kursus ulangan akan diambilkira sebagai gred akhir tanpa mengambilkira ia lebih baik dari sebelumnya ataupun sebaliknya.

## 7. Peruntukan-peruntukan Lain

7.1 Kehadiran kuliah dan tutorial bagi sesuatu kursus hendaklah tidak kurang daripada 80%. Oleh itu, jika seseorang pelajar didapati tidak memenuhi keperluan kehadiran tersebut seperti yang ditetapkan oleh KUIM, pelajar tersebut tidak akan dibenarkan mengambil peperiksaan kursus berkenaan setelah Ketua Program dimaklumkan oleh tenaga pengajar yang mengendalikan kursus berkenaan.

7.2 Semua keputusan penilaian akhir semester yang diperolehi oleh pelajar dicatat dalam rekod akademiknya.

7.3 **Peperiksaan Ulangan Khas**

7.3.1 Peperiksaan Ulangan Khas boleh diadakan bagi pelajar semester terakhir yang memerlukan hanya satu kursus untuk tujuan mendapatkan ijazah.

7.3.2 Peperiksaan ini hendaklah diadakan dalam bentuk bertulis dan hanya boleh diambil sekali sahaja sepanjang tempoh pengajian ijazah. Gred yang diberikan hanya L atau G (Lulus atau Gagal).

7.3.3 Permohonan hendaklah dikemukakan kepada Pendaftar (Bahagian Akademik) dalam masa dua (2) minggu selepas keputusan peperiksaan diumumkan secara rasmi. Bayaran yang dikenakan untuk tujuan ini ialah RM50.00.

7.3.4 Apabila diterima sesuatu permohonan, Pendaftar hendaklah merujukkannya kepada Ketua Program yang berkenaan. Ketua Program, setelah berunding dengan Penyelaras kursus berkenaan, hendaklah mengaturkan peperiksaan tersebut dalam tempoh dua (2) minggu.

## 8. Penggantungan Pendaftaran, Penangguhan Pengajian dan Penangguhan Peperiksaan

Pindaan Senat
Kali Ke-19/2004

8.1 **Bagi tujuan peraturan ini:**

"Penggantungan pendaftaran" bermaksud kebenaran untuk tidak mendaftar yang diberikan kepada calon pelajar yang telah ditawarkan tempat untuk mengikuti sesuatu program pengajian;

"Penangguhan pengajian" bermaksud kebenaran untuk tidak meneruskan pengajian pada sesuatu semester sama ada seseorang pelajar itu mendaftar kursus pada semester berkenaan ataupun tidak;

"Penangguhan peperiksaan" bermaksud kebenaran untuk tidak menduduki peperiksaan akhir sesuatu semester;

"Pegawai perubatan/doktor bertauliah" bermaksud pegawai perubatan kerajaan atau doktor panel Universiti; dan

"Sakit" bermaksud ketidakupayaan untuk meneruskan pengajian dan ketidakupayaan ini diperakukan oleh pegawai perubatan/doktor bertauliah dan ini tidak termasuk kehamilan.

8.2 **Penggantungan Pendaftaran**

Pindaan Senat
Kali Ke-19/2004

8.2.1 Calon pelajar yang telah ditawarkan untuk mengikuti sesuatu program pengajian tetapi belum mendaftar boleh memohon dalam tempoh sah tawaran untuk menggantungkan pendaftarannya selama tidak kurang satu (1) semester dan tidak melebihi dua (2) semester jika atas sebab yang munasabah dengan membuat permohonan secara bertulis kepada Dekan untuk kelulusan dan disalinkan kepada Pendaftar.

8.2.2 Tempoh penggantungan pendaftaran tidak boleh melebihi dua (2) semester kecuali atas sebab-sebab kesihatan.

8.3 **Penangguhan Pengajian**

8.3.1 Seseorang pelajar yang sakit untuk tempoh yang agak lama boleh diberi penangguhan pengajian bagi semester-semester tertentu oleh Dekan. Dalam kes-kes seperti ini perakuan daripada pegawai perubatan/-doktor bertauliah adalah diperlukan. Perakuan yang diperolehi daripada pegawai selain daripada pegawai perubatan/doktor berkenaan boleh dipertimbangkan dalam kes-kes tertentu setelah pelajar berkenaan terlebih dahulu menjalani rawatan pegawai perubatan/doktor berkenaan. Dalam kes sakit jiwa, kebenaran untuk mendaftar semula tertakluk kepada perakuan pegawai perubatan/-doktor yang memberi rawatan.

Pindaan Senat
Kali Ke-19/2004

8.3.2 Pelajar yang telah disahkan oleh pegawai perubatan/doktor bertauliah bahawa dia sedang hamil untuk tempoh enam (6) bulan dan ke atas pada tarikh permulaan pendaftaran dinasihatkan supaya menangguh pengajian pada semester tersebut.

8.3.4 Seseorang pelajar yang menghadapi masalah lain daripada perkara 8.3.1 dan perkara 8.3.2 di atas boleh juga diberi penangguhan pengajian untuk sesuatu semester jika Dekan berkenaan berpuas hati bahawa masalah yang dihadapinya akan menjejaskan pengajian pelajar itu pada sesi berkenaan.

Pindaan Senat
Kali Ke-19/2004

8.3.5 Permohonan penangguhan pengajian boleh dibuat sehingga minggu ke sepuluh (10) sesuatu semester. Permohonan selepas minggu ke sepuluh (10) tidak akan diberi pertimbangan melainkan permohonan yang diterima daripada pelajar yang telah disahkan hamil dan tidak berupaya untuk meneruskan pengajian oleh pegawai perubatan/-doktor bertauliah atau daripada pelajar yang memohon berdasarkan perkara 8.3.1 atau perkara 8.3.2 di atas.

8.3.6 Permohonan penangguhan pengajian hendaklah dikemukakan kepada Dekan dan disalinkan kepada Pendaftar (Bahagian Akademik).

## 8.4 Tempoh Pendaftaran Semester Semasa Penangguhan Pengajian

Pindaan Senat
Kali Ke-19/2004

8.4.1 Tempoh yang terlibat dengan penangguhan pengajian atas sebab-sebab yang dinyatakan dalam perkara 8.3.1, perkara 8.3.2 dan bagi pelajar yang disahkan hamil dan tidak berupaya meneruskan pengajian dalam perkara 8.3.4 di atas tidak diambil kira sebagai sebahagian daripada keperluan maksimum yang dibenarkan bagi melayakkan diri untuk mendapat ijazah seperti pada perkara 3.6 Peraturan ini.

Pindaan Senat
Kali Ke-19/2004

8.4.2 Tempoh yang terlibat dengan penangguhan pengajian atas sebab-sebab selain daripada yang dinyatakan dalam perkara 8.4.1 di atas diambil kira sebagai sebahagian daripada keperluan maksimum yang dibenarkan bagi melayakkan diri untuk mendapat ijazah seperti pada perkara 3.6 Peraturan ini.

8.4.3 Tempoh penangguhan pengajian tidak boleh melebihi dua (2) semester berturut-turut setiap kali kecuali atas sebab-sebab kesihatan. Tempoh maksimum penangguhan pengajian ialah sebanyak empat (4) semester kecuali atas sebab-sebab kesihatan.

## 8.5 Status Sebagai Seorang Pelajar KUIM

Pelajar yang telah diberi penggantungan pendaftaran dan penangguhan pengajian akan hilang tarafnya sebagai pelajar KUIM dan dengan demikian dia tidak berhak mendapat atau menggunakan kemudahan KUIM yang biasanya diberi kepada pelajar sehingga dia mendaftar semula selepas tempoh berkenaan.

8.6 **Penangguhan Peperiksaan**

8.6.1 Pelajar yang sakit atau menghadapi gangguan-gangguan lain sewaktu peperiksaan boleh memohon kepada Dekan untuk kelulusan menangguhkan pengambilan peperiksaan berkenaan.

8.6.2 Permohonan untuk menangguhkan peperiksaan bagi sesuatu kursus hendaklah dibuat dalam tempoh empat puluh lapan (48) jam selepas peperiksaan kursus berkenaan diadakan.

8.6.3 Permohonan untuk menangguhkan pengambilan peperiksaan atas sebab-sebab kesihatan hendaklah disertakan dengan surat pengesahan pegawai perubatan/doktor yang merawat pelajar berkenaan seperti dalam perkara 8.3.1 di atas.

8.6.4 Permohonan atas sebab-sebab lain boleh dipertimbangkan dan diluluskan atas budi bicara Dekan berdasarkan kepada merit permohonan tersebut.

**9. Penyimpanan Skrip Jawapan Peperiksaan**

9.1 Semua skrip jawapan pelajar bagi sebarang peperiksaan hendaklah disimpan oleh tenaga pengajar yang mengendalikan kursus sehingga tempoh yang ditetapkan.

9.2 Semua skrip akan disimpan dengan selamat selama sekurang-kurangnya tiga (3) bulan selepas pemberitahuan secara rasmi keputusan peperiksaan kursus berkenaan.

9.3 Tertakluk kepada perkara 9.4 semua skrip jawapan peperiksaan hendaklah dimusnahkan dengan secepat mungkin selepas genap tempoh tiga bulan seperti yang tersebut di dalam perkara 9.2 di atas.

9.4 Dalam kes di mana rayuan terhadap keputusan penilaian sesuatu kursus itu telah dibuat oleh seseorang pelajar, skrip jawapan berkenaan dengan penilaian itu tidak boleh dimusnahkan kecuali selepas keputusan penyemakan semula itu disahkan.

**10. Rayuan Untuk Menyemak Semula Keputusan Penilaian Kursus**

10.1 Sesuatu rayuan untuk menyemak semula keputusan penilaian kursus hendaklah dikemukakan secara bertulis oleh pelajar kepada Pendaftar (Bahagian Akademik). Rayuan

tersebut hendaklah dibuat dalam tempoh empat (4) minggu selepas keputusan peperiksaan diumumkan secara rasmi. Sebarang rayuan yang diterima selepas tempoh ini tidak boleh diberi pertimbangan.

10.2 Setiap rayuan yang dikemukakan hendaklah menyatakan kursus atau kursus-kursus yang diminta dibuat penyemakan semula.

10.3 Bayaran sebanyak RM50.00 bagi setiap kursus akan dikenakan kepada pelajar yang membuat rayuan dan bayaran tersebut hendaklah disertakan bersama dengan surat rayuan berkenaan. Bayaran ini tidak akan dikembalikan.

10.4 Apabila diterima sesuatu rayuan, Pendaftar hendaklah merujukkannya kepada Ketua Program yang berkaitan. Ketua Program selepas berunding dengan Penyelaras kursus yang terlibat, boleh melantik sebuah panel pemeriksa bagi menyemak semula keputusan penilaian kursus berkenaan.

10.5 Panel pemeriksa hendaklah terdiri daripada Penyelaras Kursus, pemeriksa asal kursus berkenaan dan sekurang-kurangnya seorang pemeriksa lain yang bidangnya sama atau hampir sama dengan bidang kursus berkenaan.

10.6 Perakuan Panel Pemeriksa dikemukakan bagi pertimbangan mesyuarat Program. Keputusan mesyuarat program mengenai penilaian semula kursus atau kursus-kursus berkenaan hendaklah dikemukakan bagi pengesahan Senat/Lembaga Akademik sebelum dimaklumkan kepada pelajar bekenaan.

10.7 Semua keputusan yang dibuat menurut kaedah ini dan disahkan oleh Senat/Lembaga Akademik adalah muktamad dan sebarang rayuan selanjutnya terhadap keputusan itu tidak boleh dilayan.

**11. Rayuan Untuk Meneruskan Semula Pengajian**

11.1 Seseorang pelajar yang mendapat keputusan "Gagal dan diberhentikan" oleh sebab gagal memenuhi syarat-syarat untuk meneruskan pengajian boleh mengemukakan rayuan terhadap keputusan tersebut.

11.2 Setiap rayuan hendaklah dikemukakan kepada Pendaftar dalam tempoh empat (4) minggu selepas pengumuman rasmi keputusan peperiksaan. Setiap rayuan hendaklah disertakan

dengan bayaran sebanyak RM50.00 dan bayaran ini tidak boleh dikembalikan. Sebarang rayuan selepas tempoh tersebut tidak boleh dipertimbangkan.

11.3 Apabila diterima sesuatu rayuan, Pendaftar hendaklah merujukkannya kepada Ketua Program. Ketua Program hendaklah melantik sebuah Jawatankuasa Rayuan untuk membuat pertimbangan dan keputusan.

11.4 Jawatankuasa Rayuan tersebut hendaklah terdiri daripada Ketua Program yang bertanggungjawab dalam hal-ehwal akademik, Penyelaras kursus berkenaan dan sekurang-kurangnya seorang ahli daripada Program pengajian yang berkaitan.

11.5 Jawatankuasa tersebut hendaklah mempunyai kuasa seperti berikut:

11.5.1 Menerima atau menolak sesuatu rayuan;

11.5.2 Membuat keputusan terhadap semua rayuan yang dipertimbangkan;

11.5.3 Memperakukan keputusan yang telah dicapai mengenai semua rayuan yang dipertimbangkan dan memperakukan, jika ada, rayuan tidak layak dipertimbangkan.

11.6 Perakuan yang dibuat mengenai perkara di atas tersebut hendaklah dikemukakan kepada Senat/Lembaga Akademik untuk pengesahan.

11.7 Setiap keputusan yang dibuat menurut kaedah ini dan disahkan oleh Senat/Lembaga Akademik adalah muktamad. Oleh itu, sebarang rayuan selanjutnya mengenai hal ini tidak boleh dilayan.

**12. Umum**

12.1 Peraturan ini dan semua tafsiran mengenainya yang dibuat oleh Senat/Lembaga Akademik KUIM dari semasa ke semasa hendaklah berkuatkuasa kepada pelajar yang mendaftar selepas tarikh penguatkuasaan Peraturan ini.

12.2 Senat/Lembaga KUIM mempunyai kuasa untuk memberi apa-apa pengecualian yang difikirkan sesuai daripada keperluan-keperluan Peratusan ini

# Sinopsis Kursus

## KURSUS KOLEJ UNIVERSITI

### UTA1012 Tamadun Islam Dan Tamadun Asia

Kursus pengenalan tentang Tamadun Islam dan Tamadun Asia ini menyentuh aspek-aspek penting dalam tamadun Islam yang membawa dampak yang besar dan perubahan-perubahan mendasar terhadap cara hidup, kebudayaan serta *world-view* masyarakat Islam. Penekanan ditumpukan kepada isu-isu yang mendukung dan mencabar kehidupan bertamadun khususnya berkaitan dengan kemuliaan insan, keadilan sosial, pembangunan bersepadu dan hidup bernegara. Kursus ini juga menghuraikan tentang Malaysia sebagai sebuah negara Islam yang melalui proses pembinaan negara bangsa *(nation building)* untuk mengangkat kecemerlangan tamadun Islam secara berterusan.

Rujukan:


Nazaruddin Mohd Jali, Isamil M. Rashid dan Nuazmi Kuntum. 1996. *Kenegaraan Malaysia : Sejarah Awal kemerdekaan dan Pembentukan Malaysia*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman.

Syed Mohamad Dawilah al-Edrus. 1993. *Epistimologi Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Sayyed Hossein Nasr. 1981. *An Introduction to Islamic Cosmological Doctrines*. Boulder: Shambala

Sayyed Hossein Nasr. 1984. *Science and Civilization in Islam*. Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar.

Zainal Abidin Abd. Wahid. 1979. *Sejarah Malaysia Sepintas Lalu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.


### UTA1022 Tamadun Islam Dan Tamadun Asia II

Kursus ini merangkumi tentang interaksi antara tamadun Islam dengan tamadun-tamadun besar Asia yang lain seperti India, China dan Jepun dan termasuklah tamadun peribumi Malaysia. Pendedahan secara `*thematic*' terhadap tamadun besar Asia yang mempunyai hubungan sejarah dan budaya dengan tamadun Melayu akan mewujudkan sikap kesalingan untuk mengetahui, menghargai dan menghormati kekuatan silam. Selain daripada itu, kursus ini juga meneliti pertembungan budaya dan

ciri-ciri peradaban dalam tamadun-tamadun tersebut yang memandang kehidupan di dunia secara ideal, penuh dengan keharmonian, keseimbangan dan keamanan sejagat.

Rujukan:


Hilda Hookman. 1972. *A Short History of China*. Ontario: St. Martin's Press Inc.

Herschel Webb. 1960. *An Introduction to Japan*. London: Columbia University.

M. Rajendran. 1988. *Sejarah Jepun*. Kuala Lumpur: Arenabuku Sdn. Bhd.

Romila Thapar. 1966. *A History of India*. Vol. 1. London: Penguin Books.

Syed Naguib Al-Attas, Dr. 1969. *Preliminary Statement on a General Theory of the Islamization of Malay-Archipelago*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.


**UTA1032 Pengantar Teknologi Maklumat**

Kursus ini memperkenalkan kepada pelajar konsep asas dan kaedah menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) khususnya bagi persekitaran pembelajaran dan pekerjaan. Pelajar akan didedahkan kepada perisian-perisian aplikasi seperti Microsoft Office bagi meningkatkan keupayaan mereka memanfaatkan ICT. Pelajar juga diperkenalkan kepada kaedah penggunaan internet dan pencarian maklumat secara elektronik bagi melengkapkan kemahiran mereka sebagai pekerja berpengetahuan (*knowledge worker*). Di samping itu pelajar juga didedahkan kepada perkembangan semasa dan etika mengenai penggunaan ICT.

Rujukan:


Daley, B. 2004. *Computers are Your Future 2005*. International Complete Edition. New Jersey: Prentice Hall. (**Text book**).

Duffy, T. *Microsoft Office 2000: Professional*, Brief Edition, Prentice Hall.

H.L Capron- J.A. Johnson. 2004. *Computers Tools For An Information Age*. Eighth Edition. New Jersey Prentice Hall.

Long, L. & Long, N. 2004.*Computers: Information Technology In Perspective*, 12th Edition. New Jersey: Prentice Hall.

Shelly, B., Cahsman, J. Vermaat, E. 2000. *Miscrosoft Office 2000, Introductory Concepts and Techniques.* United State: Thompson Learning

## UTA1042 Pemikiran Kritis dan Kreatif

Kursus ini memperkenalkan pelajar kepada teknik berfikir yang dinamik bagi mewujudkan sikap berani mengeluarkan pendapat yang bernas dan bijak mencari jalan penyelesaian kepada masalah yang dihadapi. Ia mendedahkan pelajar kepada berfikir secara logik sebagai alat untuk menilai dalil dalam proses penghujahan. Di antara aspek yang diajar termasuk pendalilan *deduktif* dan *induktif*, teori *falasi*, *silogisme*, bahasa dan definisi, syarat cukup dan syarat perlu dan makna *emotif*. Aspek tersebut membolehkan pelajar membezakan antara hujahan yang baik dan hujahan yang tidak berkesan. Kursus ini juga untuk membina kebolehan menginovasi dan berfikir secara kreatif, juga menggalakkan dan memberangsangkan keinginan pelajar-pelajar untuk sentiasa menginovasikan pengetahuan dan kepakaran dalam kursus-kursus lain dan aktiviti-aktiviti lain.

Rujukan :

Ainon Muhammad. 1993. *Teknik Berfikir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
Copi, I.M. & Cohen, Carl. 1990. *Introduction to Logic.* Edisi Ke-8. New York: Macmillan.
Dauer, F.W. 1989. *Critical Thinking: An Introduction to Reasoning*. Oxford: Oxford University Press.
Mckeller. Peter. t.th. *Imagination and Thinking*. t.tp: Cohen and West.
Twiss Briau. 1985. *Anagerial Innovation*. t.tp: IMCB Press Ltd.

## UTA2012 Pengantar Komunikasi

Kursus ini memperkenalkan dalam konteks apa komunikasi berlaku. Ia membincangkan proses dan teori sebagaimana ia berlaku di dalam dan di kalangan individu, kumpulan, organisasi dan masyarakat. Ia meneroka komunikasi antara peribadi, kumpulan dan organisasi. Teknologi komunikasi, perkembangan bahasa, amalan retorik perbahasan, teori komunikasi, pembujukan, aspek komunikasi dalam filem dan televisyen serta aspek lain yang berkaitan.

Rujukan:

Barker, Larry L. & Deborah A Barker. 1993. *Communication.* 6th. Ed. Englewood, Cliffs, New Jersey: Prentice-Hall.
Burgoon, Michael, Frank Hunsakar, Edwin J. Dawson. 1994. *Human Communication.* 3rd Ed. London: Sage.
Gamble, Teri & Michael Gamble. 1994. *Public Speaking in the Age of Diversity.* Boston: Allyn & Bacon.

McAuley, Jack G. 1988. *Komunikasi Antara Manusia*. (terj.) Mohd Safar Hasim dan Fatimah Yusoff. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
Ruben, Brent D. 1984. *Communication and Human Behaviour*. New York: Macmillan Publishing Co.

**UTA2022 Asas Pengurusan Kualiti**

Kursus ini memperkenalkan para pelajar kepada konsep dan isu kualiti termasuk pengurusan dan sistem kualiti. Sejarah perkembangan dan tokoh-tokoh yang telah memajukan konsep ini turut diperkenalkan. Melalui kursus ini, para pelajar akan didedahkan kepada kepentingan kualiti dalam perkhidmatan dan pengurusan pentadbiran organisasi. Prinsip, kaedah dan pelaksanaan sistem kualiti akan turut diberi penekanan. Huraian tentang sistem-sistem pengurusan kualiti antarabangsa termasuk ISSO 9000 turut dilakukan.

Rujukan:

Besterfield, D.H. 1995. *Total Quality Management*. Englewood Cliffs: Prentice - Hall Inc.
Crosby, P.B. 1984. *Quality Without Tears*. New York: McGraw - Hill Book Company.
Deming, W.E. 1986. *Out of the Crises*. Cambridge, Massachussetts: MIT Centre for Advanced Engineering.
Juran, J.M. 1980. *Quality Control Handbook*. Edisi Ke-4. New York: Mc Graw - Hill Book Company.

**UTA2032 Metodologi Penyelidikan**

Kursus ini akan memberi tumpuan khas kepada proses penyelidikan dari tahap awal mengenalpasti masalah kajian hingga ke tahap menginterpretasi secara menyeluruh penemuan kajian. Perbincangan mengenainya akan merangkumi tajuk-tajuk seperti falsafah dan etika penyelidikan, konsep dan unsur asas penyelidikan, reka bentuk kajian, persampelan, kaedah pengumpulan data, pengujian dan pengukuran serta pemprosesan dan penganalisisan data. Selain daripada itu, kaedah bagi penyediaan proposal serta laporan kajian juga akan dibincangkan.

Rujukan:

Ahmad Mahzan Ayob. 1983. *Kaedah Penyelidikan Sosio-Ekonomi - Suatu Pengenalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kerlinger, F.N. 1973. *Foundations of Behavioral Research*. Ed Ke-2 London: Holt, Rinehart & Winston.
Kiess, H.O. & Bloomquist, D.W. 1985. *Psychological Research Methods*. Boston: Allyn And Bacon, Inc.
Marken, R. 1981. *Methods in Experimental Psychology*. California: Brooks/Cole Publishing Co.

**UTA1051 Pengajian Halaqah**

Kursus ini adalah pengajian *halaqah* yakni kajian teks bagi memahami dan mendalami teks kitab-kitab *turath* yang muktabar dan berkaitan dengan komunikasi dalam perspektif Islam. Pengajian ini dijalankan selama empat semester dan bernilai satu unit.

**UTA2051 Muhadathah Hurrah**

Kursus ini bertujuan memberi kemahiran berucap dalam Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris. Pada peringkat ini kursus ini dinamakan kemahiran Pengucapan Awam *(public speaking skill)* dan dijalankan selama dua semester serta bernilai satu unit. Perlaksanaannya dijalankan dalam Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris.

## KURSUS TERAS FAKULTI

**UBA1012 Maharat al-Qiraah**

Kursus ini bertujuan membimbing pelajar memahami kemahiran *al-qiraah* (bacaan) melalui teks-teks pilihan dengan penekanan kepada kemahiran membariskan petikan, *al-qiraat al-samitah, al-qiraah al-jahriyah*, latihan lisan dan kaedah *al-imla' wa al-tarqim*. Kemahiran *al-qiraah* ini disokong oleh kemahiran bahasa dan nahu dengan penekanan kepada *al-nahw al-wazifi*.

<u>Rujukan:</u>
Al-Hamlawi, Ahmad. 1965. *Shadh al-$^{c}$urf*. al-Qahirah: Maktabat wa matba$^{c}$at Mustafa al-Babi al-Halabi.
Hassan, Abbas. 1981. *Al-Nahw al-wafi*. al-Qahirah: Dar al-Ma$^{c}$arif.
Ibrahim, Abd al $^{c}$Alim. 1996. *Al-Nahw al-wazifi*. al-Qahirah: Dar al-Ma$^{c}$arif.
Sini, Mahmud Ismail. 1993. *al-Qira'at al muyassarah*. Saudi Arabia: Jami$^{c}$at al-Malik Su$^{c}$ud.
Petikan akhbar dan majalah Arab semasa.

**UBA1022 Maharat al-Muhadathah wa al-Khatabah**

Kursus ini bertujuan membimbing pelajar menguasai kemahiran al-muhadathat dan al-khatabah melalui teks-teks pilihan daripada perbualan dan dailog semasa dan latihan al-khatabah secara spontan. Topik-topik nahu dan sarf yang dibincangkan dalam kursus ini sebagai pengukuhan kepada kursus sebelumnya.

Rujukan:

Al-Khatib, Muhammad Khalil. 1983. *Khutab al-Mustafa s.a.w*. al-Qahirah: Dar al-I'tisam.
Hassan, Abbas. 1981. *Al-Nahw al-wafi*. Al-Qahirah: Dar al-Ma'arif.
Ibrahim, Abd al-`Alim. 1996. *Al-Nahw al-wazifi*. Al-Qahirah: Dar al-Ma'arif.
Sini, Mahmud Ismail. 1982. *Al-Arabiyah li al-hayat*. Saudi Arabia: Jamiat al-Malik Su'ud.
Petikan akhbar dan majalah Arab semasa (berkenaan muhadasah dan khitabah).

**UBA2012 Maharat al-Kitabah**

Kursus ini bertujuan membimbing pelajar menguasai kemahiran menulis melalui teks-teks pilihan semasa dan *turath* dalam bidang penulisan *al-insya'*(esei), *al-maqalah* (artikel), *al-rasa'il* (surat-menyurat), *al-taqrir*, *al-muzakkirah* dan lain-lain dengan fokus kepada kajian gaya bahasa Arab. Topik-topik nahu dan *sarf* yang dibincangkan dalam kursus ini sebagai pengukuhan kepada kemahiran bahasa dan nahu pelajar.

Rujukan:

Al-Qalqasyandi, Abu al-$^{c}$Abbas. 1987. *Subh al-$^{c}$Asha fi Sina$^{c}$at al-Insya'*. (Edit.) Mohd. Husain Syamsuddin. Beirut: Dar al-Kutub al-$^{c}$Ilmiyyah.
Sini, Mahmud Ismail. 1966. *Al-Mu$^{c}$jam al-Siyaqi*. Lubnan: Maktabat Lubnan.
Mansyn, $^{c}$Abd al-$^{c}$Aleem al-Sayyid. t.th. *Sentence Dictionary: English/Arabic Sentence*. Cairo: Madbouly Bookshop.
Ibrahim, $^{c}$Abd al-$^{c}$Alim. 1996. *Al-Nahw al-Wazifi*. al-Qahirah: Dar al-Ma$^{c}$arif.
Sabih, Ibrahim. 1997. *Al-Lughat al-$^{c}$Arabiyyah*. $^{c}$Amman: Dar al-Manahij.

## UBA2022 Maharat al-Istima$^{c}$ wa al-Fahm

Kursus ini bertujuan mengukuhkan kemahiran mendengar dan memahami di kalangan pelajar terhadap buku-buku *turath* dan moden, di samping itu penekanan juga diberi bagi kebolehan meringkas, menganalisa serta memberi komen secara lisan dan bertulis.


Rujukan:

Badawi, al-Sa$^{c}$id Muhammad. 1981. *Al-Kitab alAsasi*. Tunisia: al-Munazzamah al-$^{c}$Arabiah li al-Tarbiyyah wa al-Thaqafah wa al-$^{c}$Ulum.

Al-Hashimi, Ahmad. 1983. *Jawahir al-Adab fi Adabiyat wa Insya' Lughat al-$^{c}$Arab*. Beirut: Dar al-Kutub al-$^{c}$Ilmiyyah.

Diyf, Shawqi. 1976. *Al-Bahth al-Adabi*. Mesir: Dar al-Ma$^{c}$arif.

Al-Suyuti, Jalal al-Din. t.th. *Tarikh al-Khulafa'*. Beirut: Dar al-Fikr.

Buku-buku *Turath* Bahasa, Sastera dan Pengajian Islam


## UBA2032 Al-Arabiyyah al-Ittisaliyyah

Kursus ini bertujuan untuk mengukuhkan kesemua kemahiran bahasa Arab yang ada pada para pelajar dengan lebih terfokus dan terarah. Mereka akan didedahkan secara intensif kepada pelbagai bentuk perbualan , pelbagai bentuk ucapan, cara-cara mengendalikan berbagai bentuk majlis dan cara-cara meluahkan kehendak,fikiran dan pendapat dengan mudah dan jelas.


Rujukan:

Badawiy,al-Said Muhammad.1981. *al-Kitab al-Asasiy.*Tunus: al-Munazzamah al-Arabiyyah.

Sini,Mahmud Ismail.1982.*al-Arabiyyah li al-Hayat*.Saudi

al-Sayyid,Ibrahim Yusuf.1984.*al-Qawaid al- Muyassarah.*Saudi Arabia: Jamiat al-Malik Saud

Ahmad Mukhtar Umar.2988.*an-Nahw al-Asasiy.* Kuwait : Dar as-Salasil.

Sini,Mahmud Ismail 1966. *al-Mujam al- Siyaqiyy.*Lubnan: Maktabah Lubnan


## UBE 1012 Bahasa Inggeris 1 (Listening & Speaking)

This course focuses on the two major skills in the English Language – listening and speaking. It will provide students with essential skills for undertaking academic study through the medium of English

as well as the general communicative skills. The listening component covers the higher level micro and macro skills which are needed in order to listen effectively, process information efficiently and respond appropriately in any given situation. Specific listening sub-skills include; listening for general message, listening selectively and intensively (main ideas and specific information), making inferences, and responding spontaneously to a spoken text. The speaking component focuses on a variety of speaking situations to develop a wider and subtler range of vocabulary and to continue extending students' confidence in their ability to communicate meaningfully. Specific speaking sub-skills include; extending control over the basics of speaking, requesting and providing information, expressing oneself, describing and narrating, and producing different types of speaking and interaction. Presentation skills will also be given emphasis.

Text:

Collie, J. (1998). Double Take: Language Practice (Listening and Speaking 3). Oxford University Press: London.

References :

Gill, M.M & P. Hartman. (2005). Tapestry Listening & Speaking 2 (Middle East Edition). Thomson Heinle. United States.

Rignall, M. & C. Furneaux. (1997). Speaking. Prentice Hall.

**UBE 1022 Bahasa Inggeris 2 (Reading & Writing)**

This course focuses on the two major skills in the English Language – reading and writing. It will prepare students with the fundamental skills needed to embark on academic study as well as general language related skills. The reading component deals with the different reading skills used for the different reasons for reading. Specific reading sub-skills include; predicting, skimming, scanning, detailed reading, guessing meanings from contextual clues, recognizing word equivalences, and inferring extra information from textual clues. The writing component will concentrate on step-by-step process of writing rather than focusing on the end product. The writing skills highlighted can be applied to any type of writing. Specific writing processes include; brainstorming for ideas and making writing plans, writing the first draft, editing, correcting and improving first drafts, planning the layout and developing illustrations, and writing and finalizing the text.

Text:

Broukal, M. (2004). Weaving It Together 2. Thomson Heinle. United States.

References :
Blass, L. &M. Pike-Baky. (2005). Tapestry Writing 2 (Middle East Edition). Thomson Heinle. United States.
Ryall, M. (2005). Tapestry Reading 2 (Middle East Edition). Thomson Heinle. United States.
Malarcher, C. (2004). Reading Advantage 2. Thomson Heinle. United States.

**LAA1032 Sistem Undang-Undang Di Malaysia**

Kursus ini membincangkan sejarah dan perkembangan sistem perundangan di Malaysia. Sumber undang-undang samada yang didokumentasikan atau tidak di tekankan antara lain untuk membongkarkan sejarah kewujudan undang-undang di Malaysia. Kronologi pembentukan negara Malaysia juga di ajar memandangkan tidak semua generasi baru negara ini celik sejarah, apatah lagi untuk menghargai kepentingan undang-undang dalam mewujudkan sesebuah negara. Perlembagaan Persekutuan dan Negeri juga diperincikan sebagai pendedahan kepada semua pelajar terhadap kaitan antara hak asasi rakyat dan kuasa kerajaan dalam pentadbiran. Perbincangan lain termasuklah tentang konsep-konsep utama undang-undang, doktrin duluan, tafsiran undang-undang, undang-undang Islam dan undang-undang adat. Ditekankan juga aspek kehakiman iaitu perlantikan dan fungsi hakim dan peguam negara serta perbincangan tentang Biro Bantuan Guaman sebagai salah satu khidmat perundangan di Malaysia.

Rujukan:
Ahmad Ibrahim & Ahilemah Joned. 1984. *Sistem undang-undang di Malaysia.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
Abdul Hamid Omar. 1994. *The judiciary in Malaysia.* Kuala Lumpur: Asia Pacific Publications Sdn. Bhd.
Mohamad Suffian Hashim. 1976. *An introduction to the constitution of Malaysia.* Second Ed. Kuala Lumpur: Governments Printers.
Mohamad Suffian Hashim. 1990. *An introduction to the legal system of Malaysia.* Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
Statut-Statut berkaitan, seperti Interpretation Act 1967; Civil Law Act 1956 (Revised 1973), (as amended); Courts of Judicature Act 1964 (as amended); Legal Profession Act 1976, Juvenile Courts Act, Act 1964 (Revised 1972), Rules of Subordinate Court 1980, Interpretation and General Clauses Ordinance, No. 7, 1948 dan lain-lain.

**LAA1042 Usul al-Fiqh 1**

Kursus ini membincangkan mukaddimah Usul Fiqh dari segi definisi, sejarah perkembangan, mazhab ulama dalam usul al-Fiqh, *al-Hukm, al-Hakim, al-Mahkum Fih, al-Mahkum $^{c}$Alayh, al-Ahliyyah* dan *$^{c}$Awariduha*. Ia juga membincangkan sumber hukum yang berdasarkan wahyu iaitu al-Quran dan al-Sunnah dan sumber hukum yang berdasarkan ijtihad iaitu Ijma$^{c}$ dan Qiyas serta rukun dan syarat kedua-duanya. Seterusnya perbincangan ditumpukan kepada sumber hukum lain yang diperselisihkan seperti *al-Masalih, al-Istihsan, Sad al-Dhara'i$^{c}$, al-$^{c}$Urf, $^{c}$Amal ahl al-Madinah* dan lain-lain.

Rujukan :

al-Ghazaliyy, Abu Hamid Muhammad ibn Muhammad. 1992. *al-Mustasfa*. Beirut: Dar al-Kutub al-$^{c}$Ilmiyyah.

Zuhayr, Muhammad Abu al-Nur. 1998. *Usul al-Fiqh*. Kaherah: Dar al-Ta$^{c}$rif.

Zaydan, $^{c}$Abd al-Karim. 1414H/1993M. *al-Wajiz Fi Usul al-Fiqh*. Maydan al-Sayyidah Zaynab: Dar al-Tawzi$^{c}$ Wa al-Nashr al-Islamiyyah.

Salqini, Ibrahim Muhammad. 1411H/1991M. *al-Muyassar Fi Usul al-Fiqh al-Islamiyy*. Beirut: Dar al-Fikr al-Mu$^{c}$asir.

Abu Zuhrah, Muhammad. 1982. *Usul al-Fiqh*. Kaherah: Dar- al-Fikr.

**AAA1012 Akidah Islam**

Kursus ini bertujuan memberi kefahaman tentang akidah dalam Islam mengikut keterangan al-Qur'an dan Sunnah. Ia merupakan kursus asas dan teras untuk memahami, dan mengamalkan cara hidup Muslim. Ia meliputi tajuk-tajuk seperti konsep agama Allah, kefitrahan agama Allah, pengertian Islam, hubungan Islam dan Iman, batas-batas keimanan dan kekufuran dan konsep akidah Islam, konsep makrifah Allah (makrifah zat, sifat, nama dan af$^{c}$al) konsep nubuwwah, wahyu, mukjizat, dalil-dalil kenabian; sifat-sifat dan peranan para nabi dan rasul.

Rujukan :

Abdul Ghaniy $^{c}$Abud. 1976. *Al-$^{c}$Aqidah al-Islamiyah wa al-idiulujiyat al-mu$^{c}$asirah*. Misr: Dar al-Fikr al-$^{c}$Arabiy.

Al-Tahawiy Abu Ja$^{c}$far Ahmad. t.th. *Sharh al-$^{c}$aqidah al-Tahawiyah*. Misr: Dar al-Fikr al-$^{c}$Arabiy.

Ahmad 'Izzuddin al-Bayanuniy. 1990M. *al-Kufr wa al-mukaffirat*, t.tp.: Dar al-Salam.

Muhammad Abdullah Darraz. 1970. *Al-Din: buhuth mumahhidah li dirasat tarikh al-adyan*. Bayrut : Dar al-Kutub.

Sabir Tu$^{c}$aymah. 1398H/1978M. *al-$^{c}$aqidah wa al-fitrah fi al-Islam*. Bayrut : Dar al-Jayl.

**AAA1022 Metodologi Dakwah**

Kursus ini membincangkan metod-metod penyampaian dakwah iaitu hikmah, mauizah hasanah, mujadalah, taqdim al-aham fa al-muhim, taghrib, tarhib dan lain-lain.

Rujukan :

Muhammad Husain Fadhullah. 1972. *Uslub al-da$^{c}$wah fi al-Qur'an*. Beirut: Dar al-Zahra'.

Abd. Al-Badi' Saqar. 1980. *Kayfa Nad'u al-Nas*. al-Qahirah: Maktabah Wahbah.

Fathi Yakan. 1980. *Kayfa Nad'u ila al-Islam*. Beirut: Muassasah al-Risalah.

Abu al-Majd al-Sayed Naufal. 1977. *al-Da'wah ila Allah*. al-Qahirah: Matba'ah al-Hadarah al-Arabiyyah.

**AAA2012 Pemikiran Islam Semasa**

Kursus ini membincangkan kekeliruan dalam pendefinisian pemikiran Islam, pertumbuhan dan perkembangan pemikiran Islam bermula dari pemikiran Jamaluddin al-Afghani, Muhammad Abduh, Rashid Reda dan Hasan al-Banna serta pemikir mutakhir seperti Ismail al-Faruqi, Hasan al-Turabi, Muhammad al-Ghazali dan Yusuf al-Qaradawi. Antara isi yang dibincangkan ialah isu politik dan ekonomi semasa, sosio-budaya bangsa, globalisasi dan kaitannya dengan syariah dan akidah.

Rujukan :

al-Darimi, Fathi. 1988. *Dirasat wa buhuth fi al-fikr al-Islami al-Mu'asir*. Damsyik: Dar al-Qufaybah.

Fathi Uthman. 1960. *al-Din fi mawqif al-difa'*. Qahirah: Maktabah Wahbah.

Muhammad Immarah. 1988. *al-Dawlah al-Islamiyyah bayna al-ilmaniyyah wa al-Sultah al-diniyyah.* Qahirah: Dar al-Shuruq.

Ahmad Akbar S. 1992. *Post Modernism and Islam: Predicament and promise*. London: Routledge.

Abdul Rahman Haji Abdullah. 1998. *Pemikiran Islam di Malaysia: Sejarah dan aliran* Kuala Lumpur dan Penang: Dewan Bahasa dan Pustaka dan PJJ USM.

## QAA1012 Ulum al-Quran

Kursus ini membincangkan beberapa tajuk permulaan dalam Ulum al-Quran iaitu pengertian Ulum al-Quran dari segi bahasa dan istilah. Sejarah Ulum al-Quran, pengertian penurunan al-Quran dan peringkat-peringkatnya, hikmah diturunkan al-Quran secara berperingkat, ayat yang pertama dan akhir diturunkan, makki dan madani, sebab-sebab nuzul dan pengumpulan al-Quran. Pengenalan ringkas kitab-kitab tafsir dari segi metode penulisan dan fokus tafsirannya.

Rujukan :

al-Suyuti, Jalal al-Din Abd. Rahman. 1951. *al-Itqan fi `ulum al-Quran*. al-Qahirah: Mustafa al-Babi al-Halabi.

al-Zarqani, Muhammad Abd. Al-Azim. t.th. *Manahil al-irfan fi ulum al-Quran*, al-Qahirah: Matba[c]ah Isa al-Babi al-Halabi.

al-Sabuni. Muhammad `Ali. 1985. *al-Tibyan fi ulum al-Quran*. t.tpt: Maktabah al-Sabuni.

Subhi al-Salih. 1979. *Mabahith fi ulum al-Quran*. Beirut: Dar al-Ilm li al-Malayin.

## QAA1022 Ulum al-Hadith

Kursus ini mengandungi tajuk-tajuk pengenalan Hadith: takrif Hadith, Hadith dirayah, Hadith riwayah, Hadith Qudsi, sejarah perawi Hadith, al-jarah wa al-ta'dil, bahagian-bahagian Hadith, Hadith palsu dan takhrij Hadith. Hubungan antara Hadith dengan al-Quran, kedudukan hadith dalam Syariat Islam, pengenalan ringkas tentang kitab-kitab sunnah sittah (sahih Bukhari, sahih Muslim, sunan Termizi, sunan Abu Daud, Sunan Nasai, sunan Ibn Majah)

Rujukan :

Ibn al-Salah, Abi cAmru Uthman b. Abd. Rahman. 1978. *Muqaddimah Ibn al-Salah fi ulum al-Hadith*. Bayrut: Dar al-Kitab al-Ilmiyyah.

al-Suyuti, Jalal al-Din Abd. Rahman b. Abi Bakr. 1979. *Tadrib al-Rawi fi Sharh Taqrib al-Nawawi*. Bayrut: Dar al-Kitab al-Ilmiyyah.

Al-Sahih, Subhi. 1991. *Ulum al-hadith wa mustalahuhu*. Bayrut: Dar al-Ilmi li al-Malayin.

al-Khatib, Muhammad Ijaj. 1981. *Usul al-hadith ulumuhu wa mustalahuhu*. t.th: Dar al-Fikr

**QAA1042 Sirah Rasul**

Kursus ini bertujuan mengkaji kehidupan Nabi Muhammad (s.a.w) berdasarkan al-Qur'an dan hadith serta sumber-sumber awal tentang *sirat al-rasul*. Selain daripada latarbelakang Semenanjung Arab dan kota Makkah sebelum Islam, kursus ini meliputi tajuk-tajuk seperti: kehidupan Nabi (s.a.w.) serta keluarganya sebelum menerima wahyu, wahyu dan ajaran-ajaran awal, pengikut-pengikutnya yang pertama, penentangan orang Quraysh, langkah-langkah Nabi (s.a.w.) untuk mengatasinya: penghijrahan ke Habshah dan ke Yathrib, al-Madinah: negara Islam pertama dan *Sahifat al-Madinah*, perhubungan dengan: orang Quraysh – Yahudi – suku-suku Arab – kuasa-kuasa luar, Islam dan Semenanjung Arab ketika Nabi (s.a.w.) sebagai seorang insan dan rasul, sebagai pemimpin, suami dan ayah, untuk dijadikan ᶜibrah dan *uswah* dalam pembinaan peribadi muslim dan pembangunan masyarakatnya.

Rujukan :

al-Tabari, Muhammad b. Jarir. 1995. *Jamiᶜal-bayan ᶜan ta'wil ay al-Qur'an*. Beirut: Dar al-Fikr.

al-Tabari Muhammad b. Jarir. *Tarikh al-rasul wa al-muluk*. Jilid 2 & 3. Beirut: Dar Suwaydan.

Ibn Hisham, ᶜAbd al-Malik. 1995. 1995. *al-Sirah al-nabawiyyah*. Sunt. Mustafa al-Saqa, Ibrahim al-Abyari dan ᶜAbd al-Hafiz Shalabi. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-ᶜArabi.

al-Waqidi, Muhammad b. ᶜUmar. 1966. *Kitab al-maghazi*. Sunt. Marsden Jones. 3 jilid. London: Oxford University Press, Beirut: ᶜAlam al-Kutub.

Ibn Sayyid al-Nas. 1982. *Uyun ad-athar*. 2 jilid. Beirut: Dar al-Afaq al-Jadidah.

**QAA2012 Pengantar Qiraat dan Hafazan**

Kursus ini membincangkan perkembangan Ilmu Qiraat, Kaedah-kaedah umum mengenai Qiraat al-Sabᶜah (bacaan Tujuh) disertai dengan latihannya. Penekanan pembacaan berdasarkan riwayat Hafs An ᶜAsim dengan Kaedah Tajwid yang ada dalamnya. Pelajar juga dikehendaki menghafal beberapa surah seperti Yasin, al-Jumuah, al-Munafiqun dan lain-lain.

Rujukan :

al-Baghdadi, Abu al-Qasim ᶜAli ibn ᶜUthman. 1954. *Sirj al-qari al-mubtadi wa tidhkar al-muqri' al-muntaba*. Misr: Mustafa al-Babi al-Halabi.

al-Dabbagh, ᶜAli Muhammad. 1938. *al-ᶜIbda'ah fi bayan usul al-qira'at*. Al-Qahirah: Matbaᶜat al-Mashsad al-Husayni.

Muhaysin, Muhammad Muhammad Muhammad Salim. 1969. *al-Irshadat al-jaliyyat fi al-qira'at al-sab[c] tariq al-Shatibiyyah.* al-Qahirah: Maktabat al-Kuliyyat al-Azhariyyat.

[c]Abdul Fattah al-Qadi. t.th. *al-Budur al-zahirah fi al-qira'at al-[c]ash al-mutawatirah.* t.tpt: t.pt.

[c]Abdul Fattah al-Qadi. *al-Wafi fi sharh al-shatibiyyah.* al-Qahirah: Matba[c]ah Mustafa al-Babi al-Halabi wa Auladuhu

## KURSUS PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA SYARIAH DAN UNDANG-UNDANG

### LBA1012 Al-Madkhal Li Dirasat al-Syariah

Kursus pengantar kepada Fiqh Islam ini membincangkan istilah syariah, fiqh dan undang-undang ciptaan, sejarah perkembangan perundangan Islam yang bermula dari Rasulullah (s.a.w) sehingga kejatuhan Baghdad dan zaman kebekuan fiqh (ijtihad). Perbincangan menumpukan kepada dasar perundangan, sumber perundangan, cara penentuan hukum, punca perselisihan hukum, kemunculan mazhab-mazhab fiqh, ijtihad, *taqlid* dan perkara-perkara berkaitan dengan pertumbuhan pada setiap peringkat perkembangan tersebut. Kursus ini juga bertujuan untuk membimbing pelajar mengenali hasil-hasil penulisan dalam bidang syariat Islam seperti tafsir, hadith, usul fiqh, fiqh dan bidang-bidang lain yang berkaitan. Kursus ini mengandungi huraian mengenai metodologi para fuqaha dalam menentukan sumber hukum dan cara mereka menghuraikan dari sumber berkenaan sama ada yang berasaskan wahyu atau ijtihad. Penekanan diberikan kepada metod yang digunakan oleh para imam empat mazhab iaitu metodologi Imam Abu Hanifah, Imam Malik ibn Anas, Imam al-Syafi'e dan Imam Ahmad ibn Hanbal. Perbincangan juga dibuat terhadap metodologi beberapa mazhab lain seperti mazhab Zahiriyyah, Zaidiyyah dan Imamiyyah. Kursus ini juga mendedahkan kepada pelajar sebab-sebab berlakunya ikhtilaf dan adab-adab dalam perselisihan pendapat.

Rujukan :

al-Khudari Bek, Muhammad. 1995. *Tarikh al-Tashri[c] al-Islamiyy*. Beirut: Dar al-Kutub al-[c]Ilmiyyah.

Sayis, Muhammad [c]Ali. t.th. *Tarikh al-Fiqh al-Islamiyy*. Mesir: Muhammad [c]Ali Sabih.

Mahmasani, Subhi. 1961. *Falsafah al-Tashri[c] Fi al-Islam*. Beirut: Dar al-[c]Ilm Li al-Malayin.

Shalabi, Ahmad. 1981. *Tarikh al-Tashri[c] al-Islamiyy Wa Tarikh al-Nuzum al-Qadha'iyyah Fi al-Islam*. Kaherah: Maktabah al-Nahdah al-Misriyyah.

Mahmood Zuhdi Hj. Abd. Majid. 1992. *Sejarah Pembinaan Hukum Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

al-Alwani, Taha Jabir. 1987. *Adab al-Ikhtilaf fi al-Islam*. Heydon: International Institute Islamic Thought.
Abu Zuhu, Muhammad. 1984. *Al-Hadith wa al-MuhadditHun*. Beirut: Dar al-Kitab al-cArabiy.
Ibn al-Nadim. t. t. *al-Fihrist*. Kaherah: Matbacah al-Rahmaniyah.

**LBA1023 Malaysian Legal System I**

Kursus ini memperkenalkan sistem perundangan yang terpakai masa kini di Malaysia kepada pelajar tahun satu . Pelajar juga didedahkan kepada sejarah perkembangan bidang perundangan zaman pra-merdeka, semasa pentadbiran British dan system perundangan selepas Malaya mencapai kemerdekaan. Pelajar juga didedahkan kepada terma-terma, frasa-frasa dan perkataan-perkataan yang lazimnya digunakan di dalam bidang undang-undang. Kebanyakan terma-terma, frasa-frasa dan perkataan-perkataan yang digunakan diambil dari perkataan-perkataan Latin, Roman dan Inggeris. Sumber perundangan, doktrin duluan mengikat (*judicial precedent*), undang-undang Islam dan adat, konsep autoriti berpengaruh, cara-cara membaca dan memahami kes yang lapurkan di dalam jurnal-jurnal undang-undang dan bagaimana undang-undang digubal adalah antara tajuk-tajuk yang diajar di dalam kursus ini.

<u>Rujukan :</u>

Ahmad Ibrahim & Ahilemah Joned. 1995. *The Malaysian Legal System*. 2nd. Ed. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
Wu Min Aun. 1999. *The Malaysian Legal System*. 2nd Edition. Kuala Lumpur: Longman
Salleh Buang. 1993. *Malaysian Legal History: Cases and Materials*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
Tun Mohamed Suffian. 1988. *An Introduction to the Legal System of Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
Lee Mei Pheng. 2001. *General Principles of Malaysian Law*. 4th. Ed. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti.
Wan Arfah Hamzah and Ramy. Bulan. 2003. *An Introduction to the Malaysian Legal System*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Bhd.
Noor Aziah Mohd Awal.2003.*Pengenalan Kepada Sistem Perundangan di Malaysia*. Cetakan Pertama, Petaling Jaya: Inernational Law Book Services.

**LBA1033 Fiqh al-Ibadat**

Kursus ini menyentuh perbincangan yang meliputi Ibadah khusus seperti bab bersuci, sembahyang, puasa, zakat dan haji serta persoalan berkaitan ibadat-ibadat tersebut, sembelihan, korban, bab *al-Aiman* (sumpah) dan *al-Nuzur* (nazar) dan sebagainya. Perbincangan diadakan dalam bentuk fiqh perbandingan untuk mengkaji dan melihat punca perselisihan pandangan fuqaha' dalam sesuatu isu dan cara mereka memilih hukum berdasarkan nas yang digunakan. Pemilihan tajuk tertumpu kepada isu yang jarang diketengahkan dan terdapat khilaf dikalangan ulamak.

Rujukan :

al-Sharbiniyy, al-Khatib. 1377H/1958M. *Mughni al-Muhtaj*. Mesir: Al-Halabi.

al-Jaziriy, $^{c}$Abd al-Rahman ibn Muhammad. 2000. *Al-Fiqh $^{c}$Ala Madhahib al-Arba$^{c}$ah*. Riyadh: Dar Ihya' al-Turath al-$^{c}$Arabiy.

al-Shuqfah, al-Shaykh Khalid ibn $^{c}$Abdillah. 1409H/1989M. *Kitab al-Dirasat al-Fiqhiyyah $^{c}$Ala Madhhab al-Shafi$^{c}$iyy*. Mesir: Dar al-Salam al-Sharif.

Muhammad Yusuf Musa. 1405H. *al-Fiqh al-Islamiyy Wa Nizam al-Mu$^{c}$amalat Fih.* t.tp: Dar al-Kitab al-$^{c}$Arabiyy.

al-Zuhayliyy, Wahbah. 1409H/1989M. *al-Fiqh al-Islamiyy Wa Adillatuh.* Damsyik: Dar al-Fikr.

al-Ashqar, $^{c}$Umar Sulaiman. 1994. *Masa'il Min Fiqh al-Kitab wa al-Sunnah.* $^{c}$Amman: Dar al-Nafa'is.

**LBA1043 Malaysian Legal System II**

Di dalam kursus ini pelajar didedahkan kepada sistem kehakiman di Malaysia. Ia memperkenalkan bidang kuasa setiap mahkamah yang wujud di dalam sistem perundangan yang terpakai di Malaysia. Sistem hirarki mahkamah diterangkan dengan terperinci. Proses bagaimana seseorang itu boleh diterima sebagai seorang peguambela dan peguamcara juga dibincangkan. Selain daripada menjadi seorang pengamal undang-undang, pelajar juga didedahkan kepada beberapa organisasi sama ada dalam perkhidmatan kerajaan atau swasta yang memerlukan khidmat seorang peguam.

Rujukan :

Ahmad Ibrahim & Ahilemah Joned. 1995. *The Malaysian Legal System*. 2$^{nd}$. Ed. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Wu Min Aun. 1999. *The Malaysian Legal System*. 2nd Edition. Kuala Lumpur: Longman

Salleh Buang. 1993. *Malaysian Legal History: Cases and Materials*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Tun Mohamed Suffian. 1988. *An Introduction to the Legal System of Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd..
Lee Mei Pheng. 2001. *General Principles of Malaysian Law*. 4th. Ed. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti.
Wan Arfah Hamzah and Ramy Bulan. 2003. *An Introduction to the Malaysian Legal System*. Shah Alam : Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd.

Noor Aziah Mohd Awal. 2003, *Pengenalan Kepada Sistem Perundangan Di Malaysia*. Cetakan Pertama, Petaling Jaya : International Law Book Services.

**UBE2432 English for Law I**

The aim of this course is to assist and guide students to understand the nature of legal language. The course will help students to overcome issues and problems of English Languages related to the study of law subjects including the difference between Legal English and General English. Course materials are taken from Law subjects taught during the first year i.e., Malaysian Legal System and the Law of Contract. Activities, exercises and worksheets are designed especially based on the two courses to assist students in the comprehension of simple and uncomplicated law texts, language in case reports and language in judgements. Other related skills such as analysing and writing are also emphasized, as these are very important to prepare them to become good law practitioners. Among the activities and skills that will be reinforced to the students are legal terms, case reading, making case notes, speed case reading method and how to prepare answers for tutorial questions.

<u>References :</u>

Powell, R. 1996. *Law Today*. London.
Liuoliene, A. & R. Metiuniene. 2000. *Law Today Workbook*. Vilnius.
Russel, F. & C. Locke. 1995. *English Law and Language*. London.
*Osborn's Concise Law Dictionary*. 2000. (edit.) Leslie Rutherford & Sheila Bone. 2$^{nd}$. Ed. Delhi: Universal Law Publishing Co. Pte. Ltd.
Wu Min Aun. 1999. *The Malaysian Legal System*. 2nd Edition. Kuala Lumpur: Longman
Syed Ahmad SA Alsagoff. 1996. *Principles of the Law of Contract in Malaysia*. Kuala Lumpur: Malayan Law Journal Sdn. Bhd.

**UBE2442 English for Law II**

This is a continuation of English for Law I using materials of Malaysian Legal System and the Law of Contract and attention will be given to the reinforcement of the earlier skills together with new skills such as law texts summary techniques, group discussion, effective communication and negotiation skills, advance legal terms and concepts, identifying issues in cases or examination questions, planning examination answers, planning solutions to legal problems and contract drafting. Students will also engage in the applications of Acts to real situation and reading and understanding complicated and multifaceted legal documents such as intricate case reports, contract agreement, enactments, Acts of Parliament, Government Gazette and Memorandum of Agreement. Oral presentation skills are also cultured and this includes debate, deliberation and public speaking.

References :
Powell, R. 1996. *Law Today*. London.
Liuoliene, A. & R. Metiuniene. 2000. *Law Today. Workbook*. Vilnius.
Russel, F. & C. Locke. 1995. *English Law and Language*. London.
Wu Min Aun. 1999. *The Malaysian Legal System*. 2nd Ed. Kuala Lumpur: Longman
Syed Ahmad SA Alsagoff. 1996. *Principles of the Law of Contract in Malaysia*. Kuala Lumpur: Malayan Law Journal
*Osborn's Concise Law Dictionary*. 2000. (edit.) Leslie Rutherford & Sheila Bone. 2$^{nd}$. Ed. Delhi: Universal Law Publishing Co. Pte. Ltd.
Januleviciene, V. & G. Kavaliauskiene. 2001. *Mastering English Legal and Law Enforcement Terms*. Vilnius.

**LBA20I3 Fiqh al- Muamalat**

Kursus ini merupakan pengantar kepada Fiqh Muamalat. Ia membincangkan asas-asas muamalat dalam Islam yang meliputi konsep *al-Mal, al-Milk, al-$^{c}$Uqud, al-Huquq, al-Ahliyyah, al-Bay$^{c}$* dan jenis-jenisnya, riba dan jenis-jenisnya, *Khiyar, al-Rahn, al-Hiwalah, al-Syuf$^{c}$ah, al-Sharikah, al-Qirad, al-Musaqah, al-Muzara$^{c}$ah, al-Ji$^{c}$alah, al-Luqatah, al-Wadi$^{c}$ah, Qard al-Hasan* dan lain-lain. Perbincangan seterusnya ditumpukan kepada bentuk-bentuk muamalat Islam semasa yang dilaksanakan pada zaman sekarang. Antaranya ialah bentuk-bentuk jual beli yang merangkumi *Bay$^{c}$ Bi al-Thaman al-Ajil, Mudarabah, Murabahah, Wadi$^{c}$ah, Bay$^{c}$ al-$^{c}$Inah, Bay$^{c}$ al-Dayn, Rahn* dan belian ansuran. Tumpuan juga diberikan kepada perbincangan mengenai pembiayaan, pelaburan saham, bon dan kad kredit.

Rujukan :

al-Sharbiniyy, al-Khatib. 1377H/1958M. *Mughni al-Muhtaj*. Mesir: Al-Halabi.

$^{c}$Ali Qara$^{c}$ah. t.th. *Ahkam al-$^{c}$Uqud Fi al-Shari$^{c}$ah al-Islamiyyah*. Mesir: Dar Misr Li al-Tiba$^{c}$ah.

Faizah Ismail. *Asas-asas Muamalat dalam Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Muhammad Yusuf Musa. 1405H/1985M. *al-Fiqh al-Islamiyy Wa Nizam al-Mu$^{c}$amalat Fih*. t.tp: Dar al-Kitab al-$^{c}$Arabiyy.

al-Zuhayliyy, Wahbah. 1409H/1989M. *al-Fiqh al-Islamiyy Wa Adillatuh.* Damsyik: Dar al-Fikr.

Su$^{c}$adah Ibrahim Saleh. 1405H/1985M. *Ahkam Tasarrufat al-Saghir fi al-Shari$^{c}$ah al-Islamiyyah*. Jeddah: Dar al-Bilad.

$^{c}$Ali al-Khafif. t.th. *Ahkam al-Mu$^{c}$amalah al-Shar$^{c}$iyyah*. t.tp: Dar al-Fikr.

Ahmad Hidayat Buang. 2000. *Studies in the Islamic Law of Contract: The Prohibition of Gharar*. Kuala Lumpur: International Law Book Services.

Abu al-Ainan, Badran. 1973. *al-Shari$^{c}$ah al-Islamiyyah*. Kaherah: t.pt.

**LBA2023 Constitutional Law I**

Di dalam kursus ini, pelajar didedahkan kepada makna perlembagaan yang luas dan pelbagai serta beberapa ciri dan prinsip undang- undang perlembagaan seperti konsep berperlembagaan (*constitutionalism*), ketertinggian undang-undang (*Rule of Law*) dan sifat- sifatnya, teori pengasingan kuasa (separation of powers), ketertinggian Parlimen (Sovereignty of the Parliament), ketertinggian Perlembagaan (*Constitutional Supremacy*), konsep federalisme dan konvensyen perlembagaan. Pelajar akan didedahkan kepada konsep dan applikasi prinsip- prinsip tersebut. Sejarah penggubalan Perlembagaan Malaysia dari zaman kolonial hingga kemerdekaan dengan penekanan terhadap peranan beberapa suruhanjaya yang ditubuhkan sehinggalah penubuhan Malaysia akan disentuh. Ciri- ciri utama Perlembagaan Malaysia akan dikaji dengan mendalam dan ini termasuklah badan eksekutif, badan perundangan dan badan kehakiman dengan tumpuan khas kepada konsep raja berperlembagaan, institusi Yang Di Pertuan Agung meliputi perlantikan dan perlucutan, tugas, peranan dan tanggungjawab dan Majlis Raja-raja merangkumi fungsi dan peranan. Badan perundangan, iaitu Parlimen dan Dewan Undangan Negeri akan dikaji dalam bahagian ini dan sukatan akan meliputi hirarki, keahlian melalui perlantikan dan pemilihan, fungsi- fungsi Parlimen, keistimewaan yang dinikmati oleh ahli- ahli Parlimen dan kuasa Parlimen dan Dewan Undangan Negeri untuk menggubal undang- undang dengan kajian terperinci terhadap prosedur yang berkaitan.

Rujukan :
Dicey, A.V., *Introduction to the Study of the Law of the Constitution*, United States of America, Liberty Fund, 1982.
Kevin Tan Yew Lee dll. 1997. *Constitutional Law in Malaysia and Singapore*. 2nd. Ed. Singapore: Malayan Law Journal.
Tun Mohamed Suffian Hashim,1976, *An Introduction to The Constitution of Malaysia*, 2nd Edition, Kuala Lumpur, Government Printer.
De Smith. 1994. *Constitutional and Administrative Law* (edit.) Harry Street & Rodney Brazier). Harmondsworth: Penguin Books.
Salleh Abas. 1997. *Prinsip Perlembagaan dan Pemerintahan di Malaysia*. Salleh Abas (pnyt.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
Jayakumar, S. 1971. *Constitutional Law Cases from Malaysia and Singapore*. Singapore: Malayan Law Journal.
Harding A,1999, *Law Government and the Constitution in Malaysia*. Kuala Lumpur. Pelanduk Publications.

**LBA2033 Laws of Torts 1**

Undang-undang Tort memperkenalkan tanggungjawab sivil seseorang kepada yang lain. Pelajar diperkenalkan kepada konsep dan bidang kuasa undang-undang tort, perkembangan undang-undang tort serta kaitan undang- undang tort dengan undang-undang kontrak dan jenayah dan pengenalan kepada tort kecuaian. Tajuk-tajuk utama di bawah kursus ini termasuklah prinsip tugas berhati- hati (*duty of care*) dan kaitannya dengan kecuaian, pecahan tugas berhati-hati (*breach of duty of care*), sebab dan akibat (*causation*), gantirugi dan dalihan kepada tanggungan (*liability*). Di samping itu pelajar akan diperkenalkan kepada beberapa kaedah perundangan (*legal maxims*) yang berkaitan dalam undang- undang tort. Bahagian pertama ini turut menyentuh pencerobohan dan kacau ganggu terhadap hartanah serta rujukan khas kepada prinsip di bawah kes Rylands lwn. Fletcher, konsep tanggungan dan pencerobohan terhadap individu yang merangkumi topik serangan dan salah tahan serta dalihan dan gantirugi serta kacau ganggu terhadap barangan.

Rujukan :
William, Glanville Llewelyn. 1976. *Foundations of the Law of Tort*. London: Butterworths.
Rogers W.V.H. 1994. *Winfield and Jolowicz on Torts*. 14th Ed. London: Sweet & Maxwell.
Wan Azlan Ahmad & Mohsin Hingun. 1998. *The Principles of the Law of Torts in Malaysia*. Kuala

Lumpur: Malayan Law Journal.
Norchaya Talib. 1997. *Torts in Malaysia*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
Abdul Aziz Husin & Abd Rashid Abd Aziz. 2000. *Aspek Undang-undang Tort dalam Projek Pembinaan*. Pulau Pinang: Penerbit USM.
Syed Ahmad Al Sagoff. *The Law of Torts in Malaysia and Syariah*.
Hueston, R.F.V. & R.A. Buckley. *Salmond and Hueston on the Law of Torts*. London: Sweet & Maxwell Ltd.

**LBA2043 Law of Contract 1**

Di dalam kursus ini, pelajar diperkenalkan kepada konsep undang-undang kontrak dan ciri-ciri wujudnya sesebuah kontrak atau perjanjian. Syarat-syarat dan prinsip-prinsip yang membolehkan sesebuah perjanjian itu mengikat pihak-pihak kepada sesebuah perjanjian diterangkan dengan jelas dan keperluan syarat-syarat tersebut dijelaskan dengan lebih terperinci melalui kes-kes yang telah diputuskan oleh mahkamah. Kebanyakan kes-kes yang dirujuk di dalam menjelaskan konsep undang-undang kontrak diambil dari keputusan mahkamah Malaysia, United Kingdom dan juga negara-negara Komanwel yang lain. Keutamaan adalah diberi kepada kes-kes yang diputuskan oleh mahkamah-mahkamah Malaysia.

Rujukan :

Guest. 2002. *Anson's Law of Contract*. 28th. Ed. New York: Oxford University Press.
Visu Sinnadurai, Dato'.1987. *The Law of Contract in Malaysia and Singapore: Cases and Commentary*. 2nd. Ed. Singapore: Butterworths.
Syed Ahmad SA Alsagoff. 1996. *Principles of the Law of Contract in Malaysia*. Kuala Lumpur: Malayan Law Journal
M.P. Frumston. *Chesire and Fifoot's Law of Contract*. 10th. Ed. Singapore: Butterworths.
Salleh Buang & Nordin Torji. 1992. *Undang-undang Kontrak di Malaysia*. Kuala Lumpur: Central Law Book Co.
Sakina Shaik Ahmad Yusoff & Azimon Abdul Aziz. 2003. *Mengenali Undang-undang Kontrak Malaysia*. Kuala Lumpur: International Law Book Services.
Major, W.T. 1997. *Undang-undang Kontrak*. Kuala Lumpur: International Law Book Services.
Trietel, G.H. 1995. *An Outline of the Law of Contract*. 9th. Ed. London: Sweet & Maxwell.

**LBA2053 Law of Contract II**

Kursus ini adalah sambungan dari kursus Undang-undang Kontrak I yang mana ia menerangkan bagaimana sesebuah kontrak itu boleh menjadi tidak sah. Antara sebab yang membuat sesuatu perjanjian itu tidak sah termasuklah pihak-pihak tidak mempunyai kapasiti atau kuasa untuk memasuki sesebuah perjanjian, pihak-pihak mengamalkan pengaruh yang berlebihan ke atas pihak yang lain (*undue influence*), pihak-pihak tidak menyatakan keadaan yang sebenar semasa memasuki perjanjian dan subjek yang menjadi bahan perjanjian tidak wujud ataupun berlainan daripada apa yang dinyatakan di dalam perjanjian. Pelajar juga diajar konsep remedi iaitu apakah tuntutan yang boleh dibuat terhadap pihak yang mengingkari syarat-syarat sesuatu perjanjian.

Rujukan :

Guest. 2002. *Anson's Law of Contract*. 28th. Ed. New York: Oxford University Press.

Visu Sinnadurai, Dato'.1987. *The Law of Contract in Malaysia and Singapore: Cases and Commentary*. 2nd. Ed. Singapore: Butterworths.

Syed Ahmad SA Alsagoff. 1996. *Principles of the Law of Contract in Malaysia*. Kuala Lumpur: Malayan Law Journal

M.P. Frumston. *Chesire and Fifoot's Law of Contract*. 10th. Ed. Singapore: Butterworths.

Salleh Buang & Nordin Torji. 1992. *Undang-undang Kontrak di Malaysia.* Kuala Lumpur: Central Law Book Co.

**LBA2063 Fiqh al-Munakahat**

Kursus ini membincangkan undang-undang keluarga Islam yang menyentuh persoalan hukum dan syarat pertunangan, perkahwinan dan poligami. Tumpuan diberikan kepada syarat dan rukun perkahwinan dan perceraian, kesan-kesan perjanjian perkahwinan seperti mahar, nafkah, pemilikan harta dan kesan pembatalan perkahwinan seperti mut$^{c}$ah, nafkah $^{c}$iddah, nafkah anak dan hak penjagaannya serta harta sepencarian. Ia dibincangkan secara perbandingan pandangan mazhab-mazhab yang ada dan kaitannya dengan kes-kes semasa.

Rujukan :

Muhammad Muhy al-Din $^{c}$Abd al-Hamid. 1983. al-*Ahwal al-Shakhsiyyah Fi al-Shari$^{c}$ah al-Islamiyyah.* Mesir: Dar al-Kitab al-$^{c}$Arabiy.

Ibn al-Rushd al-Qurtubiyy, Muhammad ibn Ahmad. 1970. *Bidayah al-Mujtahid Wa Nihayah al-Muqtasid.* Mesir: Maktabah al-Kulliyyah al-Azhariyyah.

Abu Zahrah, Muhammad. 1958. *Muhadarat Fi $^{c}$Aqd al-Zawaj Wa Atharuh*. t.tp: Ma$^{c}$had al-Dirasat al-$^{c}$Arabiyyah al-$^{c}$Aliyyah.

al-Zuhayliy, Wahbah. 1409H/1989. *al-Fiqh al-Islamiyy Wa Adillatuh*. Damsyik: Dar al-Fikr.

al-Shuqfah, al-Shaykh Khalid ibn $^{c}$Abdillah. 1409H/1989M. *Kitab al-Dirasat al-Fiqhiyyah $^{c}$Ala Madhhab al-Shafi$^{c}$iyy*. Mesir: Dar al-Salam al-Sharif.

$^{c}$Ali Haydar. 1991M/1411H. *Durar al-Hukkam Sharh Majallah al-Ahkam*. Lubnan: Dar Al-Kutub Al-$^{c}$Ilmiyyah.

**LBA2072 Islamic Constitutional and Administrative Law**

Kursus ini menghuraikan prinsip-prinsip perlembagaan dalam Islam dan menyentuh perkara seperti sifat dan ciri-ciri negara Islam, sistem *khilafah/imamah* dan *nation state*, konsep ketertinggian syariah dan kedaulatan perlembagaan Islam, prinsip *$^{c}$adalah*, amalan dan kepentingan *shura* (permesyuaratan) serta hubungannya dengan demokrasi dan teokrasi (*theocracy*). Ia juga mengkaji sejarah pembentukan Perlembagaan Madinah sebagai asas penggubalan perlembagaan Islam dan kesesuaian aplikasinya dalam konteks semasa di Malaysia serta konsep perlembagaan Islam moden seperti di Arab Saudi, Iran dan Pakistan. Ia juga mengutarakan definisi undang-undang perlembagaan dan pentadbiran, prinsip-prinsipnya seperti syura, kebebasan dan hak asasi manusia, persamaan dan keadilan sosial, ketertinggian syariah, persaudaraan, kerajaan sebagai amanah (*khilafah/imamah*), kepatuhan kepada pemerintah dan tanggungjawab rakyat, sekatan terhadap ketamakan dan penyalahgunaan kuasa, jaminan kemasyarakatan dan perlindungan terhadap golongan minoriti dan rakyat bukan Islam (*ahl al-dhimmah*). Ia juga mengkaji peranan *siyasah shar$^{c}$iyyah* dan undang-undang awam (*public law*) dalam membentuk sistem pemerintahan negara. Ayat-ayat Al-Quran dan hadith-hadith berkaitan perlembagaan dan pentadbiran Islam dijadikan rujukan.

Rujukan :

$^{c}$Awdah, $^{c}$Abd al-Qadir. 1968. *al-Islam wa Awda$^{c}$una al-Siyasiyyah*. Cet. 2. t.tp: t.pt.

$^{c}$Abd al-Karim $^{c}$Uthman. 1968. *al-Nizam al-Siyasi fi al-Islam*. Beirut: Dar al-Irshad.

Abu al-A$^{c}$la al-Mawdudi. 1969. *Islamic Law and Constitution*. Khurshid Ahmad (terj. & pnyt.). cet. ke-4. Lahore: Islamic Publications Ltd.

Zaydan, $^{c}$Abd al-Karim. 1970. *al-Fard wa al-Dawlah fi al-Shari$^{c}$ah al-Islamiyyah*. al-Ittihad al-Islami al-$^{c}$Alami li al-Munazzamat al-Tullabiyyah.

Kemal A. Faruqi. 1971. *The Evolution of Islamic Constitutional Theory and Practice*. Karachi: National Publishing House Ltd.

Muhammad Hamidullah. 1981. *The First Written Constitution in the World*. Lahore: Ashraf Press.
Ala[c]eddin Kharoufa. 2000. *Legal Methods in Islamic Administration*. Kuala Lumpur: International Law Book Services.

**LBA2083 Constitutional Law II**

Bahagian ini akan menyentuh secara khusus badan kehakiman termasuk penubuhan Mahkamah, hirarki, bidangkuasa mahkamah, perlantikan, perlucutan dan etika Hakim, prinsip kebebasan kehakiman dan kaitannya dengan ketertinggian undang- undang, semakan kehakiman ( judicial review) dan kuasa mahkamah untuk membuat tafsiran peruntukan Perlembagaan Persekutuan serta pindaan-pindaan utama melibatkan badan kehakiman dan isu- isu semasa yang berkaitan. Seterusnya perbincangan akan tertumpu pada kedudukan individu dan masyarakat di sisi Perlembagaan iaitu kebebasan dan hak asasi manusia yang dijamin dalam Perlembagaan seperti kebebasan bersuara dan berhimpun, hak mendapatkan pendidikan dan hak memiliki harta, kedudukan Islam sebagai agama rasmi dalam Perlembagaan, hak istimewa orang Melayu dan kedudukan bahasa kebangsaan, peruntukan kewarganegaran termasuk pemerolehan, pelucutan dan pelepasan, kuasa perisytiharan darurat dan pencegahan perbuatan subversif, isu- isu semasa undang- undang Perlembagaan di Malaysia dan kaedah- kaedah pindaan Perlembagaan. Kes- kes yang telah diputuskan dan berkaitan adalah komponen penting kursus ini.

Rujukan :

F.A. Trindade & H.P. Lee. 1988. *The Constitution of Malaysia: Further Perspectives and Developments*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
Kevin Tan Yew Lee dll. 1997. *Constitutional Law in Malaysia and Singapore*. 2nd. Ed. Singapore: Malayan Law Journal.
Salleh Abas. 1997. *Prinsip Perlembagaan dan Pemerintahan di Malaysia*. Salleh Abas (pnyt.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
Harding A., *Law, Government and the Constitution in Malaysia*, Kuala Lumpur, Pelanduk Publications, 1999.
Hickling R.H., *Malaysian Public Law*, Kuala Lumpur, Pelanduk Publications, 1996.
Abdul Aziz Bari, *Perlembagaan Malaysia Asas-Asas dan Masalah*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 2001.
Ahmad Ibrahim, *Perkembangan Undang-undang Perlembagaan Persekutuan*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1999.

**LBA2092 Al-Qawaid al-Fiqhiyyah**

Kursus ini bertujuan memperkenalkan kaedah-kaedah fiqh, sejarah kelahirannya, sumber pengambilan, faedah serta kedudukannya dalam fiqh Islam dan perbezaannya dengan *Qawaid Usuliyyah*. Di samping itu kursus ini juga membincangkan beberapa kaedah utama serta perlaksanaannya dalam hukum-hukum fiqh. Antaranya lima kaedah asas berikut, "Hukum semua perkara ditentukan mengikut tujuannya", "Sesuatu hukum yang sabit dengan yakin tidak boleh diubah dengan syak", "Kesusahan dalam perlaksanaan sesuatu menjadi sebab bagi keringanan hukum tersebut", dan "Uruf adalah menjadi asas bagi penentuan hukum". Ia juga membincangkan kaedah-kaedah *kulliyyah* kecil yang lain seperti : 'Ijtihad tidak boleh dibatalkan dengan ijtihad', 'Apabila dihimpunkan yang halal dan yang haram maka dimenangkan yang haram', 'Tindakan pemerintah wajib terikat dengan *maslahah*' dan sebagainya. Perbincangan ditumpukan kepada aplikasinya terhadap fiqh semasa.

Rujukan :
al-Suyuti, Jalal al-din ᶜAbd al-Rahman. 1959. *al-Ashbah Wa al-Naza'ir*. Kaherah: Matbaᶜah Mustafa al-Babi al-Halabi.
Ibn Nujaym, Zayn al-ᶜAbidin ibn Ibrahim. 1968. *al-Ashbah Wa al-Naza'ir ᶜAla Madhhab Abi Hanifah al-Nuᶜman*. Kaherah: Mua'ssasah al-Halabi.
ᶜIzz al-din ibn ᶜAbd al-Salam. 1968. *Qawaᶜid al-Ahkam Fi Masalih al-Anam*. Jil. 1-2. Mesir: Maktabah al-Kuliyyah al-Azhariyyah.
Ibn Rajab al-Hanbaliyy. 1972. *al-Qawaᶜid Fi Fiqh al-Islam*. Kaherah: Maktabah al-Kulliyyah al-Islamiyyah.
al-Zarqa', Ahmad ibn Muhammad. 1996. *Syarh al-Qawaᶜid al-Fiqhiyyah*. Damsyik: Dar al-Qalam.
al-Nadawi, ᶜAli ibn Ahmad. 1994. *Al-Qawaᶜid al-Fiqhiyyah*. Damsyik: Dar al-Qalam.

**LBA2103 Law of Torts II**

Dalam bahagian kedua perbincangan menjurus kepada konsep tanggungan pemunya premis/ penghuni (*occupier's liability*), tanggungan majikan (*employers liability*) dan tanggungan beralih (*vicarious liability*), tanggungan produk (*product liability*) serta kedudukannya dalam tort dan kontrak. Turut diberi perhatian ialah definisi dan konsep tanggungan dalam fitnah (*defamation*) dan tort berkenaan reputasi dan dalihannya. Pelajar akan mendalami remedi- remedi yang tersedia dalam undang-undang tort yang merangkumi jenis remedi dan cara menetapkan gantirugi serta dalihan-

dalihan umum seperti kecuaian sumbangan (*contributory negligence*), kemalangan yang tak dapat dielakkan (*inevitable accident*), *Volenti Non fit Injuria* dan lain-lain serta klausa pengecualian tanggungan dalam tort dan had tindakan. Kesemua tajuk akan merujuk kepada kes- kes yang telah diputuskan di England dan Malaysia.

Rujukan :


William, Glanville Llewelyn. 1976. *Foundations of the Law of Tort*. London: Butterworths.

Rogers W.V.H.1994. *Winfield and Jolowicz on Torts*. 14th. Ed. London: Sweet & Maxwell.

Wan Azlan Ahmad & Mohsin Hingun. 1998. *Principles of the Law of Tort in Malaysia*. Kuala Lumpur: Malayan Law Journal.

Norchaya Talib. 1997. *Torts in Malaysia*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.

Abdul Aziz Husin & Abd Rashid Abd Aziz. 2000. *Aspek Undang-undang Tort dalam Projek Pembinaan*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.

Syed Ahmad Al Sagoff. *The Law of Torts in Malaysia and Syariah*.

Hueston, R.F.V. & R.A. Buckley. *Salmond and Hueston on the Law of Torts*. London: Sweet & Maxwell Ltd.


**LAA2012 Usul Fiqh II**

Kursus ini membincangkan cara untuk mengeluarkan hukum daripada teks wahyu dan metodologinya (*Turuq Istinbat al-Ahkam Wa Qawa$^{c}$iduh*) yang terdiri daripada *Wad$^{c}$ al-Lafzi Li al-Ma$^{c}$na, al-Lafz Bi I$^{c}$tibar Isti$^{c}$malih Fi al-Ma$^{c}$na, Dalalah al-Lafz $^{c}$Ala al-Ma$^{c}$na, Kayfiyyah Dalalah al-Lafz $^{c}$Ala al-Ma$^{c}$na* dan selainnya. Ia menumpukan kepada pandangan dan perselisihan ulama Usul-al Fiqh dalam persoalan ini dan kesannya terhadap hukum fiqh. Ini dilanjutkan dengan perbincangan masalah *al-Ijtihad, Ta$^{c}$arud al-Adillah Wa al-Tarjih, al-Taqlid, al-Talfiq, $^{c}$Azimah, Rukhsah* dan juga perbincangan mengenai *Maqasid al-Syari$^{c}$ah*.

Rujukan :


al-Ghazaliyy, Abu Hamid Muhammad ibn Muhammad. 1992. *al-Mustasfa*. Beirut: Dar al-Kutub al-$^{c}$Ilmiyyah.

Zuhayr, Muhammad Abu al-Nur. 1998. *Usul al-Fiqh*. Kaherah: Dar al-Ta$^{c}$rif.

Zaydan, $^{c}$Abd al-Karim. 1414H/1993M. *al-Wajiz Fi Usul al-Fiqh*. Maydan al-Sayyidah Zaynab: Dar al-Tawzi$^{c}$ Wa al-Nashr al-Islamiyyah.

Salqini, Ibrahim Muhammad. 1411H/1991M. *al-Muyassar Fi Usul al-Fiqh al-Islamiyy*. Beirut: Dar al-Fikr al-Mu$^{c}$asir.

Abu Zuhrah, Muhammad. 1982. *Usul al-Fiqh*. Kaherah: Dar- al-Fikr.
al-Zuhayliyy, Wahbah. 1986. *Usul al-Fiqh al-Islamiy*. Beirut: Dar al-Fikr al-Mu[c]asir.

**LBA3013 Islamic Law of Banking and Takaful**

Kursus ini menghuraikan latar belakang rangka kerja perbankan, garis panduan dan amalan perbankan Islam. Perbincangan mengenai sistem perbankan Islam mendedahkan pelajar kepada prinsip-prinsip transaksi, *[c]aqad*, dan produk-produk perbankan Islam antaranya perkhidmatan deposit (akaun semasa, akaun simpanan *wadi[c]ah* dan *mudarabah*, akaun pelaburan), perkhidmatan pembiayaan pengguna (rumah, kenderaan, pendidikan, *al-rahn*, kad kredit Islam dsb.), perkhidmatan pembiayaan perdagangan (surat kredit berkonsepkan *wakalah*, *musyarakah* dan *murabahah*, surat jaminan dsb.), pembiayaan korporat (pembiayaan berkonsepkan *bay[c] bi thaman ajil*, *istisna'*, *ijarah*, *naqad* dan *bay[c] al-inah*, pembiayaan projek berkonsepkan *musyarakah* dan *mudarabah*, pembiayaan bersindiket, pensekuritian dan bon Islam dsb.). Perbezaan ciri-ciri perbankan Islam dan perbankan konvensional turut dibincangkan dalam kursus ini.

Pelajar juga diperkenalkan kepada konsep insuran dan takaful serta perbezaan dari segi prinsip dan amalan kedua-duanya, sistem pengurusan takaful di Malaysia, konsep kerjasama, perlindungan dan saling bertanggungjawab (*mutual responsibility*) dalam sistem takaful, jenis-jenis produk (di bawah pelan takaful keluarga dan pelan takaful am), aplikasi akaun peserta dan akaun khas takaful. Pelajar juga berpeluang menganalisa perbezaan konsep takaful dan insuran dari aspek *riba*, *maysir* (*gambling*), risiko (*gharar*), ketidakpastian (*uncertainty*) dan eksploitasi. Rujukan terhadap peruntukan perundangan di buat kepada Akta Perbankan Islam 1983 dan Akta Takaful 1984.

Rujukan :

Afzalur Rahman. 1979. *Economic Doctrines of Islam: Banking and Insurance*. Vol. 4. London: The Muslim Schools Trust.
Siddiqi, Muhammad Nejatullah. 1983. *Issues in Islamic Banking*. Leicester.
Sudin Haron, 1997, *Islamic Banking, Rules and Regulations*, Selangor, Pelanduk Publication.
Mahmud, [c]Abd al-Hamid. *al-Madkhal al-Fiqh fi al-Bunuk al-Islamiyyah*. Kaherah.
BIMB. 1984. *Islamic Banking Practice*: *From the Practitioner's Perspective*. Kuala Lumpur: Bank Islam (M) Berhad.
Mohd. Fadzli Yusof. 1996. *Takaful: Sistem Insuran Islam*. Kuala Lumpur.
Muhammad Muslehuddin. 1994. *Insurance and Islamic Law*. Delhi : Adam Publisher And Distributors.

**LBA3023 Fiqh al-Jinayat**

Kursus ini membincangkan tentang pembahagian jenayah dan hukuman-hukumannya di dalam Islam. Ia memberi penekanan kepada jenayah Hudud, Qisas dan Ta^c^zir, begitu juga perkara yang berhubung dengan hak-hak Allah dan hak-hak hamba, bentuk-bentuk pendakwaan dan keterangan dan kapasiti tanggungan jenayah. Perbincangan juga meliputi syarat dan rukun dalam mensabitkan jenayah ini, halangan-halangan yang menggugurkan perlaksanaan hukuman tersebut dan bidang kuasa hakim dalam menentukan hukuman Ta^c^zir. Ia juga dilanjutkan kepada bab *al-Qada'*, kesaksian, sumpah, iqrar, proses penahanan dan penyiasatan. Pendekatan yang diambil ialah dalam bentuk fiqh perbandingan mazhab dan perkembangan semasa. Kursus ini juga merujuk kepada cara dan skop perlaksanaan dibeberapa negara Islam.

Rujukan :

^c^Ali Haydar. 1991M/1411H. *Durar al-Hukkam Sharh Majallah al-Ahkam*. Lubnan: Dar Al-Kutub Al-^c^Ilmiyyah.

al-Sharbiniyy, al-Khatib. 1377H/1958M. *Mughni al-Muhtaj*. Mesir: Al-Halabi.

^c^Awdah, ^c^Abd al-Qadir. 1998M/1419H. *Al-Tashri^c^ Al-Jina'i Al-Islami*. Lubnan: Mu'assasah al-Risalah.

Abu Zuhrah, Muhammad. 1998. *Al-Jarimah wa Al-^c^Uqubah fi Al-Fiqh Al-Islami: Al-Jarimah*. Kaherah: Dar Al-Fikr Al-^c^Arabiy.

al-Bahnasi, Ahmad Fathi. 1962. *Nazariyyat al-Ithbat fi al-Fiqh al-Islami*. Mesir: al-Sharikah al-^c^Arabiyyah Li al-Tiba^c^ah.

Mohamad Shabbir, Dr. 2003. *Outlines of Criminal Law and Justice in Islam*. Kuala Lumpur: International Law Book Services.

Hashim bin Mehat, Dr. 1991. *Malaysian Law & Islamic Law on Sentencing*. Kuala Lumpur: International Law Book Services.

**LBA3033 Criminal Law I**

Pelajar didedahkan kepada latar belakang undang-undang jenayah di Malaysia dengan rujukan kepada Kanun Kesiksaan. Pelajar juga diajar konsep jenayah dan hukuman iaitu fungsi dan jenis-jenis hukuman, klasifikasi kesalahan jenayah, perbandingan kesalahan jenayah dengan tanggungan tort, moral dan lain-lain, ciri-ciri tanggungan jenayah (*criminal liability*) yang perlu wujud iaitu *actus reus, mens rea* dan tanggungan keras (*strict liability*) dan pengecualian am (*general exceptions*) ke atas tanggungjawab jenayah seperti khilaf, perlakuan tidak sengaja, perbuatan kanak-kanak, tidak

sempurna akal, mabuk, kerelaan, paksaan dan hak mempertahankan diri. Seterusnya pelajar didedahkan kepada jenayah berkumpulan yang menyentuh niat bersama, subahat, pakatan jahat dan percubaan melakukan jenayah. Turut akan dibincangkan ialah matlamat dan objektif hukuman dan hukuman yang terkandung dalam Kanun Kesiksaan.

<u>Rujukan :</u>


K.L. Koh, C.M.V. Clarkson & N.A. Morgan. 1989. *Criminal Law in Malaysia and Singapore*. Kuala Lumpur: Malayan Law Journal Sdn Bhd.

Glanville, Williams. 1983. *Textbook on Criminal Law*. 2nd. Ed. Singapore: Stevens & Sons.

Molly Cheang. 1990. *Criminal Law of Malaysia and Singapore*. Kuala Lumpur. Professional Law Books Publisher.

Ratanlal, R. & Dhirajlal, KT. 1998. *Ratanlal & Dhirajlal's Law of Crimes*. 24th. Ed. Delhi: Bharat Law House.

Smith and Hogan. 1989. *Criminal Law*. 22nd. Ed. Singapore: Butterworths.

Clarkson, CMV. 1987. *Understanding Criminal Law*. Fontana Press.

Robinson, PH. 1984. *Criminal Law Defenses*. West Publishing Co.

Ashworth, Andrew. 1983. *Sentencing and Penal Policy*. Weidenfeld and Nicolson.

Anita Abdul Rahim. 2000. *Jenayah Homisid*. Kuala Lumpur: International Law Book Services.

Hashim bin Mehat, Dr. 1991. *Malaysian Law & Islamic Law on Sentencing*. Kuala Lumpur: International Law Book Services.

Snyman, C.R. 1995. *Criminal Law*. 3rd Ed. Durban: Butterwort


**LBA3042 Family Law**

Kursus ini mendedahkan pelajar kepada undang-undang keluarga yang berkuatkuasa terhadap masyarakat bukan Islam di Malaysia. Tajuk-tajuk yang diajar di dalam kursus ini termasuklah domisil dan kepentingannya, perjanjian untuk berkahwin, kemungkiran perjanjian untuk berkahwin, perkahwinan secara adat, perkahwinan menurut Akta, perkahwinan antara agama, syarat-syarat perkahwinan, pendaftaran perkahwinan dan proses perceraian dan perpisahan kehakiman. Kesan perceraian seperti hak penjagaan anak dan tuntutan harta dalam perkahwinan dan kesahtarafan anak-anak juga dikaji. Akta yang dirujuk adalah Law Reform (Marriage and Divorce) Act 1976.

<u>Rujukan :</u>


Ahmad Ibrahim. Tan Sri Datuk Prof. 2001. *Family Law in Malaysia*. 3rd. Ed. Kuala Lumpur: Malayan Law Journal Sdn. Bhd.

Mimi Kamariah Majid. 2001. *Family Law in Malaysia*. 3rd. Ed. Kuala Lumpur: Malayan Law Journal Sdn. Bhd.
Ahmad Ibrahim. 1984. *Family Law in Malaysia and Singapore*. Singapore: Malayan Law Journal PTE. Ltd..
Bromley, P.M. 1992. *Family Law*. 8th. Ed. London: Butterworths.
Zaleha Kamarudin. 1998. *Introduction to Divorce Laws in Malaysia*. Kuala Lumpur: International Islamic University Press.
Curzon, L.B. 1995. *Family Law*. London: Cavendish.

**LBA3053 Equity and Trusts I**

Kursus ini dimulakan dengan sejarah, pengenalan dan perkembangan konsep ekuiti di dalam Undang-undang Roman, Undang-undang Islam dan Common Law. Seterusnya pelajar didedahkan kepada prinsip asa ekuiti dan kaitannya pada masa sekarang, tanggungjawab fidusiari dan penerimaan konsep ekuiti dalam undang-undang Malaysia terutama di dalam undang-undang tanah, hak-hak di bawah ekuiti serta remedi-remedi yang ada seperti Perlaksanaan Spesifik (*specific performance*), injunksi (*injunctions*), *rescission* dan *rectification*. Aplikasinya dibincangkan dengan merujuk kepada kes-kes yang telah diputuskan.

Rujukan :

Hanbury, Harold Graville & Maudsley, Ronald Harling. 1990. *Modern Equity*. (edit.) Jill E. Martin. 13th. Ed. London: Stevens & Sons.
Philip H Pettit. 2001. *Equity and the Law of Trusts*. 9th. Ed. London: Butterworths.
Snell. *Snell's Principles of Equity*. 26th. Ed. London: Sweet & Maxwell.
Syed Khalid Rashid & Mohsin Hingun. *Cases and Materials on Equity and Trusts in Malaysia*.
Parker and Mellow. 1994. *The Modern Law of Trusts*. 6th Ed. London: Sweet & Maxwell

**LBA3063 Law of Banking and Security**

Kursus ini akan menyentuh tentang sejarah perbankan, organisasi perbankan dan undang- undang yang mentadbir institusi kewangan di Malaysia. Ia akan memberi panduan untuk para pengamal perbankan dari sudut undang- undang dan isu- isu berkaitan, perbezaan antara bank dan lain-lain institusi yang mengambil deposit dengan merujuk kepada pemakaian Akta Perbankan dan Institusi

Kewangan 1989, hubungan pelanggan/ penyimpan dengan bank serta jenis-jenis akaun bank, hak-hak penyimpan, tugas dan tanggungjawab bank, dan tugas- tugas tersirat seorang penyimpan, *letter of credit*, pinjaman pengguna, cagaran- cagaran bank, proses kutipan oleh bank, suratcara boleh niaga *(negotiable instruments)* termasuk pengeluaran cek dan kehilangan cek serta isu- isu berkaitan pemprosesan cek, penipuan dan pemalsuan dokumen dan kesilapan pembayaran. Juga akan dikaji undang-undang berkaitan transaksi perbankan dan pemindahan dana menggunakan kertas (*paper-based fund transfer*) dan secara elektronik serta kajian ringkas Akta Perbankan Luar Pesisir 1990. Pengenalan kepada undang- undang yang mentadbir pasaran sekuriti di Malaysia juga akan dibuat. Antara topik yang akan dibincangkan termasuklah sejarah peraturan sekuriti, fungsi pasaran sekuriti, struktur peraturan sekuriti di Malaysia, peranan dan fungsi pihak berkuasa badan pengawal, pelesenan, pertukaran dan pasaran saham, pendedahan maklumat , kesalahan jenayah berkaitan sekuriti dan amalan pasaran sekuriti yang dilarang.

Rujukan :


Peng, Lee Mei. 1995. *Banking Law*. Kuala Lumpur: Butterworths Asia

Pang & Sayarimuthu. 1990. *Banking Law in Malaysia*. Kuala Lumpur: Longman.

Hedley, Willian. 1997. *Bills of Exchange and Bankers Documentary Credits*. London: LPP Ltd.

Hapgood. 1989. *Paget's Law of Banking*. London: Butterworths.

Syed Idid. 1994. *Judicial Decisions Affecting Bankers and Financiers*. Kuala Lumpur: Butterworths.

Leong, Toong Peng. 1998. *The Business of Banking in Malaysia*. Petaling Jaya: Pelamduk Publications.

Nik Norzrul Thani. 2001. *Legal Aspects of the Malaysian Financial System*. Hong Kong: Sweet & Maxwell Asia

Ratner et al. 2002. Securities Regulation in a Nutshell. 7$^{th}$ Edition. St. Paul MN: West Group.

Listing Requirements of KLSE for Mesdaq Market


**LAA3053 Al-Siyasah al-Syariyyah**

Kursus ini bertujuan untuk memperkenalkan dasar awam Islam yang berasaskan Siyasah Syar$^{c}$iyyah, dengan merujuk kepada perlaksanaan dan contoh-contoh pada zaman Rasulullah S.A.W. dan Khulafa al-Rashidin. Perbincangan merangkumi sumber-sumber dan bidang perlaksanaannya, kuasa pentadbiran, hak-hak awam, hak persendirian, prinsip syura dan budi bicara, tujuan dan cara perlaksanaan hukum Allah S.W.T secara nas dan ijtihad. Kursus ini juga membincangkan beberapa prinsip Siyasah Syar'iyyah seperti *al-Maslahah* (kepentingan awam), *al-Dharar, Daf$^{c}$ al-Mashaqqah* (mengelak bahaya dan kesukaran), *al-$^{c}$Adah/ al-$^{c}$Urf* (adat kebiasaan) dan *Sadd al-Zara'i$^{c}$* (mencegah

keburukan). Kursus ini mengaitkan kaedah-kaedah tersebut dengan pemakaiannya dalam isu semasa.


Rujukan :

Ibn Qayyim al-Jawziyyah. 1985. *al-Turuq al-Hukmiyyah Fi al-Siyasah al-Sharciyyah*. Jeddah: Dar al-Madani.

al-Sullamiyy, Abu Muhammad cIzz al-din cAbd al-Salam. t.th. *Qawacid al-Ahkam Fi Masalih al-Anam*. Beirut: Dar al-Macrifah.

cAbd Wahhab Khallaf. t.th. *al-Siyasah al-Sharciyyah Fi al-Shu'un al-Dusturiyyah Wa al-Kharijah Wa al-Maliyyah*. Kuwayt: Dar al-Qalam.

Ibn Taymiyyah. t.th. *al-Siyasah al-Sharciyyah Fi Islahi al-Raci Wa al-Raciyyah*. Algeria: Qash al-Kutub al-Bulaydah.

cAbd cAl Ahmad cAtwah. t.th. *al-Madkhal Ila al-Siyasah al-Sharciyyah*. Saudi Arabia: Universiti al-Imam Muhammad ibn Sacud al-Islamiyyah.


**LBA3072 Islamic Law Of Tort**

Undang-undang tort Islam berkait rapat dengan tanggungjawab mal/sivil seseorang kepada yang lain. Ia memperkenalkan konsep, bidang kuasa dan perkembangan undang-undang tort Islam. Kursus ini meliputi perkara seperti tanggungan kerugian ke atas kerosakan harta benda – termasuk oleh sebab penipuan dan haiwan peliharaan atau ternakan, tanggungan ke atas kecederaan seseorang, serangan atau menyebabkan kemudaratan ke atas seseorang, tanggung jawab pemunya dan pemilik haiwan, kecuaian professional (*professional negligence*) dalam pelbagai aspek contohnya dalam bidang ekonomi, pembinaan dan perubatan, pencerobohan ke atas hartanah dan undang-undang fitnah. Ia turut menghuraikan peranan *al-Hisbah* dan jenis pembelaan dan remedi yang bersesuaian ke atas kesalahan tort menurut pandangan Islam seperti pampasan, ganti rugi (*daman*) dan sebagainya. Perbincangan dibuat berdasarkan nas-nas Al-Quran dan Sunnah yang berkaitan.


Rujukan :

Ibn Taymiyyah.1982/1402H. *Public Duties in Islam, the Institution of the Hisba*. Muktar Holland (terj.). UK: The Islamic Foundation.

Muhammad Amin al-Darir. *al-Gharar wa Atharuhu fi al-cUqud*.

Abdul Aziz Husin & Abd Rashid Abd Aziz. 2000. *Aspek Undang-undang Tort dalam Projek Pembinaan*. Pulau Pinang: Penerbit USM.

Syed Ahmad Al-Sagoff. *The Law of Torts in Malaysia and Syariah.*
Wan Azlan Ahmad & Mohsin Hingun. 1998. *Principles of the Law of Tort in Malaysia*. Kuala Lumpur: Malayan Law Journal.
al-Zuhayliyy, Wahbah. 1402H/1982M. *Nazariyyat al-Daman*. Damascus: Dar al-Fikr.
Sulayman Muhammad Ahmad. 1405H/1985M. *Daman al-Mutlifat*. t.tp.: Matba$^{c}$ah al-Sa$^{c}$adah.
Ibrahim Fadil al-Dabu. 1417H/1997M. *Daman al-Manafi$^{c}$*. Amman: Dar al-$^{c}$Imar.
Norchaya Talib. 1997. *Torts in Malaysia*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.

**LAA2053 Al-Ahwal Al-Syakhsiyyah**

Tumpuan utama kursus ini perbincangan Mazhab Syafie dalam hal kekeluargaan Islam serta peruntukan enakmen keluarga Islam di Malaysia. Ia merangkumi undang-undang yang terkandung di dalam enakmen keluarga Islam yang terdapat dalam 14 statut berlainan. Antara topik utama yang dibincangkan ialah rukun dan syarat sah nikah dan hak dan tanggungjawab seorang isteri dan suami. Kajian juga dibuat terhadap undang-undang yang mentadbir pertunangan, persetujuan perkahwinan dan pernikahan, perceraian dan pembubaran perkahwinan melalui *fasakh, khul$^{c}$, ta$^{c}$liq* dan *li$^{c}$an*, timbangtara oleh *Hakam*, rujuk dan $^{c}$iddah, nafkah isteri dan anak, hak isteri dan anak-anak, *hadanah* dan isu berkaitan penjagaan anak dan *hadinah* dan tuntutan-tuntan penceraian yang bersangkutan dan ini dibuat selari antara pendapat Mazhab Syafie dan peruntukan enakmen. Topik- topik lain yang turut disentuh adalah nafkah *mut$^{c}$ah* dan harta sepencarian, pendaftaran perkahwinan dan perceraian, kesalahan jenayah di bawah enakmen undang-undang keluarga di Malaysia serta pemakaian dan aplikasi peruntukan tersebut mengikut negeri. Kes-kes yang telah diputuskan juga dirujuk.

<u>Rujukan :</u>

Ahmad Ibrahim. Tan Sri Datuk Prof. 2001. *Family Law in Malaysia*. 3rd. Ed. Kuala Lumpur: Malayan Law Journal Sdn. Bhd.
Ahmad Ibrahim, Tan Sri Datuk Prof. 1999. *Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: Malayan Law Journal.
Mimi Kamariah Majid. 2001. *Family Law in Malaysia*. 3rd. Ed. Kuala Lumpur: Malayan Law Journal Sdn. Bhd.
Zaleha Kamarudin. 1998. *Introduction to Divorce Laws in Malaysia*. Kuala Lumpur: International Islamic University Cooperative Ltd.
Nik Noriani Nik Badli Shah. 2000. *Marriage and Divorce Under Islamic Law*. Kuala Lumpur: International Law Book Services.

**LBA3083 Islamic Law of Property**

Kursus ini bertujuan untuk memperkenalkan aspek aspek perundangan, amalan pentadbiran kehartaan orang Islam di Malaysia yang berkaitan dengan harta wakaf, zakat, pusaka, wasiat, *hibah*, harta sepencarian, harta penama dan harta simpanan. Ia membincangkan secara khusus bagaimana pusaka dan wasiat di kalangan orang-orang Islam di Malaysia ditadbir dan undang-undang yang dipakai termasuk seperti undang-undang Probet dan Pentadbiran serta beberapa amalan adat. Ia meliputi beberapa bentuk latihan amali yang merangkumi konsep, syarat, dan kaedah pembahagian pusaka dan wasiat. Kursus ini seterusnya memberi fokus terhadap pentadbiran Zakat dan Baitulmal sebagai institusi kewangan negara Islam dan bagaimana institusi ini ditadbir di Malaysia. Urusan pentadbiran zakat pula membincangkan beberapa perkara seperti kadar zakat semasa, kuasa memungut zakat dan isu terkini yang menyentuh hukum zakat seperti zakat gaji dan pendapatan serta cara pengagihannya. Isu mengenai pentadbiran Baitulmal dan peranannya dalam membangunkan ekonomi umat Islam di Malaysia juga dibincangkan.

Rujukan :

Ahmad Ibrahim, Prof. 1976. *The Distribution of Estates According to Syafi'e Law*. Singapore: Malayan Law Journal Pte. Ltd.

Hj. Abdul Kader Hj Ismail. 1983. *Sistem Pusaka Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd. Ridzuan Awang, 1986. *Undang-undang dan Pentadbiran Harta Pusaka Orang Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur.

Coulson, N.J. 1970. *Succession in the Muslim Family*. Cambridge: Cambridge University Press.

al-Sabuni, Muhammad ᶜAli. t.th. *al-Mawarith Fi al-Shariᶜah al-Islamiyyah Fi Daw' al-Kitab Wa al-Sunnah*. t.tp: Warid al-Hadith.

al-Qardawi, Yusuf. 1972. *Fiqh al-Zakah*. Kaherah.

Agnides, N. 1910. *Muhammaden Theories of Finance*. London.

Mohd. Ali Baharum, 1986. *Zakat Ditinjau Dari Perspektif Sosial, Undang-undang dan Tafsiran*. Kuala Lumpur.

**LBA3092 Fiqh al-Mawarith**

Kursus ini menawarkan perbincangan sistem pusaka Islam dengan memberi penekanan kepada keadilan sistem pusaka Islam berbanding dengan sistem pusaka bukan Islam dengan merujuk kepada kes-kes pusaka. Tumpuan awal kursus ini diberikan kepada pengertian faraid atau *mirath*, sumber undang-undang pusaka, sebab pusaka mempusakai, halangan-halangan, syarat-syarat dalam

menerima pusaka, hak-hak dalam harta pusaka, ahli-ahli waris dan jenisnya, kadar bahagian ahli waris, $^{c}$*asabah* dan bahagian-bahagiannya, *Zawi al-Arham* dan hak Baitulmal. Ia juga membincangkan kes-kes pengecualian dalam pusaka, pusaka golongan yang tertentu seperti orang yang hilang, khunsa, janin dan seumpamanya. Pengajaran juga diberikan dalam masalah *al-*$^{c}$*Awl, al-Radd, al-munasakhah, al-takharuj, Wasiat Wajibah* dan sebagainya.


Rujukan :

Abu Zahrah, Muhammad. 1963. *Ahkam al-Tarikah Wa al-Mawarith*. Mesir: Dar al-Fikr.

al-Sabuni, Muhammad $^{c}$Ali. t.th. *al-Mawarith Fi al-Shari*$^{c}$*ah al-Islamiyyah Fi Daw' al-Kitab Wa al-Sunnah*. t.tp: Warid al-Hadith.

$^{c}$Asyur, Mustafa. t.th. $^{c}$*Ilm al-Mirath*. Kaherah: Maktabah al-Quran.

Makhluf, Husayn Muhammad. t.th. *al-Mawarith Fi al-Shari*$^{c}$*ah al-Islamiyyah*. t.tp: Matba$^{c}$ah Lajnah al-Bayan al-$^{c}$Arabiyy.

$^{c}$Umar $^{c}$Abdullah. 1960. *Ahkam al-Mawarith*. Cairo.


**LBA3103 Criminal Law II**

Kursus ini akan menyentuh kesalahan jenayah yang spesifik dan dimulakan dengan jenayah terhadap manusia (pembunuhan terancang dan cubaan membunuh, pembunuhan yang tidak disengajakan, dalihan- dalihan pembunuhan, bunuh diri dan cubaan bunuh diri, mencederakan orang, salah tahan, penculikan dan jenayah seksual) dan jenayah terhadap harta benda (curi, peras ugut, rompak, pecah amanah, menerima dan menyimpan barang curi, jenayah pencerobohan dan penipuan). Juga akan disentuh kesalahan berkaitan dokumen seperti pemalsuan, kesalahan berkaitan perkahwinan seperti amalan bigami, kekejaman dan penderaan dalam perkahwinan, kesalahan terhadap negara seperti hasutan dan kesalahan terhadap keamanan awam seperti perhimpunan haram dan rusuhan. Kesalahan dan jenayah terhadap keadilan awam dan keterangan palsu serta jenayah membabitkan kesihatan dan keselamatan awam seperti pencemaran air, penyalahgunaan dadah dan memandu secara merbahaya juga akan dibincangkan. Turut dibincangkan secara selari ialah kes-kes yang telah diputuskan di mahkamah dan aplikasi undang-undang jenayah dalam kes-kes tersebut.


Rujukan :

K.L. Koh, C.M.V. Clarkson & N.A. Morgan. 1989. *Criminal Law in Malaysia and Singapore*. Kuala Lumpur: Malayan Law Journal Sdn Bhd.

Glanville, Williams. 1983. *Textbook on Criminal Law*. 2nd. Ed. Singapore: Stevens & Sons.

Molly Cheang. 1990. *Criminal Law of Malaysia and Singapore*. Kuala Lumpur. Professional Law Books Publisher.
Ratanlal, R. & Dhirajlal, KT. 1998. *Ratanlal & Dhirajlal's Law of Crimes*. 24th. Ed. Delhi: Bharat Law House.
Smith and Hogan. 1989. *Criminal Law*. 22nd. Ed. Singapore: Butterworths.
Clarkson, CMV. 1987. *Understanding Criminal Law*. Fontana Press.
Robinson, PH. 1984. *Criminal Law Defenses*. West Publishing Co.
Ashworth, Andrew. 1983. *Sentencing and Penal Policy*. Weidenfeld and Nicolson.
Anita Abdul Rahim. 2000. *Jenayah Homisid*. Kuala Lumpur: International Law Book Services.
Hashim bin Mehat, Dr. 1991. *Malaysian Law & Islamic Law on Sentencing*. Kuala Lumpur: International Law Book Services.
Snyman, C.R. 1995. *Criminal Law*. 3rd Ed. Durban: Butterworths.

**LBA3113 Equity and Trusts II**

Dalam bahagian ini jenis- jenis amanah akan diperkenalkan bersama dengan keperluan kepada penubuhan amanah. Tugas-tugas dan bidang kuasa pemegang amanah, tanggungjawab pemegang amanah ke atas harta amanah (*trust property*) dan terhadap benefisiari (*beneficiaries*), sifat fidusiari satu-satu amanah, perubahan amanah dan kejadian pecah amanah dan kesan daripada kejadian pecah amanah akan dibincangkan secara mendalam. Perbincangan akan sentiasa merujuk kepada laporan kes-kes dalam negara dan England.

Rujukan :

Hanbury, Harold Graville & Maudsley, Ronald Harling. 1990. *Modern Equity*. (edit.) Jill E. Martin. 13th. Ed. London: Stevens & Sons.
Philip H Pettit. 2001. *Equity and the Law of Trusts*. 9th. Ed. London: Butterworths.
Snell. *Snell's Principles of Equity*. 26th. Ed. London: Sweet & Maxwell.
Syed Khalid Rashid & Mohsin Hingun. *Cases and Materials on Equity and Trusts in Malaysia*.
Parker and Mellow. 1994. *The Modern Law of Trusts*. 6th Ed. London: Sweet & Maxwell

**LBA3122 Al-Fiqh al-Mu$^{c}$asir**

Kursus ini bertujuan membincangkan persoalan-persoalan fiqh semasa bagi mencari sesuatu penyelesaian dan hukum. Ia memberikan penekanan kepada perbandingan mazhab dan pandangan

ulama semasa. Perbincangan meliputi isu-isu terbaru yang meliputi soal Ibadat, Muamalat, *Munakahat*, *Jinayat*, kesihatan, pemakanan dan lain-lain. Di antara persoalan yang dibincangkan ialah penentuan anak bulan dengan kaedah *al-Hisab*, pengeluaran zakat Fitrah dengan nilainya, insuran nyawa dan anggota badan, pemindahan darah dan organ, pengguguran bayi, permanian beradas, ibu tumpang, pengklonan dan beberapa isu lain. Pelajar turut didedahkan kepada metodologi ulama semasa dalam mengeluarkan fatwa dan memberikan hujah dalam penentuan sesuatu hukum.

Rujukan :

Shaltut, Mahmud. 2001. *al-Fatawa*. Kaherah: Dar al-Syuruk.

Al-Qardawi, Yusuf $^{c}$Abdullah. 2001. *Fatawa Mu$^{c}$asarah*. Kuwait: Dar al-Qalam.

Al-Kurdi, Ahmad al-Haji, Dr. 1999. *Buhuth wa Fatawa Fiqhiyyah Mu$^{c}$asarah*. Beirut: Dar al-Basya'ir al-Islamiyyah.

Ibn Rushd, Abi al-Walid Muhammad ibn Ahmad ibn Ahmad ibn Rushd. 1987. *Fatawa Ibn Rushd*. Beirut: Dar al-Gharb al-Islami.

Al-Zarqa', Mustafa ibn Ahmad ibn Muhammad. 2001. *Fatawa Mustafa al-Zarqa'*. Damsyik: Dar al-Qalam.

**LBA4013 Law of Evidence I**

Kursus ini mendedahkan tentang definisi keterangan, keperluan kepada keterangan, prinsip-prinsip penerimaan keterangan dan jenis-jenis keterangan. Perbincangan juga dibuat berkenaan prinsip keberkaitan fakta (*relevancy of fact*) dengan keterangan termasuklah definisi fakta, fakta yang menjadi isu (*fact in issue*) dan fakta yang berkaitan (*relevant fact*). Ia juga menyentuh beberapa aspek keterangan dari segi definisi, tahap dan aplikasinya dalam sesuatu kes seperti pengakuan, penyataan oleh orang yang tidak dipanggil sebagai saksi, keterangan-keterangan sama fakta (*similar fact evidence*), prinsip *'res gestae'*, keterangan berkaitan dengan watak seseorang (*character evidence*), keterangan dengar cakap (*hearsay evidence*), keterangan pakar (*expert/opinion evidence*) dan keterangan yang diberi pengiktirafan kehakiman (*judicial notice*). Rujukan dibuat kepada kes yang diputuskan oleh mahkamah Malaysia, United Kingdom, India dan negara-negara Komanwel yang lain.

Rujukan :

Chin Tet Yung. *Law of Evidence*. Singapore: Malayan Law Journal Pte. Ltd.

Hamid Sultan bin Abu Backer. 1994. *Janab's Key to the Law of Evidence in Malaysia & Singapore*. Kuala Lumpur: Hamid Sultan Publication.

S. Mohan, Rt. Hon. Justice. 1992. *Law of Evidence in Malaysia (With Cases and Commentaries)*. Kuala Lumpur: International Law book Services.
M.R. Zafer, Prof. 1994. *Law of Evidence in Malaysia – an Outline*. Kuala Lumpur: International Law Book Services.
Sarkar, Prabhas, C. Sarkar, Sudipto. 1999. *Sarkar's Law of Evidence*. 15th. Ed. India: Wadhwa and Co.
Heydon, J.D. 1991. *Cross on Evidence*. 8th. Ed. London: Butterworths.
Howard, M.N. & Crane, P. 1990. *Phipson on Evidence*. 14th. Ed. London: Sweet & Maxwell.
Hamid Ibrahim & Maimoonah Hamid. 1993. *Law of Evidence*. Kuala Lumpur: Central Law Books Corporation.
Rafiah Salim. 1994. *Evidence in Malaysia & Singapore, Cases, Materials and Commentary*. 2nd. Ed. Kuala Lumpur: Malayan Law Journal Sdn. Bhd.

**LBA4023 Land Law I**

Di dalam semester pertama pelajar diperkenalkan kepada sejarah undang-undang tanah yang beroperasi dan diaplikasi di Malaysia. Pelajar akan didedahkan tentang cara memahami dan mentafsirkan undang-undang tanah dan menyelesaikan masalah-masalah dalam undang-undang tanah. Kursus ini menerangkan sistem Torrens yang diterimapakai di Malaysia. Beberapa tajuk berkenaan milikan tanah di bawah Kanun Tanah Negara diperkenalkan kepada para pelajar dan akan turut dibincangkan pentadbiran dan kuasa persekutuan terhadap tanah, kuasa Pihak Berkuasa Negeri, jenis-jenis transaksi yang berkaitan dengan milikan seperti pajakan dan sewaan tanah, pelupusan tanah, pemberimilikan dan cukaisewa tanah.

Rujukan :

Teo Keang Sood & Khaw L.T. 1997. *Land Law in Malaysia: Cases and Commentary*. Singapore: Butterworths.
David S.Y. Wong. 1977. *Tenure and Land Dealings in the Malay States*. Singapore: Singapore University Press.
Sihombing, Judith E. 1981. *National Land Code: A Commentary*. Kuala Lumpur: Malayan Law Journal Sdn. Bhd.
Haji Salleh Haji Buang. 1989. *Malaysian Torrens System*. Kuala Lumpur: Malayan Law Journal Sdn. Bhd.
Visu Sinnadurai. 1984. *The Sale and Purchase of Real Property in Malaysia*. Kuala Lumpur: Butterworths.
Ravindran Nekoo. 1999. *Restraints of Dealing in Malaysian Land Law*. Kuala
Lumpur: International Law Book Services.

K.V. Padmanabha Rau. 2000. *Land Acquisition in Malaysia (Cases and Commentaries).* Kuala Lumpur: International Law Book Services.

**LBA4033 Company Law I**

Di dalam semester pertama, pelajar diajar konsep dan prinsip-prinsip yang berkaitan dengan undang-undang perkongsian. Perkara-perkara yang diajar di bawah tajuk ini merangkumi takrifan perkongsian, penubuhan perkongsian dan hubungan di antara rakan kongsi di dalam sesebuah perkongsian, harta perkongsian dan pembubaran perkongsian. Manakala di bawah tajuk undang-undang syarikat, pelajar diajar perihal penubuhan syarikat, konsep keperibadian perbadanan (*separate legal entity*), jenis-jenis syarikat, hubungan syarikat dengan pihak ketiga dan had operasi syarikat seperti yang terkandung di dalam Tatacara Syarikat.

Rujukan :
Ivamy and Powell-Smith. *Malaysian Law of Partnership.*
El Gaily Ahmed El Tayeb. 1998. *Principles of Partnership Law in Malaysia.* Kuala Lumpur: International Law Book Services.
K.V. Padmanabha Rau. 2003. *Company Law of Malaysia (Incorporation and Management).* Kuala Lumpur: International Law Book Services.
K.V. Padmanabha Rau. 1999. *Law of Partnership (A Digest of Cases under the Partnership Act 1961 and Other Statutes).* Kuala Lumpur: International Law Book Services.
Krishnan Arjunan & Low C. K. *Understanding Company Law in Malaysia, Sourcebook of Singapore and Malaysian Company Law*
Samsar Kamar Latif, Dr. *Company Law of Malaysia.*
Samsar Kamar Latif, Dr. 2001. *Partnership Law in Malaysia.* Kuala Lumpur: International Law Book Services.
Walter Woon. 1997. *Company Law.* Petaling Jaya: Sweet & Maxwell.

**LBA4043 Public International Law**

Skop perbincangan dalam kursus ini adalah pengenalan kepada Undang-undang Antarabangsa Awam yang menyentuh prinsip-prinsip asas, teori dan amalan serta pemakaian undang-undang tersebut. Pelajar didedahkan kepada sejarah awal pembentukan Undang-undang Antarabangsa

Awam beserta takrifan, skop, konsep, beberapa masalah dasar, pematuhan undang-undang, persoalan falsafah dan kaitannya dengan percanggahan undang-undang. Berikutnya adalah perbincangan secara mendalam mengenai sumber undang-undang antarabangsa awam yang meliputi undang-undang adat antarabangsa, triti-triti, prinsip-prinsip am undang-undang, pendapat sarjana undang-undang, keputusan Mahkamah Keadilan Antarabangsa, tindakan unilateral dan beberapa sumber sekunder yang lain. Sesuai dengan konsep pemakaiannya, undang-undang ini dikaitkan dan dibandingkan dengan undang-undang tempatan sesebuah negara. Seterusnya kursus ini menyentuh tajuk konsep negara, asal dan penubuhan negara, kepupusan dan kehancuran negara, pengiktirafan negara dan kerajaan, hak dan tugas sesebuah negara, elemen tanggungjawab sesebuah negara, justifikasi dan kesan tanggungjawab tersebut, balasan, langkah kawalan dan sekatan terhadap perlanggaran undang-undang antarabangsa, kekebalan negara, pengiktirafan tindakan pemerintah negara asing, pewarisan negara, kebergantungan dan kuasa hubungan luar dan pengintipan. Tajuk-tajuk lain termasuklah kumpulan-kumpulan negara dan topik wilayah dan bidangkuasa iaitu pengambilan dan kehilangan wilayah, bidangkuasa, bidangkuasa luar wilayah, kejiranan dan kewilayahan, sungai, tasik, terusan dan sempadan. Rujukan kepada kes-kes yang telah diputuskan di Mahkamah Keadilan Antarabangsa, triti-triti, konvensyen Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan perjanjian-perjanjian antarabangsa dibuat berselari dengan kehendak dan keperluan silibus.

Rujukan :

Brownlie, Ian. 2003. *Principles of Public International Law*. 6th Ed. London: Oxford University Press.
Malcom De Evans. 2003. *International Law*. 1st Ed. London: Oxford University Press.
Brownlie, Ian. 2002. *Basic Documents in International Law*. 6th Edn. London: Oxford University Press.
Tunku Sofiah Jewa. 1996. Public International Law, a Malaysian Perspective. Vol 1 & II. Kuala Lumpur: Pacifica Publications.
Cassese, Antonio. 2002. *International Law*. London: Oxford University Press.
Higgins, Rosalyn. 1995. *Problems and Process, International Law and How We Use It*. New York: Oxford University Press.

**LBA4052 Qanun al-Ithbat fi al-Islam**

Kursus ini mengutarakan tentang teori perbezaan di antara *shahadah* (kesaksian) dan *bayyinah* (keterangan), keperluan dan kepentingan keterangan dalam Islam bersama *nas-nas*nya, syarat-syarat penerimaan keterangan dan jenis-jenis keterangan. Aspek-aspek keterangan seperti *iqrar* (pengakuan), keterangan saksi dan syarat-syarat menjadi saksi, bilangan saksi, *ra'y al-khibrah* (keterangan pakar) dan

keterangan dokumen turut dihuraikan. Ia juga meliputi konsep keterangan seperti *khabar*, *ᶜilm al-qadi*, *al-kitabah* (catatan), *qarinah*, (keterangan hal keadaan/*circumstantial evidence*), *qasamah*, *qurᶜah*, *qiyafah*, *al-yamin* (sumpah) dan *liᶜan*. Ia juga menyentuh kedudukan keterangan dengar cakap (*hearsay evidence*), kesaksian kanak-kanak dan keterangan palsu (*shahadah al-zur*) dari perspektif Islam. Ia juga membincangkan beban dan tahap pembuktian serta mentarjihkan keterangan. Rujukan dibuat kepada Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah negeri-negeri dan kes-kes syariah dalam Jurnal Hukum dan Jurnal Syariah.

Rujukan :


Bahnasi, Ahmad Fathi. 1387H/1967. *Nazariyyat al-Ithbat fi al-Fiqh al-Islami*. Kaherah: Maktabah al-Waᶜy al-ᶜArabi.

Madkur, Muhammad Salam. 1964.*al-Qada' fi al-Islam*. Kaherah: Dar al-Nahdah al-ᶜArabiyyah.

Ibn Qayyim al-Jawziyyah. 1397H/1977. *al-Turuq al-Hukmiyyah*. Muhammad Jamil Ghazi (pnyt.). Kaherah: Matbaᶜah al-Madani.

ᶜAbd al-Karim Zaydan. 1415H/1995. *Nizam al-Qada fi al-Shariᶜah al-Islamiyyah*. 3rd. Ed. Beirut: Muassasah al-Risalah.

Mahmud Saedon A. Othman. 1990. *Undang-undang Keterangan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Khan, Khalil-ur- Rahman, 1991, *Principles And Digest of Qanun e-Shahadat*, Vol. 1&2, Lahore: Islamic Publications Ltd.


**LBA4062 Qanun al-al'alaqat al-Duwaliyyah fi al-Islam**

Kursus ini mengkaji pandangan Islam terhadap hubungan antarabangsa, pengenalan undang-undang antarabangsa Islam, sumber-sumber undang-undang antarabangsa Islam, hubungan antara undang-undang antarabangsa Islam dan undang-undang munisipal. Selain daripada itu, skop kursus ini juga meliputi perkara-perkara tentang pengiktirafan, hak dan tanggungjawab sesebuah negara menurut Islam, pengambilan wilayah, undang-undang laut wilayah, bidang kuasa negara, cara-cara penyelesaian pertelingkahan secara aman (seperti rundingan damai) dan ketika perang.

Rujukan :


Muhammad Hamidullah. 1961. *Muslim Conduct Of State*. Lahore: SH. Muhammad Ashraf.

Mahmasani, Subhi. 1982. *al-Qanun Wa al-ᶜAlaqat al-Dawliyyah Fi al-Islam*. Ed. 2. Beirut: Dar al-ᶜIlm Li al-Malayin.

Syawbari. 1966. *al-Siyar (Islamic Law Of Nation)*. (Trans.) Majid Khadduri. Baltimore: John Hopkins.
Hans Kruse. t.th. *The Foundation of International Islamic Jurisprudence*. Pakistan: Pakistan Historical Soceity.
Muhammad Muslehuddin, Dr. 2002. *Judicial System of Islam; Its Origin and Development*. Lahore: Islamic Publications Ltd.
al-Siba$^{c}$iyy, Mustafa. 1953. *Nizam al-Silm Wa al-Harb Fi al-Islam*. Beirut: t.pt.

**LBA4072 Islamic Land Law**

Kursus ini bertujuan untuk memperkenalkan undang-undang yang berkaitan dengan tanah menurut perspektif syariat Islam. Ia menyentuh latar belakang sejarah undang-undang tanah Islam pada zaman Rasulullah saw, zaman Khulafa' al-Rasyidin r.a., zaman kerajaan Uthmaniyyah dan pembentukan Majallah al-Ahkam, serta sejarah ringkas undang-undang tanah sivil di Malaysia, konsep hartanah menurut undang-undang Islam dan sivil serta undang-undang adat (Adat Perpatih dan Adat Temenggung), dan pembahagian kuasa dan sistem pentadbiran tanah di Malaysia dan menurut Islam. Ia juga membincangkan pelupusan hak milik dan pengambilan balik tanah termasuk konsep *iqta', ihya' al-mawat*, pemilik tanah *harim* dan konsep *tahjir*, dasar *maslahah $^{c}$ammah* dalam pengambilan balik tanah dan bayaran pampasan menurut Islam. Ia juga menyentuh kedudukan tanah simpanan dalam undang-undang Islam iaitu tanah simpanan awam (*al-Hima*) serta penerapan prinsip undang-undang tanah Islam dalam Kanun Tanah Negara 1965 yang meliputi kuasa dan dasar pelupusan tanah oleh kerajaan negeri, pemberian milik secara pegangan pajakan (*leasehold*), pengiktirafan prinsip *ihya'al-mawat*, akad dalam transaksi dan urus niaga tanah dan penghapusan unsur *riba* dalam Kanun dan undang-undang berkaitan, pengiktirafan perintah mahkamah syariah, peruntukan khas tentang wakaf dan hak *syuf$^{c}$ah* (*pre-emption*). Kursus ini juga dijalankan secara perbandingan dengan undang-undang sivil dengan merujuk kepada Kanun Tanah Negara.Rujukan dibuat kepada ayat Al-Quran dan hadith dan kes-kes dalam Jurnal Hukum dan Jurnal Syariah

<u>Rujukan :</u>

Abu $^{c}$Ubayd, al-Qasim Ibn Salam. 1968. *Kitab al-Amwal*. al-Azhar: Maktabah al-Kulliyyah al-Azhariah.
Abu Yusof, Yaakub Ibn Ibrahim. 1392H. *Kitab al-Kharaj*. Cet. ke-4. Kaherah: al-Matba$^{c}$ah al-Salafiah wa Maktabatuha.
Abu Zahrah, Muhammad. 1976. *al-Milkiyyah wa Nazariyyah al-$^{c}$Aqd fi al-Shari$^{c}$ah al-Islamiyyah*. Dar al-Fikr al-$^{c}$Arabi.

al-Jawwad, Muhammad Abdul. 1394H/1974. *Milkiyyah al-Aradi fi al-Islam: Tahdid al-Milkiyyah wa al-Ta'mim*. Kaherah: al-Tab$^{c}$ah al-$^{c}$Alamiyyah.

Mohd. Ridzuan Awang. 1994. *Undang-undang Tanah Islam: Pendekatan Perbandingan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Lam Sinn Hui. 1996. *Land Law*. Kuala Lumpur : International Law Book Services.

al-Syaybaniyy, Abu Bakr Ahmad ibn$^{c}$ Amr. 1999. *Ahkam al-Awqaf*. Beirut : Dar al-Kutub al-$^{c}$Ilmiyyah.

**LAA2063 Pentadbiran Undang-Undang Islam Di Malaysia**

Kursus ini bertujuan mengkaji tentang kedudukan dan perlaksanaan undang-undang Islam pada zaman sebelum penjajahan (zaman kesultanan Melaka), zaman penjajahan dan zaman selepas kemerdekaan dan penubuhan organisasi pentadbiran agama Islam di Malaysia. Ia menyentuh kedudukan, struktur dan peranan Majlis Agama dan Jabatan Agama, dengan memusatkan perbincangan ke atas bahagian pentadbirannya seperti bahagian pengurusan zakat, wakaf, baitulmal, penerangan, pendidikan dan pengurusan masjid. Kursus ini turut membincangkan pentadbiran dan bidang kuasa mahkamah syariah dalam perbicaraan kes mal/sivil dan jenayah, jabatan kehakiman syariah, institusi fatwa dan guaman syarie. Ia turut mengetengahkan kedudukan undang-undang Islam dalam Perlembagaan Malaysia dan di mahkamah sivil, konflik bidang kuasa undang-undang dan Artikel 121(1A) Perlembagaan Persekutuan. Rujukan dibuat berdasarkan Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam negeri-negeri di Malaysia.

Rujukan :

Ahmad Ibrahim, Prof. 1975. *Islamic Law in Malaya*. Singapore: Malaysia Sociological Research Institute.

Ahmad Ibrahim & Ahilemah Joned. 1995. *The Malaysian Legal System*. $2^{nd}$. Ed. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ahmad Ibrahim. 1997. *Pentadbiran Undang-undang Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.

Farid Suffian Shuaib dll. 2001. *Administration of Islamic Law in Malaysia: Text and Material*. Kuala Lumpur: Malayan Law Journal.

Salleh Buang. 1990. *Pentadbiran Undang-undang Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Central Law Book Company.

## LBA4083 Land Law II

Di dalam kursus sambungan ini, para pelajar didedahkan kepada sekatan-sekatan terhadap transaksi yang berkaitan dengan tanah termasuk syarat tersirat dan syarat nyata dan sekatan kepentingan serta penguatkuasaan syarat- syarat seperti penyitaan. Aspek berkaitan dengan gadaian, lien, jual janji, prosedur pecah sempadan, pecah bahagian dan penyatuan tanah dan suratkuasa wakil, penyerahan balik hak milik kuasa dan pendaftaran tanah akan dikaji. Undang-undang yang berkaitan dengan pengambilan tanah, tanah rezab Melayu dan hakmilik strata juga diperkenalkan. Aplikasi undang-undang tanah dalam kes-kes yang diputuskan oleh mahkamah turut dibincangkan.

Rujukan :

Teo Keang Sood & Khaw L.T. 1997. *Land Law in Malaysia: Cases and Commentary*. Singapore: Butterworths.

David S.Y. Wong. 1977. *Tenure and Land Dealings in the Malay States*. Singapore: Singapore University Press.

Sihombing, Judith E. 1981. *National Land Code: A Commentary*. Kuala Lumpur: Malayan Law Journal Sdn. Bhd.

Haji Salleh Haji Buang. 1989. *Malaysian Torrens System*. Kuala Lumpur: Malayan Law Journal Sdn. Bhd.

Visu Sinnadurai. 1984. *The Sale and Purchase of Real Property in Malaysia*. Kuala Lumpur: Butterworths.

Ravindran Nekoo. 1999. *Restraints of Dealing in Malaysian Land Law*. Kuala Lumpur: International Law Book Services.

K.V. Padmanabha Rau. 2000. *Land Acquisition in Malaysia (Cases and Commentaries)*. Kuala Lumpur: International Law Book Services.



## LBA4093 Company Law II

Bahagian kedua kursus ini merangkumi tajuk-tajuk seperti modal dan saham, jenis-jenis saham, prospektus, pengarah, tugas-tugas pengarah, mesyuarat tahunan syarikat, debentur.setiausaha syarikat dan peranan juruaudit syarikat. Hak-hak korporat juga dibincangkan termasuk hak-hak pemegang saham minoriti. Peranan Bursa Saham Kuala Lumpur dan Suruhanjaya Sekuriti dalam penyeneraian syarikat di Bursa Saham juga dibincangkan. Pelajar juga akan didedahkan dengan memorandum dan artikel syarikat serta prospektus syarikat. Kursus ini diakhiri dengan perbincangan mengenai penggulungan dan pembubaran syarikat. Aplikasi undang-undang dibincangkan dengan merujuk kepada kes-kes yang telah diputuskan.

Rujukan :
Ivamy and Powell-Smith. *Malaysian Law of Partnership.*
K.V. Padmanabha Rau. 2003. *Company Law of Malaysia (Incorporation and Management)*. Kuala Lumpur: International Law Book Services.
K.V. Padmanabha Rau. 1999. *Law of Partnership (A Digest of Cases under the Partnership Act 1961 and Other Statutes)*. Kuala Lumpur: International Law Book Services.
Krishnan Arjunan & Low C. K. *Understanding Company Law in Malaysia,*
*Sourcebook of Singapore and Malaysian Company Law*
Samsar Kamar Latif, Dr. *Company Law of Malaysia.*
Samsar Kamar Latif, Dr. 2001. *Partnership Law in Malaysia*. Kuala Lumpur: International Law Book Services.
K.V. Padmanabha Rau. *Winding-up of Companies (Cases and Commentaries)*. Kuala Lumpur: International Law Book Services.
Walter Woon. 1997. *Company Law*. Petaling Jaya: Sweet & Maxwell.

**LBA4103 Law of Evidence II**

Di dalam semester kedua, pelajar didedahkan kepada keterangan yang berbentuk dokumen yang merangkumi jenis keterangan yang berbentuk dokumen yang boleh diterima sebagai bukti di dalam mahkamah, keterangan primer dan keterangan sekunder, dan aplikasi *'parol evidence rule'*. Pelajar juga didedahkan kepada beban pembuktian (*burden of proof*) dan berat beban membukti (*standard of proof*) ke atas pihak-pihak yang mengemukakan bukti-bukti di dalam mahkamah di dalam kes-kes sivil dan jenayah. Keterangan yang dikecualikan (*privileged communication*) seperti komunikasi dalam masa perkahwinan, keterangan tentang hal ehwal negara, komunikasi dengan penjawat awam, komunikasi profesional, keterangan yang melibatkan jenayah (*self-incrimination*) dan pernyataan 'tanpa prasangka (*without prejudice*)'; serta keterangan yang disokong (*corroborated evidence*) contohnya keterangan kanak-kanak, rakan sejenayah dan tertuduh bersama juga dibincangkan dalam kursus ini.

Rujukan :
Chin Tet Yung. *Law of Evidence*. Singapore: Malayan Law Journal Pte. Ltd.
Hamid Sultan bin Abu Backer. 1994. *Janab's Key to the Law of Evidence in Malaysia & Singapore*. Kuala Lumpur: Hamid Sultan Publication.
S. Mohan, Rt. Hon. Justice. 1992. *Law of Evidence in Malaysia (With Cases and Commentaries)*. Kuala

Lumpur: International Law book Services.
M.R. Zafer, Prof. 1994. *Law of Evidence in Malaysia – an Outline*. Kuala Lumpur: International Law Book Services.
Sarkar, Prabhas, C. Sarkar, Sudipto. 1999. *Sarkar's Law of Evidence*. 15th. Ed. India: Wadhwa and Co.
Heydon, J.D. 1991. *Cross on Evidence*. 8th. Ed. London: Butterworths.
Howard, M.N. & Crane, P. 1990. *Phipson on Evidence*. 14th. Ed. London: Sweet & Maxwell.
Hamid Ibrahim & Maimoonah Hamid. 1993. *Law of Evidence*. Kuala Lumpur: Central Law Books Corporation.
Rafiah Salim. 1994. *Evidence in Malaysia & Singapore, Cases, Materials and Commentary*. 2nd. Ed. Kuala Lumpur: Malayan Law Journal Sdn. Bhd.

**LBA4116 Moot/Mock and Placement**

Kursus ini bertujuan membiasakan pelajar-pelajar dengan aspek praktikal agar mereka dapat mengamalkan undang-undang dengan lebih teratur dan sempurna. Penyampaian kursus ini dibahagi kepada dua bahagian. Bahagian pertama kursus membincangkan kemahiran-kemahiran yang perlu bagi setiap peguam sama ada pengamal undang-undang atau sebagai pegawai undang-undang. Para pelajar didedahkan kepada peranan peguam syarie dan juga peranan peguambela dan peguamcara serta etika-etikanya. Kursus ini juga mengkaji tentang syarat dan prosedur kemasukan untuk menjadi Peguam Syarie. Pelajar–pelajar turut mempelajari kemahiran-kemahiran yang perlu bagi seseorang peguam seperti: menjalankan temuduga dengan anakguam, memberi nasihat guaman, menjalankan rundingan, menganalisa dan menyiasat kes, berucap dalam mahkamah dan menjalankan pemeriksaan utama dan balas, serta menyediakan dokumen-dokumen tertentu.

Bagi bahagian kedua pelajar-pelajar ditempatkan di mahkamah-mahkamah, firma-firma guaman, jabatan kehakiman, pejabat Biro Bantuan Guaman dan tempat-tempat yang sesuai. Pelajar-pelajar diberikan tugas tertentu seperti membuat laporan apa yang telah dilakukan dan mereka diletakkan di bawah penyeliaan pensyarah-pensyarah.

Rujukan :

Napley, D. *The Technique of Persuasion*. 2nd . Edition. Singapore: Sweet & Maxwell.
Duncan, R. 1980. *The Art of the Advocate*. Penguin Book.
Pinsler, J. 1992. *Evidence, Advocacy and the Litigation Process*. Singapore: Butterworths.
Tan Yock Lin. 1991. *The Law of Advocates and Solicitors in Singapore and West Malaysia*. Kuala Lumpur:

Malayan Law Journal.
Murphy, P. & Barnard, D. 1986. *Evidence & Advocacy*. 2nd. Ed. London: Financial Trainings Ltd.
Ahmad Mohamed Ibrahim, Prof. 1988. "Kedudukan Mahkamah Dalam Sistem Kehakiman". *Jurnal Hukum*. Jil. VI. Kuala Lumpur: Pusat Islam.
Abdullah Abu Bakar. 1984. "Pentadbiran Keadilan di Mahkamah-Mahkamah Syariah Malaysia". *Jurnal Hukum*. Kuala Lumpur: Pusat Islam.

Statut

Akta Profesyen Undang-undang 1976
The Legal Profession (Practice and Etiquette) Rules 1978
Solicitors' Account Rules 1978
Accountant Report Rules 1978

**LBA5012 Civil And Criminal Procedure In Syariah Court**

Kursus ini merujuk kepada Kanun Acara Mal Mahkamah Syariah atau Enakmen Prosedur Mal Syariah negeri-negeri di Malaysia dan Arahan Amalan yang dikeluarkan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) dari semasa ke semasa. Ia juga menyentuh hiraki dan bidang kuasa Mahkamah Syariah dalam membicarakan kes-kes mal/sivil. Pelajar didedahkan kepada prosedur membuat tuntutan sivil (*mal*); bermula dengan wakalah, memfailkan saman, serahan saman, serahan gantian, penyediaan pernyataan tuntutan, afidavit, eksibit, pernyataan pembelaan dan tuntutan balas. Pelajar juga diajar tentang pertukaran dokumen-dokumen di antara pihak-pihak, proses perbicaraan, penghakiman, penghakiman ingkar, perlaksanaan dan penguatkuasaan perintah mahkamah serta proses rayuan. Rujukan dibuat kepada kes-kes sivil (*mal*) dalam Jurnal Hukum dan Jurnal Syariah.

Dari segi aturcara jenayah, Kursus ini merujuk kepada Kanun Acara Jenayah Mahkamah Syariah atau Enakmen Prosedur Jenayah Syariah negeri-negeri di Malaysia dan Arahan Amalan yang dikeluarkan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) dari semasa ke semasa. Ia juga menyentuh hiraki dan bidang kuasa Mahkamah Syariah dalam membicarakan kes-kes jenayah. Pelajar didedahkan kepada prosedur membuat tangkapan termasuk bidang kuasa bahagian penguatkuasaan Jabatan Agama Islam negeri dan kuasa polis serta prosedur penahanan, pengeluaran waran tangkap dan waran geledah, proses mewajibkan kehadiran tertuduh, langkah-langkah pencegahan dan proses penyiasatan oleh pihak Penguatkuasa Agama. Kuasa Pendakwa Syarie dalam memulakan pendakwaan juga dibincang meliputi membuat pertuduhan, pemindahan kes dan jaminan.

Perbincangan seterusnya terhadap prosedur perbicaraan jenayah sehingga keputusan mahkamah dikeluarkan, sabitan dan jenis hukuman yang dijatuhkan, prosedur rayuan dan semakan. Rujukan dibuat kepada kes-kes jenayah syariah dalam Jurnal Hukum dan Jurnal Syariah.

Rujukan :

Bahnasi, Ahmad Fathi. 1387H/1967. *Nazariyyat al-Ithbat fi al-Fiqh al-Islami*. Kaherah: Maktabah al-Wa$^{c}$y al-$^{c}$Arabiy.

Ibn Qayyim al-Jawziyyah. 1397H/1977. *al-Turuq al-Hukmiyyah*. Muhammad Jamil Ghazi (pnyt.). Kaherah: Matba$^{c}$ah al-Madani.

Ibn Abi al-Dam al-Hamawiy. 1982. *Kitab Adab al-Qadi*. Syria: Dar al-Fikr.

Madkur, Muhammad Salam. 1964. *al-Qada' fi al-Islam*. Kaherah: Dar al-Nahdah al-$^{c}$Arabiyyah.

al-Amrusi, Anwar. 1971. *Usul al-Murafa$^{c}$at al-Shar$^{c}$iyyah*. Kaherah: Sharikat al-Iskandariah li al-Taba$^{c}$ah Wa al-Nas.

Hashim bin Mehat, Dr. 1991. *Malaysian Law & Islamic Law on Sentencing*. Kuala Lumpur: International Law Book Services.

Mohamad Shabbir, Dr. 2003. *Outlines of Criminal Law and Justice in Islam*. Kuala Lumpur: International Law Book Services.

Lippman. 1988. *Islamic Criminal Law and Procedure*. New York: Matthew Ross.

El-Awa, Mohamed S. 1982. *Punishment in Islamic Law: A Comparative Study*. Indianapolis: American Trust Publication.

Bassiouni, M. Cherif. 1982. "General Principles of Islamic Criminal Evidence in Islamic Jurisprudence". *The Islamic Criminal Justice System*. (edit.) Ma$^{c}$amoun M. Salama. New York: Oceana Publications.

**LBA5023 Civil Procedure I**

Kursus ini diajar berpandukan Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi yang terpakai di Mahkamah Tinggi di Malaysia dan Kaedah-kaedah Mahkamah Rendah yang terpakai di Mahkamah Sesyen dan Majistret di Malaysia. Bidangkuasa mahkamah-mahkamah di dalam hiraki mahkamah di Malaysia juga diajar kepada pelajar. Di permulaan kursus ini, pelajar diajar bagaimana sesuatu tuntutan sivil dibuat iaitu samada melalui saman, usul, writ atau petisyen. Setelah pelajar diajar cara memulakan tuntutan, langkah seterusnya ialah bagaimana sesuatu tuntutan diserahkan kepada pihak yang dituntut dan bagi pihak yang dituntut ialah penyediaan pembelaan. Tajuk-tajuk lain yang diajar adalah berkaitan dengan had masa bagi sesuatu tindakan dan pihak-pihak kepada sesuatu tindakan.

Rujukan :

Hamid Sultan bin Abu Backer. 1995. *Janab's Key to Civil Procedure in Malaysia & Singapore*. Kuala Lumpur: Hamid Sultan Publication.

Pinsler, Jeffery. 1994. *Civil Procedure*. Kuala Lumpur: Butterworths Asia.

Tan Kee Heng. 1999. *Civil & Criminal Appeals in Malaysia*. Kuala Lumpur: International Law Book Services.

Odgers, W.B. *Principles of Pleading and Practice*.

Grace Chang, Puan Sri. 1994. *Introduction to Civil Procedure in Malaysia & Singapore*. 3rd. Ed. Kuala Lumpur Butterworths Asia.

Ravindran Nekoo. 2002. *Practical Guide to Civil Procedure*. Kuala Lumpur: International Law Book Services.

S. Vanugopal. 1996. *Rules of the High Court 1980; Cases Digest and Precedents*. Kuala Lumpur: International Law Book Services.

**LBA5033 Criminal Procedure I**

Di dalam kursus ini pelajar didedahkan kepada hiraki mahkamah berkaitan dengan bidang kuasa jenayah dan kuasa-kuasa setiap mahkamah di dalam hiraki tersebut. Tajuk-tajuk yang diajar termasuk kuasa polis dan prosedur penahanan oleh pihak polis, pengeluaran waran tangkap, pengeluaran waran geledah, proses mewajibkan kehadiran tertuduh, langkah-langkah pencegahan dan penyiasatan yang dijalankan oleh pihak polis. Kuasa Pendakwa Raya di dalam memulakan penyiasatan dan pendakwaan di dalam kes-kes jenayah juga dibincangkan di dalam kursus ini termasuk bagaimana sesuatu pertuduhan dibuat, pemindahan kes dan juga aspek jaminan.

Rujukan :

Mimi Kamariah Majid. 1999. *Criminal Procedure in Malaysia*. 3rd. Ed. Kuala Lumpur: University Malaya Press.

Abdul Rani Kamarudin, Dr. & Abd. Halim sidek, Dr. 2003. *Pre-Trial Process in Criminal Proceedings*. Kuala Lumpur: International Law Book Services.

Mallal. *Mallal's Criminal Procedure Code*. 5th Ed. Kuala Lumpur: Malayan Law Journal.

Hamid Ibrahim. 1998. *Criminal Procedure*. 2nd. Ed. Petaling Jaya Sweet & Maxwell Asia.

Awther Singh. 1981. *Singh's Commentary on the Malaysian Criminal Procedure Code*. Singapore: Quins.

Hamid Sultan bin Abu Backer. 2001. *Janab's Key to Criminal Procedure,Evidence and Advocacy in Malaysia & Singapore*. Kuala Lumpur: Janab (M) Sdn. Bhd.

Tan Kee Heng. 1999. *Civil & Criminal Appeals in Malaysia*. Kuala Lumpur: International Law Book Services.

**LBA5043 Jurisprudence**

Tajuk utama yang dibincangkan adalah falsafah dan teori undang-undang serta makna dan tujuan undang- undang perlu diamalkan dalam masyarakat. Definasi undang- undang yang meluas dan pelbagai akan dikaji dan ini termasuklah kajian terhadap beberapa falsafah undang-undang Barat seperti Cicero, Aquinas dan Hart dibincangkan. Aspek sosiologi seperti ilmu kemasyarakatan, keadilan dan unsur-unsur moral akan turut menjadi perbincangan kursus ini. Tajuk-tajuk lain yang dibincangkan termasuk fungsi undang-undang serta perbandingan di antara falsafah undang-undang Barat dan undang-undang Islam.

Rujukan :

Dias, R V M. *Jurisprudence.*
Hari Chand, Prof. 1994. *Modern Jurisprudence*. Kuala Lumpur: International Law Book Services.
M.R. Zafer. 1994. *Jurisprudence – An Outline*. Kuala Lumpur: International Law Book Services.
Hart, H.L.A. *The Concept of Law.*
Smith, Adam. *Lectures on Jurisprudence*
Llyod, Lord of Hamstead. *Introduction to Jurisprudence.*
Paton, George Whiteross. A *Textbook of Jurisprudence.*

**LBA5052 Professional Practice I**

Di dalam kursus ini pelajar didedahkan kepada aspek amalan sebagai peguambela dan peguamcara. Kursus utama yang diajar kepada pelajar termasuk penyediaan perjanjian jual beli, perjanjian penyewaan, gadaian dan perkara-perkara yang berkaitan dengan perjanjian, penyediaan dokumen-dokumen untuk perbicaraan seperti penyataan tuntutan, penyataan pembelaan, penyataan balas, permohonan saman dalam kamar, penyediaan afidavit dan tingkahlaku peguam di dalam mahkamah sama ada sivil mahupun syariah, fungsi hakim dan struktur mahkamah serta peranan, tanggung jawab dan bidang kuasa Majlis Peguam.

Rujukan :
Tan Yock Lin. 1998. *The Law of Advocates and Solicitors in Singapore and West Malaysia*. 2nd. Ed. Kuala Lumpur: Malayan Law Journal.
Duncan, R. 1980. *The Art of the Advocate*. Penguin Books.
Pinsler, J. 1992. *Evidence, Advocacy and the Litigation Process*. Singapore: Butterworths.
Osborne, Craig. *Introduction to Legal Practice*.
Paul Raylance. 1994. *Legal Writing and Drafting, Legal Practice Handbook Series*. London: Blackstone Press Ltd.

**LBA5062 Rundingcara dan Sulh**

Kursus ini bertujuan untuk mendedahkan kepada pelajar-pelajar tentang teknik-teknik kemahiran rundingan dan *sulh*. Melalui pendekatan bimbingan dan kaunseling pelajar-pelajar akan dapat kemahiran asas bagi melaksanakan tugas mereka sebagai pegawai *sulh*. Pelajar akan mempelajari psikologi kekeluargaan dan perkahwinan dan menyelami konsep penyelesian luar mahkamah.Tajuk-tajuk lain yang dibincangkan ialah seperti pengenalan bimbingan dan kaunseling dan isu-isu yang penting yang dihadapi oleh pegawai-pegawai sulh dan juga pegawai-pegawai kaunseling. Pengetahuan asas dalam ilmu kejiwaaan adalah aset yang penting. Untuk mengetahui masalah seseorang yang mahu penyelesaian mereka diselesaikan melalui pegawai *sulh* pelajar-pelajar didedahkan juga dengan kemahiran mendengar, menyoal, membina hubungan serta merumuskan masalah.

Rujukan :
Amir Awang. 1984. *Pengantar Bimbingan dan Kaunseling Di Malaysia*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
*Kaunseling dan Psikologi Menurut Islam*. 1995. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
Hassan Langgulung. 1990. "Kaunseling Dalam Masyarakat Islam". (Kertas Kerja) *Seminar anjuran Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM)*. September 1990. Kuala Lumpur.
Abdul Rahim Aziz. 1997. *Motivasi dan Pembangunan Diri*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
Syeikh Ghazali Abdul Rahman et.al. 2002. *Manual Kerja Sulh*. Kuala Lumpur : Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia.

**LBA5073 Criminal Procedure II**

Di dalam bahagian kedua, pelajar didedahkan kepada prosedur perbicaraan di dalam kes jenayah. Tajuk-tajuk yang dibincangkan termasuklah prosedur yang perlu diikut oleh pihak pendakwa dan tertuduh dan juga hakim. Tajuk-tajuk berkaitan dengan pentadbiran kes-kes jenayah seperti permohonan *habeas corpus*, rekod jenayah tertuduh, jenis-jenis penghukuman, prosedur rayuan dan semakan juga dibincangkan di dalam bahagian ini.

Rujukan :

Mimi Kamariah Majid. 1999. *Criminal Procedure in Malaysia*. 3rd. Ed. Kuala Lumpur: University Malaya Press.

Abdul Rani Kamarudin, Dr. & Abd. Halim sidek, Dr. 2003. *Pre-Trial Process in Criminal Proceedings*. Kuala Lumpur: International Law Book Services.

Mallal. *Mallal's Criminal Procedure Code*. 5th Ed. Kuala Lumpur: Malayan Law Journal.

Hamid Ibrahim. 1998. *Criminal Procedure*. 2nd. Ed. Petaling Jaya Sweet & Maxwell Asia.

Awther Singh. 1981. *Singh's Commentary on the Malaysian Criminal Procedure Code*. Singapore: Quins.

Hamid Sultan bin Abu Backer. 2001. *Janab's Key to Criminal Procedure,Evidence and Advocacy in Malaysia & Singapore*. Kuala Lumpur: Janab (M) Sdn. Bhd.

Tan Kee Heng. 1999. *Civil & Criminal Appeals in Malaysia*. Kuala Lumpur: International Law Book Services.

**LBA5083 Cyber Law**

Kursus ini menumpukan aspek perkembangan teknologi maklumat dan dasar negara yang membantu penyuburan teknologi ini seterusnya kewujudan Multimedia Super Corridor (MSC) dan kaitannya dengan perkembangan undang-undang siber dan multimedia. Penekanan diberikan kepada kerahsiaan dalam hal komputer dan teknologi maklumat secara amnya, hak perisian komputer dan perlanggaran hak-hak tersebut serta jaminan kerajaan untuk memerangi kegiatan cetak rompak perisian komputer dan lain-lain isu berkenaan hakcipta komputer dan multimedia, godaman dan penggodam komputer, perlindungan data, *electronic fund transfer*, *internet censorship*, e-dagang dan isu-isu berkaitan, penyalahgunaan dan jenayah komputer serta undang-undang berhubung tandatangan digital, *internet service providers* dan system jaringan dan rangkaian komputer. Pemakaian dan aplikasi statut-statut yang berkaitan juga dikaji termasuklah Undang-undang Jenayah Komputer 1997, Akta Teleperubatan 1997, Akta Digital 1997, Akta Tandatangan Digital 1997 dan Personal Data Protection Bill 2000.

Rujukan :
Abu Bakar Munir. 1999. *Cyber Law: Policies and Challenges*. Kuala Lumpur: Malayan Law Journal.
Assafa Endeshaw. 2001. *Internet and E-Commerce Law with a Focus on Asia Pacific*. Singapore: Prentice Hall Inc.
Bainbridge, David. 2000. *Introduction to Computer Law*. 4th Ed. England: Longman
Hogenholtz, P Bernt. 2000. *Copyrights and Electronic Commerce: Legal Aspects of Electronic Copyright Management*. Kluwer Law Int.
Willie Cheng. 1999. *Effective Management of IT Disputes*. Singapore. Malayan Law Journal.
Tapper. 1989. *Computer Law*. $4^{th}$ Ed. London: Longman.

**LBA5093 Civil Procedure II**

Di dalam semester kedua pelajar diajar perkara-perkara yang perlu dilakukan sebelum sesuatu perbicaraan dimulakan; iaitu pertukaran dokumen-dokumen (*discoveries*) di antara pihak-pihak kepada tindakan mahkamah, proses perbicaraan, penamatan proses perbicaraan, cara-cara melaksanakan penghakiman, rayuan dan kos. Tajuk-tajuk lain yang diajar termasuklah cara menggubal penyataan tuntutan, penyataan pembelaan dan penyataan balas, penghakiman terus dan penguatkuasaan penghakiman.

Rujukan :
Hamid Sultan bin Abu Backer. 1995. *Janab's Key to Civil Procedure in Malaysia & Singapore*. Kuala Lumpur: Hamid Sultan Publication.
Pinsler, Jeffery. 1994. *Civil Procedure*. Kuala Lumpur: Butterworths Asia.
Tan Kee Heng. 1999. *Civil & Criminal Appeals in Malaysia*. Kuala Lumpur: International Law Book Services.
Odgers, W.B. *Principles of Pleading and Practice*.
Grace Chang, Puan Sri. 1994. *Introduction to Civil Procedure in Malaysia & Singapore*. 3rd. Ed. Kuala Lumpur Butterworths Asia.
Ravindran Nekoo. 2002. *Practical Guide to Civil Procedure*. Kuala Lumpur: International Law Book Services.
S. Vanugopal. 1996. *Rules of the High Court 1980; Cases Digest and Precedents*. Kuala Lumpur: International Law Book

**LBA5102 Professional Practice II**

Di dalam semester kedua, kursus yang diajar adalah penubuhan syarikat dan perniagaan serta penyediaan dokumen-dokumen yang berkaitan dengannya, penyediaan surat wasiat dan surat kuasa wakil. Manakala bagi tajuk yang berkaitan dengan perbicaraan pelajar diajar proses penyediaan dokumen-dokumen yang berkaitan dengan permohonan injunksi dan permohonan penguatkuasaan penghakiman. Bagi tajuk etika, pelajar didedahkan bagaimana untuk hadir di dalam mahkamah, cara menemubual anak guam dan saksi, cara mengadakan perundingan untuk menyelesaikan secara damai tuntutan dan cara menulis surat nasihat bagi anakguam (*opinion writing*).

Rujukan :

Tan Yock Lin. 1998. The Law of Advocates and Solicitors in Singapore and West Malaysia. 2nd. Ed. Kuala Lumpur: Malayan Law Journal.

Osborne, Craig. *Introduction to Legal Practice.*

K. V. Padmanabha Rau. 1997. *Law of Arbitration (Cases and Commentaries).* Kuala Lumpur: International Law Book Services.

Mahinder Singh Sindhu. 1997. *The Law of Wills, Probate Administration and Succession in Malaysia and Singapore (with Cases and Commentaries).* Kuala Lumpur: International Law Book Services.

Edward Wright. 1994. *How to Win New Client and Keep Them; A Guide for Solicitors.* London: Blackstone Press Ltd.

**LBA5112 Perakaunan Dan Pengurusan Firma Guaman**

Kursus ini bertujuan untuk mendedahkan kepada pelajar-pelajar prinsip-prinsip perakaunan yang meliputi perekodan simpan kira, penyediaan penyata *reconciliation bank,* imbang duga, penyata untung rugi dan kunci kira-kira. Kursus ini juga bertujuan untuk memberi kefahaman tentang kepentingan perakaunan kewangan kepada perniagaan. Dalam kursus ini pelajar-pelajar didedahkan kepada prinsip-prinsip pengurusan yang termasuk pembahagian dan pengkhususan kerja, autoriti, disiplin dan juga amalan pengurusan seperti perancangan, pengurusan, komunikasi dan penilaian. Ini juga termasuk konsep asas dalam pentadbiran Islam seperti prinsip syura, keadilan dan persamaan hak.

Rujukan :

Drury, C.T. & Sundem G.I. 1990. *Introduction To Management Accounting.* 8th Ed. New Jersey: Prentice Hall International.

Aman A. 1998. *Perakaunan Pengurusan*. Singapore: Prentice-Hall.
Newman. 1972. *The Process of Management: Concept, Behaviour and Practice*. New Jersey: Prentice-Hall.
Bedian, A.G. 1986. *Management*. Chicago: Druden Press.
John Antony Xavier. 2002. *Budgeting for Perfomance*. Kuala Lumpur : INTAN

## KURSUS PROGRAM
## IJAZAH SARJANA MUDA FIQH DAN FATWA

**LCA1012 Al-Madkhal Ila al-fiqh wa al-Fatawa**

Kursus pengantar kepada Fiqh dan fatwa Islam ini membincangkan maksud dan perbezaan istilah syariah, fiqh, ijtihad, ta'liq, fatwa dan undang-undang . Kursus ini memperkenalkan para Fuqaha' terkenal dalam berbagai-bagai mazhab juga bertujuan untuk membimbing pelajar mengenali hasil-hasil penulisan dan perkembangan dalam bidang syariat Islam seperti tafsir, hadith, usul fiqh, fiqh, fatwa dan bidang-bidang lain yang berkaitan.

Rujukan :

al-Khudari Bek, Muhammad. 1995. *Tarikh al-Tashri[c] al-Islamiyy*. Beirut: Dar al-Kutub al-[c]Ilmiyyah.
Sayis, Muhammad [c]Ali. t.th. *Tarikh al-Fiqh al-Islamiyy*. Mesir: Muhammad [c]Ali Sabih.
Mahmasani, Subhi. 1961. *Falsafah al-Tashri[c] Fi al-Islam*. Beirut: Dar al-[c]Ilm Li al-Malayin.
Shalabi, Ahmad. 1981. *Tarikh al-Tashri[c] al-Islamiyy Wa Tarikh al-Nuzum al-Qadha'iyyah Fi al-Islam*. Kaherah: Maktabah al-Nahdah al-Misriyyah.
Ibn al-Nadim. t. t. *al-Fihrist*. Kaherah: Matba[c]ah al-Rahmaniyah.

**UBE2412 English for Academic Purpose I**

This course is designed for fiqh and fatwa management students and is concerned with the communication skills in English, which are required for the students' study purposes. The course aims to reinforce the students' receptive skills and their productive skills.

References:

Jordan, R. R. 1997. *English for academic purposes*. Cambridge: Cambridge University Press.
Heaton, B. and Dunmore, D. 1992. *Learning to study in English*. London: Macmillan.

Bates, L. 1998. *Transitions: an interactive reading, writing and grammar text.* Cambridge: Cambridge University Press.

**UBE2422 English for Academic Purpose II**

This course is a continuation of English for Academic Purpose 1, which is concerned with the communication skills in English, which are required for the students' study purposes. The course aims to reinforce the students' receptive skills and their productive skills.

References:

Jordan, R. R. 1997. *English for academic purposes.* Cambridge: Cambridge University Press.
Heaton, B. and Dunmore, D. 1992. *Learning to study in English.* London: Macmillan.
Bates, L. 1998. *Transitions: an interactive reading, writing and grammar text.* Cambridge: Cambridge University Press.

**LBA1033 Fiqh al-Ibadat**

Kursus ini menyentuh perbincangan yang meliputi Ibadah umum dan khusus seperti bab bersuci, sembahyang, puasa, zakat dan haji serta persoalan berkaitan ibadat-ibadat tersebut, sembelihan, korban, bab *al-Aiman* (sumpah) dan *al-Nuzur* (nazar) dan sebagainya. Perbincangan diadakan dalam bentuk fiqh perbandingan untuk mengkaji dan melihat punca perselisihan pandangan fuqaha' dalam sesuatu isu dan cara mereka memilih hukum berdasarkan nas yang digunakan. Pemilihan tajuk tertumpu kepada isu yang jarang diketengahkan seperti sembelihan, *al-Aiman* dan *al-Nuzur.*

Rujukan :

al-Sharbiniyy, al-Khatib. 1377H/1958M. *Mughni al-Muhtaj.* Mesir: Al-Halabi.
al-Jaziriy, $^{c}$Abd al-Rahman ibn Muhammad. 2000. *Al-Fiqh $^{c}$Ala Madhahib al-Arba$^{c}$ah.* Riyadh: Dar Ihya' al-Turath al-$^{c}$Arabiy.
al-Shuqfah, al-Shaykh Khalid ibn $^{c}$Abdillah. 1409H/1989M. *Kitab al-Dirasat al-Fiqhiyyah $^{c}$Ala Madhhab al-Shafi$^{c}$iyy.* Mesir: Dar al-Salam al-Sharif.
Muhammad Yusuf Musa. 1405H. *al-Fiqh al-Islamiyy Wa Nizam al-Mu$^{c}$amalat Fih.* t.tp: Dar al-Kitab al-$^{c}$Arabiyy.
al-Zuhayliyy, Wahbah. 1409H/1989M. *al-Fiqh al-Islamiyy Wa Adillatuh.* Damsyik: Dar al-Fikr.

**LCA1023 Prinsip Undang- Undang di Malaysia**

Kursus ini mengandungi beberapa aspek undang-undang yang diguna pakai di Malaysia. Ia mendedahkan tentang konsep asas undang-undang di Malaysia secara menyeluruh, seperti undang-undang kontrak, undang-undang tort, undang-undang syarikat, perkongsian dan ejensi, instrumen boleh niaga, insuran, undang-undang jualan barang dan sewa beli, serta undang-undang tanah. Kursus ini mengkaji prinsip asas yang terdapat dalam aspek-aspek perundangan tersebut dan amalan-nya di negara ini. Pelajar akan didedahkan kepada prinsip am, pengecualian kepada prinsip am, statut-statut yang berkaitan dan kes-kes utama di mana yang perlu.

<u>Rujukan :</u>

General Principles of Malaysian Law. Lee Mei Pheng. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti. 4th. Ed. 2001.

Principles of the Law of Contract in Malaysia. Syed Ahmad S.A. Alsagoff. Kuala Lumpur: Malayan Law Journal. 2nd. Ed. 2003.

Principles of the Law of Tort in Malaysia. Mohsin Hingun, Dr. & Wan Azlan Ahmad. Kuala Lumpur: Malayan Law Journal. 1998.

Malaysian Torrens System. Haji Salleh Haji Buang. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.. 1989.

Pengenalan Kepada Undang-Undang Komersial di Malaysia. Sakina Shaik Ahmad Yusoff (pnyt.). Petaling Jaya: International Law book Services.

**LBA2013 Fiqh al- Muamalat**

Kursus ini merupakan pengantar kepada Fiqh Muamalat. Ia membincangkan asas-asas muamalat dalam Islam yang meliputi konsep *al-Mal, al-Milk, al-$^{c}$Uqud, al-Huquq, al-Ahliyyah, al-Bay$^{c}$* dan jenis-jenisnya, riba dan jenis-jenisnya, *a-lKhiyar, al-Rahn, al-Hiwalah, al-Syuf$^{c}$ah, al-Sharikah, al-Qirad, al-Musaqah, al-Muzara$^{c}$ah, al-Ji$^{c}$alah, al-Luqatah, al-Wadi$^{c}$ah, Qard al-Hasan, al -Takaful* dan lain-lain. Perbincangan seterusnya ditumpukan kepada bentuk-bentuk muamalat Islam semasa yang dilaksanakan pada zaman sekarang. Antaranya ialah bentuk-bentuk jual beli yang merangkumi *Bay$^{c}$ Bi al-Thaman al-Ajil, Mudharabah, Murabahah, Musyarakah, Wadi$^{c}$ah, Bay$^{c}$ al-$^{c}$Inah, Bay$^{c}$ al-Dayn, Bay$^{c}$ al-Sarf, Bay$^{c}$ $^{c}$Arabun, Bay$^{c}$ al-Kali bil Kali* dan belian ansuran. Tumpuan juga diberikan kepada perbincangan mengenai pembiayaan, pelaburan saham, bon, sijil simpanan premium, kad kredit dan kad debit.

<u>Rujukan :</u>

al-Sharbiniyy, al-Khatib. 1377H/1958M. *Mughni al-Muhtaj*. Mesir: Al-Halabi.

$^{c}$Ali Qara$^{c}$ah. t.th. *Ahkam al-$^{c}$Uqud Fi al-Shari$^{c}$ah al-Islamiyyah*. Mesir: Dar Misr Li al-Tiba$^{c}$ah.

Muhammad Yusuf Musa. 1405H/1985M. *al-Fiqh al-Islamiyy Wa Nizam al-Mu$^{c}$amalat Fih*. t.tp: Dar al-Kitab al-$^{c}$Arabiyy.

al-Zuhayliyy, Wahbah. 1409H/1989M. *al-Fiqh al-Islamiyy Wa Adillatuh*. Damsyik: Dar al-Fikr.

Su$^{c}$adah Ibrahim Saleh. 1405H/1985M. *Ahkam Tasarrufat al-Saghir fi al-Shari$^{c}$ah al-Islamiyyah*. Jeddah: Dar al-Bilad.

Abu Sulayman, Abd. Wahab Ibrahim. 2003M.*al- Bitaqat al Bankiyyah.*Damsyik: Dar al Qalam.


**LCA2013 Mabahith al Hukm**

Kursus ini akan membincangkan dua perbahasan utama. Perbahasan pertama berkenaan dengan mukaddimah Usul Fiqh dari segi definisi, sejarah perkembangan, faedah mempelajari Usul Fiqh, pembukuan Usul Fiqh dan aliran Usuliyyin. Manakala perbahasan kedua ialah tentang *al-Hukm al-Shar$^{c}$iyy* yang terdiri dari *al-Hukm* dan pembahagiannya iaitu *al-Hukm al-Taklifiyy* dan *al-Hukm al-Wad$^{c}$iyy, al-$^{c}$Azimah Wa al-Rukhsah, al-Hakim* (al-Shari$^{c}$), *al-Mahkum Fih* (*Fi$^{c}$l al-Mukallaf*), *al-Mahkum $^{c}$Alayh* (*al-Mukallaf*), *al-Ahliyyah* (*Ahliyyat al-Wujub Wa Ahliyyat al-Ada'*) dan *$^{c}$Awarid al-Ahliyyah*.

Rujukan :


al-Ghazaliyy, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad. 1322H. *al-Mustasfa*. Al-Qahirah: Matba$^{c}$at al-Amirriyyah.

Zuhayr, Muhammad Abu al-Nur. T.th. *Usul al-Fiqh*. Al-Qahirah : Dar al-Ta$^{c}$rif.

Zaydan, $^{c}$Abd al-Karim. 1414H/1993M. *al-Wajiz Fi Usul al-Fiqh*. Maydan al-Sayyidah Zaynab : Dar al-Tawzi$^{c}$ Wa al-Nashr al-Islamiyyah.

Salqini, Ibrahim Muhammad. 1411H/1991M. *al-Muyassar Fi Usul al-Fiqh al-Islamiyy*. Bayrut : Dar al-Fikr al-Mu$^{c}$asir.

Jalal al-Din Abd al-Rahman. 1417H/1996M. *Ghayat al-Wusul Ila Daqa'iq Ilm al-Usul*. Cet. 3. t.tp: t.pt.


**LCA2023 Tarikh al Mazahib wa al- Fatawa**

Kursus ini bertujuan untuk mengetahui sejarah dan sebab-sebab kemunculan mazhah-mazhab fiqh dan fatwa.Pelajar akan mepelajari sejarah dan latar belakang mazhab-mazhab fiqh yang telah lenyap dan mazhab-mazhab fiqh yang masih kekal hingga ke hari ini, aktiviti pengeluaran fatwa dan penulisannya, tokoh-tokoh ulamak yang aktif dibidang fatwa dan reaksi masyarakat terhada fatwa. Perbincangan juga akan meliputi definisi fatwa, garis panduan, syarat-syarat, adab-adab, jenis-jenis fatwa dan rujukan fatwa yang muktabar.

Rujukan :
Zaidan, Abdul Karim. *Al-Madkhal li Dirasah as-Syari$^{c}$ah al-Islamiyyah*. Beirut: Muassasah ar-risalah.
Abu Zahrah, Muhammad. *Tarikh al-Mazahib al-Islamiyyah*. t.tp.: Dar al-fikr al-arabi.
Al-Asqar, Umar Sulaiman. *Al-Madkhal ila Dirasah al-Madaris wa al-Mazahib al-Fiqhiyyah*. Jordan: Dar an-Nafais.
Al-Harani, Ahmad bin Hamdan. *Sifat al-Fatawa wa al- Mufti wa al- Mustafti*.
Al-Nawawi. *Adab al-fatawa wal mufti wal mustafti*.

**LBA2063 Fiqh al-Munakahat**

Kursus ini membincangkan undang-undang keluarga Islam yang menyentuh persoalan hukum dan syarat pertunangan, perkahwinan dan poligami. Tumpuan diberikan kepada syarat dan rukun perkahwinan dan perceraian, kesan-kesan perjanjian perkahwinan seperti mahar, nafkah, pemilikan harta dan kesan pembatalan perkahwinan seperti mut$^{c}$ah, nafkah $^{c}$iddah, nafkah anak dan hak penjagaannya serta harta sepencarian. Ia dibincangkan secara perbandingan pandangan mazhab-mazhab yang ada dan kaitannya dengan kes-kes semasa.

Rujukan :
Muhammad Muhy al-Din $^{c}$Abd al-Hamid. 1983. al-*Ahwal al-Shakhsiyyah Fi al-Shari$^{c}$ah al-Islamiyyah*. Mesir: Dar al-Kitab al-$^{c}$Arabiy.
Ibn al-Rushd al-Qurtubiyy, Muhammad ibn Ahmad. 1970. *Bidayah al-Mujtahid Wa Nihayah al-Muqtasid*. Mesir: Maktabah al-Kulliyyah al-Azhariyyah.
Abu Zahrah, Muhammad. 1958. *Muhadarat Fi $^{c}$Aqd al-Zawaj Wa Atharuh*. t.tp: Ma$^{c}$had al-Dirasat al-$^{c}$Arabiyyah al-$^{c}$Aliyyah.
al-Zuhayliy, Wahbah. 1409H/1989. *al-Fiqh al-Islamiyy Wa Adillatuh*. Damsyik: Dar al-Fikr.
al-Shuqfah, al-Shaykh Khalid ibn $^{c}$Abdillah. 1409H/1989M. *Kitab al-Dirasat al-Fiqhiyyah $^{c}$Ala Madhhab al-Shafi$^{c}$iyy*. Mesir: Dar al-Salam al-Sharif.

**LAA2053 Al-Ahwal Al-Syakhsiyyah**

Tumpuan utama kursus ini perbincangan Mazhab Syafie dalam hal kekeluargaan Islam serta peruntukan enakmen keluarga Islam di Malaysia. Ia merangkumi undang-undang yang terkandung di dalam enakmen keluarga Islam yang terdapat dalam 14 statut berlainan. Antara topik utama yang dibincangkan ialah rukun dan syarat sah nikah dan hak dan tanggungjawab seorang isteri dan suami.

Kajian juga dibuat terhadap undang-undang yang mentadbir pertunangan, persetujuan perkahwinan dan pernikahan, perceraian dan pembubaran perkahwinan melalui *fasakh*, *khul*$^c$, *ta*$^c$*liq* dan *li*$^c$*an*, timbangtara oleh *Hakam*, rujuk dan $^c$iddah, nafkah isteri dan anak, hak isteri dan anak-anak, *hadanah* dan isu berkaitan penjagaan anak dan *hadinah* dan tuntutan-tuntan penceraian yang bersangkutan dan ini dibuat selari antara pendapat Mazhab Syafie dan peruntukan enakmen. Topik- topik lain yang turut disentuh adalah nafkah *mut*$^c$*ah* dan harta sepencarian, pendaftaran perkahwinan dan perceraian, kesalahan jenayah di bawah enakmen undang-undang keluarga di Malaysia serta pemakaian dan aplikasi peruntukan tersebut mengikut negeri. Kes-kes yang telah diputuskan juga dirujuk.

Rujukan :

Ahmad Ibrahim. Tan Sri Datuk Prof. 2001. *Family Law in Malaysia*. 3rd. Ed. Kuala Lumpur: Malayan Law Journal Sdn. Bhd.

Ahmad Ibrahim, Tan Sri Datuk Prof. 1999. *Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: Malayan Law Journal.

Mimi Kamariah Majid. 2001. *Family Law in Malaysia*. 3rd. Ed. Kuala Lumpur: Malayan Law Journal Sdn. Bhd.

Zaleha Kamarudin. 1998. *Introduction to Divorce Laws in Malaysia*. Kuala Lumpur: International Islamic University Cooperative Ltd.

Nik Noriani Nik Badli Shah. 2000. *Marriage and Divorce Under Islamic Law*. Kuala Lumpur: International Law Book Services.

**LCA2033 Mabahith Adillat al Ahkam**

Kursus ini akan membincangkan sumber hukum yang disepakati ulama iaitu sumber yang berdasarkan wahyu iaitu al-Quran dan al-Sunnah dan sumber hukum yang berdasarkan ijtihad iaitu Ijmak dan Qiyas. Perbahasan ini merangkumi definisi, dalil-dalil kehujahan sumber-sumber tersebut dan pandangan ulama terhadapnya. Kursus ini juga akan membincangkan sumber hukum yang tidak disepakati ulama seperti *al-Istihsan*, *Masalih al-Mursalah*, *al-*$^c$*Urf*, *Qawl al-Sahabiyy*, *Shar*$^c$ *Man Qablana*, *Sadd al-Zara'i*$^c$ dan *al-Istishab*. Perbahasan ini juga meliputi definisi dan pandangan Usuliyyin tentang kehujahan sumber-sumber hukum yang tidak disepakati ini.

Rujukan :

al-Ghazaliyy, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad. 1322H. *al-Mustasfa*. Al-Qahirah : Matba$^c$at al-Amirriyyah.

Zuhayr, Muhammad Abu al-Nur. t.th. *Usul al-Fiqh*. Al-Qahirah : Dar al-Ta$^c$rif.

Zaydan, $^{c}$Abd al-Karim. 1414H/1993M. *al-Wajiz Fi Usul al-Fiqh*. Maydan al-Sayyidah Zaynab : Dar al-Tawzi$^{c}$ Wa al-Nashr al-Islamiyyah.

Salqini, Ibrahim Muhammad. 1411H/1991M. *al-Muyassar Fi Usul al-Fiqh al-Islamiyy*. Bayrut : Dar al-Fikr al-Mu$^{c}$asir.

Dawudiyy, Safwan Adnan. 1420H/1999M. *al-Lubab Fi Usul al-Fiqh*. Dimashq: Dar al-Qalam.

**LBA3023 Fiqh al-Jinayat**

Kursus ini membincangkan tentang pembahagian jenayah dan hukuman-hukumannya di dalam Islam. Ia memberi penekanan kepada jenayah Hudud, Qisas dan Ta$^{c}$zir, begitu juga perkara yang berhubung dengan hak-hak Allah dan hak-hak hamba, bentuk-bentuk pendakwaan dan keterangan dan kapasiti tanggungan jenayah. Perbincangan juga meliputi syarat dan rukun dalam mensabitkan jenayah ini, halangan-halangan yang menggugurkan perlaksanaan hukuman tersebut dan bidang kuasa hakim dalam menentukan hukuman Ta$^{c}$zir. Ia juga dilanjutkan kepada bab *al-Qada'*, kesaksian, sumpah, iqrar, proses penahanan dan penyiasatan. Pendekatan yang diambil ialah dalam bentuk fiqh perbandingan mazhab dan perkembangan semasa. Kursus ini juga merujuk kepada cara dan skop perlaksanaan dibeberapa negara Islam.

<u>Rujukan :</u>

$^{c}$Ali Haydar. 1991M/1411H. *Durar al-Hukkam Sharh Majallah al-Ahkam*. Lubnan: Dar Al-Kutub Al-$^{c}$Ilmiyyah.

al-Sharbiniyy, al-Khatib. 1377H/1958M. *Mughni al-Muhtaj*. Mesir: Al-Halabi.

$^{c}$Awdah, $^{c}$Abd al-Qadir. 1998M/1419H. *Al-Tashri$^{c}$ Al-Jina'i Al-Islami*. Lubnan: Mu'assasah al-Risalah.

Abu Zuhrah, Muhammad. 1998. *Al-Jarimah wa Al-$^{c}$Uqubah fi Al-Fiqh Al-Islami: Al-Jarimah*. Kaherah: Dar Al-Fikr Al-$^{c}$Arabiy.

al-Bahnasi, Ahmad Fathi. 1962. *Nazariyyat al-Ithbat fi al-Fiqh al-Islami*. Mesir: al-Sharikah al-$^{c}$Arabiyyah Li al-Tiba$^{c}$ah.

**LCA3013 Mabahith Dalalatul Alfaz**

Kursus ini akan membincangkan kaedah dan cara pembinaan sesuatu hukum (*Turuq Istinbat al-Ahkam Wa Qawa$^{c}$iduh*) yang terdiri dari perbahasan *Wad$^{c}$ al-Lafz Li al-Ma$^{c}$na, al-Lafz Bi I$^{c}$tibar Isti$^{c}$malihi Fi al-Ma$^{c}$na, Dalalat al-Lafz $^{c}$Ala al-Ma$^{c}$na, Kayfiyyah Dalalat al-Lafz $^{c}$Ala al-Ma$^{c}$na*. Kursus ini

berbentuk teori dan amali. Pelajar akan didedahkan dengan teori terlebih dahulu dan kemudiannya mereka akan diminta untuk mengaplikasikannya dalam masalah-masalah yang akan diberi di dalam kelas.

<u>Rujukan :</u>

al-Ghazaliyy, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad. 1322H. *al-Mustasfa*. Al-Qahirah : Matba$^{c}$at al-Amirriyyah.

Zuhayr, Muhammad Abu al-Nur. t.th. *Usul al-Fiqh*. Al-Qahirah : Dar al-Ta$^{c}$rif.

Zaydan, $^{c}$Abd al-Karim. 1414H/1993M. *al-Wajiz Fi Usul al-Fiqh*. Maydan al-Sayyidah Zaynab : Dar al-Tawzi$^{c}$ Wa al-Nashr al-Islamiyyah.

Salqini, Ibrahim Muhammad. 1411H/1991M. *al-Muyassar Fi Usul al-Fiqh al-Islamiyy*. Bayrut : Dar al-Fikr al-Mu$^{c}$asir.

al-Zuhayliyy, Wahbah. 1422H/2001M. *Usul al-Fiqh al-Islamiyy*. jil.1-2. cet. 2. Bayrut: Dar al-Fikr al-Mu$^{c}$asir.

al-Shatibiyy, Abu Ishaq Ibrahim bin Musa. T.th. *al-Muwafaqat Fi Usul al-Shari$^{c}$ah*. Jil. 1-4. Bayrut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.

**LAA2063 Pentadbiran Undang-Undang Islam di Malaysia**

Kursus ini bertujuan mengkaji tentang kedudukan dan perlaksanaan undang-undang Islam di zaman sebelum penjajah (zaman Melaka), zaman penjajahan dan zaman selepas organisasi pentadbiran agama Islam di Malaysia. Majlis Agama dan Jabatan Agama, dengan memusatkan perbincangan ke atas bahagian pentadbirannya seperti bahagian-bahagian zakat, wakaf, baitulmal, penerangan, masjid dan Majlis Fatwa. Akhirnya kursus ini akan memeriksa dan menilai kuasa-kuasa Mahkamah Qadi dalam perkara mal dan jenayah, merangkum perkara-perkara yang berhubung dengan undang-undang keluarga Islam, nikah, cerai, nafkah dan jagaan anak.

<u>Rujukan :</u>

Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam bagi negeri-negeri di Malaysia.

Salleh Buang. 1990. *Pentadbiran undang-undang Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: Central Law Book Company.

Ahmad Ibrahim. 1975. *Islamic law in Malaya*.. Singapore: Malaysia Sociological Research Institute Ltd.

Abdul Monir bin Yaacob. 1989. *An introduction to Malaysia law*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Ahmad Ibrahim dan Ahilemah Joned. 1992. *Sistem undang-undang di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
Farid Suffian Shuaib dll. 2001. *Administration of Islamic Law in Malaysia: Text and Material*. Kuala Lumpur: Malayan Law Journal.

**LCA3023 Falsafah al-Tashri'**

Kursus ini bertujuan untuk mendedahkan para pelajar tentang falsafah, hikmah, roh dan rahsia pensyariatan Islam atau Syariat Allah S.W.T melalui undang-undang yang diturunkan kepada umat manusia yang bersifat syumul, fleksibel, telus dan adil. Pelajar didedahkan dengan teori-teori mengapa perlunya beragama dan mendatangkan hujah-hujah tentang kekuatan dan kesahihan Syariat Islam itu sendiri. Seterusnya, perbincangan dilakukan dengan memberi penekanan kepada Objektif Syara` (*Maqasid al-Syari`ah)* yang lima iaitu menjaga Agama (*Hifz al-Din*), menjaga jiwa/diri (*Hifz al-Nafs)*, menjaga akal (*Hifz al-`Aql)*, menjaga keturunan (*Hifz al-Nasb)* dan menjaga harta (*Hifz al-Mal)*. Di samping itu, perbahasan ini turut membincangkan kedudukan dan turutan Objektif Syara` mengikut kepentingan iaitu *al-Dharuriyyat*, *al-Hajiyyat* dan *al-Tahsiniyyat*.

Rujukan :

Al-Syatibi, Abu Ishak Ibrahim bin Musa. 1417H/1997M. *Al-Muwafaqat fi Usul al-Syari`ah*. Beirut: Dar al-Ma`rifah
Ibn `Asyur, Muhammad Tohir. 1418H/1998M. *Maqasid al-Syari`ah al-Islamiyyah*. T.tp: Al-Basa'ir Li al-Intaj al-`Ilmi
Al-Qaradawi, Yusuf. T.th. *Al-`Ibadah fi al-Islam*. Beirut: Muassasah al-Risalah
Al-Qaradawi, Yusuf. 1421H/2000M. *Fi Fiqh al-Awwaliyyat*. Beirut: Muassasah al-Risalah
Mahmassani, Sobhi Rajab. 2000. *Falsafah al-Tasyri` fi al-Islam*. Terj. Fahat J. Ziedah. Kuala Lumpur: The Open Press
Hawwa, Said. 1408H/1988M. *Al-Islam*. Beirut: Dar `Ammar
Mu`awwadh, `Ali Muhammad & `Abdul Maujud, `Adil Ahmad. 1420H/2000M. *Tarikh al-Tasyri` al-Islami*. Beirut: Dar al-Kutub al-`Ilmiyyah

**LAA2043 Qawa^c^id Fiqhiyyah**

Kursus ini bertujuan memperkenalkan kaedah-kaedah fiqh, sejarah kelahirannya, sumber pengambilan, faedah, kepentingan serta kedudukannya dalam fiqh Islam. Di samping itu kursus ini

juga membincangkan beberapa kaedah utama serta perlaksanaannya dalam hukum-hukum fiqh. Pelajar seterusnya akan diperkenalkan bentuk penggunaan kaedah fiqh ini dalam aplikasi hukum dan undang-undang semasa secara praktikal. Kursus ini penting untuk memantapkan penguasaan dan kemahiran fiqh pelajar.

Rujukan :

al-Suyuti, Jalaluddin Abd. al-Rahman. 1378H/1959. *Kitab al-ashbah wa al-naza`ir.* al-Qahirah: Matba$^{c}$ah Mustaffa al-Babi al-Halabi.

Zainal Abidin bin Ibrahim bin Nujaim. 1387H/1968. *Kitab al-ashbah wa al-naza`i. 'ala Madhhab Abi Hanifah al-Nu'man.* al-Qahirah: Muassasah al-Halabi

Izzuddin bin Abd. al-Salam. 1388H/1968. *Qawa'id al-ahkam fi masalih al-anam.* Jld. 1 & 11. Misr: al-Kulliyyah al-Azhariyyah.

Ibn Rajab. 1392H/1972. *al-Qawa`id fi al-fiqh al-Islam.* al-Qahirah: Maktabah al-Kulliyyah al-Islami al-Qarafi. t.th. *al-Furuq.* Beirut: `Alam al-Kutub.

**LAA3013 Fiqh al-Qada'**

Kursus ini membincangkan tajuk-tajuk yang berkaitan dengan sistem kehakiman menurut perspektif Islam merangkumi isu-isu seperti perlantikan hakim, syarat-syarat, etika dan adab, kedudukan hakim serta hukum-hakam yang berkaitan dengan kehakiman. Ia memberikan penekanan terhadap persoalan hubungan hakim dengan negara, kebebasan dan tanggungjawab hakim, majlis penghakiman, *wilayah* hakim, perlucutan dan perletakan jawatan hakim. Fokus juga diberikan kepada isu-isu berkaitan dengan pendakwaan, pembuktian, *ta$^{c}$arud al-bayyinat,* rayuan, hisbah dan *wilayat al- mazalim.*

Rujukan :

`Abd. Rahman Ibrahim `Abd al-Aziz al-Hamidiy. 1989. *al-Qada' wa nizamuhu fi al-kitab wa al-Sunnah.* Saudi Arabia: Mahad al-Buhuth al-`Ilmiyyah wa Ihya al-Turuth al-Islamiy.

Ahmad Fathi Bahisiy, 1967. *Nazariyyah al-ithbat fi al-fiqh al-Jina'iy al-Islamiy.* Mesir: Maktabah al-Wa'iy al-Arabiy, Mesir, 1967.

Ahmad Muslim. t.t. *Usul al-murafaat al-Tanzim al-Qadaiy.* Kaherah: Dar al-Fikr al-`Arabiy.

Muhammad al-Ghazaliy, Hamid `Ukaz al-Muhamiy, Iwad Muhammad `Iwad. 1996 *Nizam Ithbat al-da'wa wa adillah, fi al-fiqh al-islamiy wa al-Qanun.* al-Qaherah: Dar al-Da'wah, al-Qaherah.

Ibn Qayyim al-Jawziyyah. *al-Turuq al-hukmiyyah.* al-Qaherah: Dar al-Madaniy.

## LCA3033 Manahij al -Fuqaha

Kursus ini membincangkan tentang ijtihad dan aliran-alirannya, bermula daripada zaman Nabi (s.a.w) sehingga munculnya mazhab-mazhab. Penekanan juga diberikan kepada pengenalan 4 mazhab yang masyhur iaitu Maliki, Hanafi, Shafi$^{c}$iy dan Hanbali dengan mengenalpasti latar belakang imam-imam mazhab tersebut, fiqh dan *usul* mazhabnya serta metodologi mereka dalam mengeluarkan hukum. Di samping itu juga, dilakukan perbandingan *usul* dan metodologi mazhab-mazhab tersebut antara satu sama lain. Kursus ini juga mengkaji metodologi fuqaha yang lain seperti Ibn Hazm, al-Laith ibn Sa$^{c}$ad dan al-Auza$^{c}$iyy.

<u>Rujukan :</u>

al-Ashqar, $^{c}$Umar Sulayman . 1998 . *al-Madkhal ila Dirasat al-Madaris wa al-Mazahib al-Fiqhiyyah. Amman* : Dar al-Nafais.

al-Amidiyy, Sayf al-Din . 1990. *al-Ihkam fi Usul al-Ahkam*. Beirut : Dar al-Kutub al-$^{c}$Ilmiyyah.

Muhammad Fauzi Faydullah . 2001 . *al-Mazahib al-Fiqhiyyah : Ta$^{c}$rif Mujaz bi al-Mazahib al-Fiqhiyyah* . Damsyik : Dar al-Qalam.

al_zuhailiyy, Wahbah. 1998 . *Manahij al-ijtihad fi al-Mazahib al-Mukhtalifah* . Damsyik : Dar al-Maktabiyy.

Salah Abu al-Hajj . 2002 . *al-Manhaj al-Fiqhiyy* . Amman : Dar al-Nafais

## LCA3043 Mabahith al-Ta$^{c}$arud Wa alTarjih

Kursus ini akan membincangkan 2 skop utama. Yang pertama ialah al-Naskh dari segi definisi, *Hikmat al-Naskh, al-Adillah $^{c}$Ala al-Naskh Wa Wuqu$^{c}$uhu, al-Naskh Wa al-Takhsis, Anwa$^{c}$ al-Naskh, Waqt al-Naskh* dan *Ma Yajuz Naskhuhu Wa Ma La Yajuz*. Yang kedua ialah *al-Ta$^{c}$arud* dan *al-Tarjih* dari segi definisi, *Wujub al-$^{c}$Amal bi al-Tarjih, Syurut al-Tarjih* dan *Turuq al-Tarjih*. Kursus ini berbentuk teori dan amali. Pelajar akan didedahkan dengan teori terlebih dahulu dan kemudiannya mereka akan diminta untuk mengaplikasikannya dalam masalah-masalah yang akan diberi di dalam kelas.

<u>Rujukan :</u>

al-Ghazaliyy, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad. 1322H. *al-Mustasfa*. Al-Qahirah : Matba$^{c}$at al-Amirriyyah.

Zuhayr, Muhammad Abu al-Nur. t.th. *Usul al-Fiqh*. Al-Qahirah : Dar al-Ta$^{c}$rif.

Zaydan, $^{c}$Abd al-Karim. 1414H/1993M. *al-Wajiz Fi Usul al-Fiqh*. Maydan al-Sayyidah Zaynab : Dar al-Tawzi$^{c}$ Wa al-Nashr al-Islamiyyah.

Salqini, Ibrahim Muhammad. 1411H/1991M. *al-Muyassar Fi Usul al-Fiqh al-Islamiyy*. Bayrut : Dar al-Fikr al-Mu$^c$asir.
Dawudiyy, Safwan Adnan. 1420H/1999M. *al-Lubab Fi Usul al-Fiqh*. Dimashq: Dar al-Qalam.
al-Barzanjiyy, Abd al-Latif Abdullah Aziz. 1413H/1993. *al-Ta$^c$arud Wa al-Tarjih Bayna al-Adillat al-Shar$^c$iyyah*. Jil. 1-2. Bayrut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.

**LCA3053 Pengajian Malaysia**

Kursus ini memperkenalkan sejarah perkembangan sistem politik, ekonomi dan budaya yang pelbagai di Malaysia. Selain aspek definisi, sejarah, pengaruh dan realiti politik, ekonomi dan multi budaya semasa juga diberi penekanan. Sebagai rakyat Malaysia pelajar akan didedahkan dengan kebolehan memahami perkembangan sistem-sistem ini agar mereka tidak terpinggir dari menyumbang idea dan kemahiran kepada pertumbuhan negara. Sistem politik, antara lain membandingkan asas pembentukannya sejak kurun ke 13 hingga ke hari ini. Ekonomi yang menjadi tarikan utama bermulanya sejarah pembentukan Malaya juga dikaji dan dilihat sebagai sistem yang anjal untuk pembangunan negara Malaysia. Manakala sistem multi budaya perlu diperincikan dengan kajian dari pelbagai sudut memandangkan ianya memberikan impak yang besar kepada tamadun Malaysia.

<u>Rujukan :</u>

Kahn, Joel and Francis Loh Kok Wah. 1992. *Fragmented vision: Culture and Politics in Contemporary Malaysia*. Sydney: Asian Studies Association of Australia and Allen & Unwin.
Connors, J, 1989, *Malaysia,: Responding to Religious and Cultural Pluralism*, in Journal of Family Law, 27 (1), November.
Enloe, H.E, 1970, *Multi-Ethnic Politics: The Case of Malaysia*, Centre of South and Southeast Asian Studies, University of California, Berkeley.
Gullick, J and Gale, B, 1986, *Malaysia: Its Political and Economic Development*, Pelanduk Publications, Petaling Jaya.
Sundaram, J.K, 1990, Growth and Structural Change in Malaysian Economy, McMillan, London.

**LCA4013 Dirasat al-Fatawa al-Muasirah**

Kursus ini membincangkan persoalan-persoalan fiqh semasa yang memerlukan pengkajian dan penyelesaian hukum. Ia akan memberi penekanan kepada kajian, penilaian terhadap sesuatu isu baru

dan fatwa yang dikeluarkan terhadapnya. Para pelajar akan didedahkan dengan bentuk istinbat, hujjah dan tarjih yang dibuat sehingga terhasilnya hukum yang difatwakan dengan meraikan suasana,masa dan tempat fatwa itu dikeluarkan. Ia juga meliputi perbandingan perbezaan pendapat diantara madhab-madhab, ulamak, mufti dan undang-undang ciptaan. Persoalan yang disentuh adalah berkaitan Ibadat, Munakahat, Muamalat, Jinayat, Perubatan, kewangan dan perbankan Islam, pemakanan dan produk dan lain-lain yang meliputi isu seperti peraduan melalui alat telekomunikasi moden, penggunaan bioteknilogi seperti pengklonan, pemindahan anggota manusia, pembuktian kes jenayah melalui Qarinah yang moden dan lain-lain isu semasa. Kajian fatwa semasa tidak sahaja tertumpu kepada fatwa di Malaysia, tetapi juga dari Negara Islam lain.

Rujukan :

al-Qaradhawi, Yusuf ( 2001). *Fatawa Muasirah*. Damsyiq : Dar al-Qalam.

al-Zarqa', Mustafa bin Ahmad ( 2001). *Fatawa Mustafa al-Zarqa'*. Damsyik, Dar al- Qalam.

Munazzamah al-Mu'tamar al-Islami (1998-2003). *al-Majma' al-Fiqh al-Islami*. Saudi Arabia, t.tp.

Bin Baz, Abdul Aziz Bin Abdullah ( 2000 ). *Majmu' al-Fatawa wa Maqalat Mutanawwi'ah*. Lubnan: Muassasah al-Risalah.

al-Wazzani, Abi Isa Sayyid al-Mahdi ( 1996 ). *Al-Nawazil al-Jadidah al-Kubra*.Maghribi: Wizarah al-Auqaf wa al-Suun al-Diniyyah.

www. E-fatwa.com

**LAA3053 Al-Siyasah al-Syariyyah**

Kursus ini bertujuan untuk memperkenalkan dasar awam Islam yang berasaskan Siyasah Syar$^{c}$iyyah, dengan merujuk kepada perlaksanaan dan contoh-contoh pada zaman Rasulullah S.A.W. dan Khulafa'al-Rashidin. Perbincangan merangkumi sumber-sumber dan bidang perlaksanaannya, kuasa pentadbiran, hak-hak awam, hak persendirian, prinsip syura dan budi bicara, tujuan dan cara perlaksanaan hukum Allah S.W.T secara nas dan ijtihad. Kursus ini juga membincangkan beberapa prinsip Siyasah Syar'iyyah seperti prinsip al-Maqasid dan Fiqh al- awlayiyyat, *al-Maslahah* (kepentingan awam), *al-Dharar, Daf$^{c}$ al-Mashaqqah* (mengelak bahaya dan kesukaran), *al-$^{c}$Adah/al-$^{c}$Urf* (adat kebiasaan) dan *Sadd al-Zara'i$^{c}$* (mencegah keburukan). Kursus ini mengaitkan kaedah-kaedah tersebut dengan pemakaiannya dalam isu semasa.

Rujukan :

Ibn Qayyim al-Jawziyyah. 1985. *al-Turuq al-Hukmiyyah Fi al-Siyasah al-Shar$^{c}$iyyah*. Jeddah: Dar al-Madani.

al-Sullamiyy, Abu Muhammad $^{c}$Izz al-din $^{c}$Abd al-Salam. t.th. *Qawa$^{c}$id al-Ahkam Fi Masalih al-Anam*. Beirut: Dar al-Ma$^{c}$rifah.
$^{c}$Abd Wahhab Khallaf. t.th. *al-Siyasah al-Shar$^{c}$iyyah Fi al-Shu'un al-Dusturiyyah Wa al-Kharijah Wa al-Maliyyah*. Kuwayt: Dar al-Qalam.
Ibn Taymiyyah. t.th. *al-Siyasah al-Shar$^{c}$iyyah Fi Islahi al-Ra$^{c}$i Wa al-Ra$^{c}$iyyah*. Algeria: Qash al-Kutub al-Bulaydah.
$^{c}$Abd $^{c}$Al Ahmad $^{c}$Atwah. t.th. *al-Madkhal Ila al-Siyasah al-Shar$^{c}$iyyah*. Saudi Arabia: Universiti al-Imam Muhammad ibn Sa$^{c}$ud al-Islamiyyah

**LCA4033 Fiqh al-Mawarith wa al-Wasiyyah wa al-Waqf**

Kursus ini akan membincangkan tentang *al-wakf, al-wasiat* dan *al-mawarith*. Ia akan mendedahkan kepada pelajar pengetahuan tentang rukun-rukun, syarat-syarat, hikmah dan permasalahan berkaitan *wakf, wasiat dan mawarith*. Pelajar juga akan didedahkan tentang perkaitan dan perbezaan antara ketiga-tiganya dengan penekanan dalam ahkam mawarith supaya pelajar dapat mengetahui kaedah-kaedah umum termasuk orang yang berhak menerima pusaka, kaum-kerabat dan *fard, ta'sib* dan *hajb*. Kemudian kaedah mengira supaya pelajar tahu bagaimana untuk membahagikan harta tersebut mengikut hokum syarak. Tambahan perkara-perkara seperti *mirath al-haml* dan *mafqud*. Kajian juga meliputi pengurusan pusaka, wakaf dan wasiat semasa dan juga peruntukan undang-undang yang berkaitan.

Rujukan :

Al-Sabuni, Muhammad Ali, *al-Mawarith fi al-syari'ah al-Islamiyyah fi dau' al-kitab wa al-sunnah.*
Hamdi, Kamal, *Al-Mawarith wa al-hibah wa al-wasiah*
Abdul Latif, Hassan Subhi Ahmad, *Ahkam al-mawarith fi al-Syari'ah al-Islamiyyah.*
Khalid, Hassan, *Al-Mawarith fi al-Syari'ah al-Islamiyyah.*
Al-Syurabi, Abdul Hamid, *Ahkam al-Tarikat fi dau' al-Fiqh wa al-Qada'*

Statut:

Distribution act. 1958
Akta Wasiat 1959
Akta Harta Pesaka Kecil (Bahagian), 1955

**LCA4043 Undang-Undang Tort Islam**

Undang-undang tort Islam berkait rapat dengan tanggungjawab mal/sivil seseorang kepada yang lain. Ia memperkenalkan konsep, bidang kuasa dan perkembangan undang-undang tort Islam di Malaysia dan negara-negara Islam lain. Kursus ini meliputi perkara seperti tanggungan kerugian ke atas kerosakan harta benda – termasuk oleh sebab penipuan (*ghurur*) dan haiwan peliharaan atau ternakan, tanggungan ke atas kecederaan seseorang, serangan atau menyebabkan kemudaratan ke atas seseorang, tanggung jawab pemunya dan pemilik haiwan, kecuaian professional (*professional negligence*) dalam pelbagai aspek contohnya dalam bidang ekonomi, pembinaan dan perubatan, pencerobohan ke atas hartanah dan undang-undang fitnah. Ia turut menghuraikan peranan *al-Hisbah* dan jenis pembelaan dan remedi yang bersesuaian ke atas kesalahan tort menurut pandangan Islam seperti pampasan, ganti rugi (*daman*) dan sebagainya. Perbincangan dibuat berdasarkan nas-nas Al-Quran dan Sunnah yang berkaitan.

Rujukan :
Abdul Aziz Husin & Abd Rashid Abd Aziz. 2000. *Aspek Undang-undang Tort dalam Projek Pembinaan*. Pulau Pinang: Penerbit USM.
Syed Ahmad Al-Sagoff. *The Law of Torts in Malaysia and Syariah*.
Wan Azlan Ahmad & Mohsin Hingun. 1998. *Principles of the Law of Tort in Malaysia*. Kuala Lumpur: Malayan Law Journal.
al-Zuhayliyy, Wahbah. 1402H/1982M. *Nazariyyat al-Daman*. Damascus: Dar al-Fikr.
Sulayman Muhammad Ahmad. 1405H/1985M. *Daman al-Mutlifat*. t.tp.: Matba$^{c}$ah al-Sa$^{c}$adah.

**LCA4053 Fiqh al-Dusturi wa al-Idari**

Kursus ini menghuraikan prinsip-prinsip perlembagaan dalam Islam dan menyentuh perkara seperti sifat dan ciri-ciri negara Islam, sistem *khilafah/imamah* dan *nation state*, konsep ketertinggian syariah dan kedaulatan perlembagaan Islam, prinsip $^{c}$*adalah*, amalan dan kepentingan *shura* (permesyuaratan) serta hubungannya dengan demokrasi dan teokrasi (*theocracy*). Ia juga mengkaji sejarah pembentukan Perlembagaan Madinah sebagai asas penggubalan perlembagaan Islam dan kesesuaian aplikasinya dalam konteks semasa di Malaysia serta konsep perlembagaan Islam moden seperti di Arab Saudi, Iran dan Pakistan. Ia juga mengutarakan definisi undang-undang perlembagaan dan pentadbiran, prinsip-prinsipnya seperti syura, kebebasan dan hak asasi manusia, persamaan dan keadilan sosial, ketertinggian syariah, persaudaraan, kerajaan sebagai amanah (*khilafah/imamah*), kepatuhan kepada

pemerintah dan tanggungjawab rakyat, sekatan terhadap ketamakan dan penyalahgunaan kuasa, jaminan kemasyarakatan dan perlindungan terhadap golongan minoriti dan rakyat bukan Islam (*ahl al-dhimmah*). Ia juga mengkaji peranan *siyasah shar$^{c}$iyyah* dan undang-undang awam (*public law*) dalam membentuk sistem pemerintahan negara. Ayat-ayat Al-Quran dan hadith-hadith berkaitan perlembagaan dan pentadbiran Islam dijadikan rujukan.

Rujukan :

$^{c}$Awdah, $^{c}$Abd al-Qadir. 1968. *al-Islam wa Awda$^{c}$una al-Siyasiyyah*. Cet. 2. t.tp: t.pt.

$^{c}$Abd al-Karim $^{c}$Uthman. 1968. *al-Nizam al-Siyasi fi al-Islam*. Beirut: Dar al-Irshad.

Abu al-A$^{c}$la al-Mawdudi. 1969. *Islamic Law and Constitution*. Khurshid Ahmad (terj. & pnyt.). cet. ke-4. Lahore: Islamic Publications Ltd.

Zaydan, $^{c}$Abd al-Karim. 1970. *al-Fard wa al-Dawlah fi al-Shari$^{c}$ah al-Islamiyyah*. al-Ittihad al-Islami al-$^{c}$Alami li al-Munazzamat al-Tullabiyyah.

Kemal A. Faruqi. 1971. *The Evolution of Islamic Constitutional Theory and Practice*. Karachi: National Publishing House Ltd.

Muhammad Hamidullah. 1981. *The First Written Constitution in the World*. Lahore: Ashraf Press.

**LCA4063 Mabahith al Ijtihad Wa al Ifta'**

Kursus ini akan membincangkan tentang *al-Ijtihad* dan *al-Ifta'* dari segi definisi, skop, syarat-syarat, hukum, *Tajazzu' al-Ijtihad, Taghayyur al-Ijtihad* dan perkara-perkara yang berkaitan dengan ijtihad dan fatwa serta adab al-ikhtilaf. Kursus ini berbentuk teori dan amali. Pelajar akan didedahkan dengan teori terlebih dahulu dan kemudiannya mereka akan diminta untuk mengaplikasikannya dalam masalah-masalah tertentu di dalam kelas. Kursus ini juga akan membincangkan *al-Taqlid* dari segi definisi dan pandangan para ulama terhadapnya.

Rujukan :

Al-Ghazaliyy, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad. 1322H. *al-Mustasfa*. Al-Qahirah : Matba$^{c}$at al-Amirriyyah.

Zuhayr, Muhammad Abu al-Nur. t.th. *Usul al-Fiqh*. Al-Qahirah : Dar al-Ta$^{c}$rif.

Zaydan, $^{c}$Abd al-Karim. 1414H/1993M. *al-Wajiz Fi Usul al-Fiqh*. Maydan al-Sayyidah Zaynab : Dar al-Tawzi$^{c}$ Wa al-Nashr al-Islamiyyah.

Salqini, Ibrahim Muhammad. 1411H/1991M. *al-Muyassar Fi Usul al-Fiqh al-Islamiyy*. Bayrut : Dar al-Fikr al-Mu$^{c}$asir.

al-Zuhayliyy, Wahbah. 1422H/2001M. *Usul al-Fiqh al-Islamiyy*. jil.1-2. cet. 2. Bayrut: Dar al-Fikr al-Mu$^{c}$asir

**LCA4073 Pengurusan Fatwa**

Kursus ini bertujuan untuk mendedahkan pelajar kepada pentadbiran fatwa di Malaysia khususnya dan pentadbiran fatwa di negara-negara Islam yang lain amnya. Pelajar akan mempelajari kedudukan Mufti dari sudut undang-undang, Jawatankuasa Fatwa, peranan Mufti dan Jawatankuasa Fatwa, proses pengeluaran fatwa, sumber-sumber fatwa dan penguatkuasaan fatwa di Malaysia. Di samping itu, pelajar juga akan membincangkan aplikasi fatwa di mahkamah-mahkamah dan masalah-masalah serta cabaran yang dihadapi oleh institusi fatwa di Malaysia. Perbandingan pengurusan fatwa dengan negara-negara lain juga akan dilakukan. Adalah diharapkan pelajar akan dapat memahami sistem pentadbiran fatwa di Malaysia dan dapat menyumbang terhadap kemajuan institusi fatwa di Malaysia.

<u>Rujukan :</u>

Ahmad Hidayat Buang (ed). 2004. *Fatwa di Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya

Abdul Monir Yaacob (ed.) 1998. *Mufti dan Fatwa di Negara-Negara Asean* Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).

Othman Ishak (1991). Fatwa dalam Perundangan Islam. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Muhammad Mutawwali (2002). Al-Fatwa al-Kubra. Kaherah: Maktabah al-Turath al-Islami

Fatwa Mufti Kerajaan. 2001. Jabatan Mufti Kerajaan. JPM Negeri Brunei

## KURSUS ELEKTIF
## PROGRAM SARJANA MUDA SYARIAH DAN UNDANG-UNDANG

**LBA5513 Maritime Law**

Kursus ini bertujuan memberi pendedahan tentang rujukan utama undang-undang maritim Malaysia yang diadaptasi dari undang-undang Inggeris menerusi pemakaian seksyen 3 dan 5 Akta Undang-Undang Sivil 1956. Peruntukan undang-undang maritim yang digunapakai di Malaysia seperti Ordinan Perkapalan Saudagar 1952, Akta Perkapalan Saudagar (Pencemaran Minyak) 1994 dan Undang-Undang Kecil Lembaga Pelabuhan Johor (Tanjung Pelepas) akan dibincang secara terperinci.

Perbincangan ditumpukan terhadap isu-isu undang-undang yang berkaitan dengan industri perkapalan seperti tuntutan kargo, insuran marin, dokumen-dokumen perkapalan, pencemaran laut dan kemalangan kapal. Selain itu, pelajar juga didedahkan kepada konvensyen-konvensyen antarabangsa dalam tuntutan kontrak, tort dan gantirugi yang diperuntukkan dalam undang-undang maritim Malaysia dan antarabangsa. Pelajar juga diberi pendedahan tentang undang-undang maritim Islam sebagai perbandingan di akhir kursus ini.

<u>Rujukan :</u>


Haller-Trost, R. 1998. *The Contested Maritime and Territorial Boundaries of Malaysia: An International Law Perspective*. Cambridge: MA: Kluwer Law International.

Haller-Trost, R. 1995. *The Territorial Dispute between Indonesia and Malaysia over Pulau Sipadan and Pulau Ligitan in the Celebes Sea: A Study in International Law*. Durham, UK: International Boundaries Research Unit, University of Durham

Khalilieh, Hassan S. 1998. *Islamic Maritime Law: An Introduction*. Leiden: Brill

United States. Dept. of State. Office of the Geographer. 1978. *Maritime Boundaries: Indonesia-Malaysia-Thailand*. Washington, D.C.: Office of the Geographer, Bureau of Intelligence and Research

Haller-Trost, R. 1994. *The Brunei-Malaysia Dispute over Territorial and Maritime Claims in International Law*. Durham: International Boundaries Research Unit, Department of Geography, University of Durham.


**LBA5523 Aviation Law**

Kursus ini memperkenalkan kepada pelajar undang-undang yang mengawal pergerakan kapal terbang di udara sesebuah negara. Undang-undang ini perlu untuk mengawal kehidupan dan harta benda penduduk sesebuah negara. Undang-undang ini merangkumi tuntutan ke atas kecederaan atau kematian yang dialami oleh penduduk sesebuah negara sekiranya berlaku kemalangan udara yang melibatkan manusia mahupun harta benda.

<u>Rujukan :</u>


Bartsch, Ronald I.C. *Aviation Law in Australia.*

Diederiks-Veschoor, I.H. Ph. Prof. Dr. *An Introduction to Air Law.*

Jerry Eichenberger. 1997. *General Aviation Law*. UK: Flightstore.com

Roy Underdown. 2000. *Aviation Law for Pilots*. UK: Flightstore.com

V. Foster Rollo. 1994. *Aviation Law: An Introduction*. US: Maryland Historical Press.

**LBA5533 Arbitration Law**

Undang-undang Timbangtara adalah proses yang digunakan oleh pihak-pihak yang mempunyai tuntutan untuk mencari penyelesaian tanpa perlu mendapat ketentuan dari mahkamah. Ia adalah langkah alternatif untuk mencari penyelesaian dan menjimatkan masa pihak-pihak yang mempunyai tuntutan. Pelajar didedahkan kepada langkah-langkah yang perlu diambil untuk menyelesaikan tuntutan melalui proses timbangtara.

Rujukan :
Grace Xavier. *Law & Practice of Arbitration in Malaysia.*
K. V. Padmanabha Rau. 1997. *Law of Arbitration (Cases and Commentaries)*. Kuala Lumpur: International Law Book Services.
H.K. Saharay. *Law of Arbitration and Conciliation.*
Shambhu Dayal Singh. *Law of Arbitration.*
T. Andrew & Keren. 1999. *A Practical Approach to Arbitration Law*. UK: Blackstone Press Ltd.

**LBA5543 Petroleum Law**

Kursus ini secara umumnya diperkenalkan untuk mengenalpasti beberapa masalah dan konflik yang berkaitan dengan industri petroleum di Malaysia dan beberapa negara pengeluar minyak yang lain. Tumpuan diberikan kepada persoalan-persoalan undang-undang yang berkaitan dengan pengawalan aktiviti industri petroleum di Malaysia dan antarabangsa. Pelajar juga didedahkan dengan peruntukan undang-undang berkaitan seperti Akta Perlombongan Petroleum 1966, Akta Cukai Pendapatan Petroleum 1967 dan Akta Pembangunan Petroleum 1974.

Rujukan :
Al-Mulhim, Mohamed. 1991. *Middle East Oil: A Redistribution of Values Arising from the Oil Industry.* United States of America: University Press of America
Gou, Z. 1994. *International Petroleum Contracts: Recent Trends and New Direction (International Energy and Resources Law and Policy)*. United Kingdom: Kluwer Law International
Peng, DD. 1993. *Insurance and Legal Issues in the Oil Industry*. United Kingdom: Kluwer Law International
PETRONAS. 2000. *The Petroleum Geology and Resources of Malaysia*. Kuala Lumpur: PETRONAS Research & Scientific Services Sdn Bhd (PRSS)

Taverne, BG. 2000. *Petroleum, Industry and Government: An Introduction to Petroleum Regulation, Economic and Government Policies*. United Kingdom: Kluwer Law International

**LBA5553 International Trade Law**

Kursus ini memperkenalkan kepada pelajar berkenaan undang-undang yang berkaitan dengan perniagaan yang dijalankan di bidang antarabangsa. Perkara-perkara yang ditumpukan adalah berkaitan dengan kontrak atau perjanjian jualan yang dijalankan oleh peniaga dari sebuah negara dengan peniaga dari negara lain. Ia termasuk tanggungjawab setiap peniaga kepada rakan niaga dari negara lain. Kursus ini memperkenalkan pelajar kepada dokumen-dokumen yang digunakan oleh peniaga antarabangsa seperti "*Bill of lading*", polisi insuran antarabangsa, lesen-lesen yang diperlukan untuk menjalankan perniagaan antarabangsa dan juga surat-surat kredit yang diperlukan untuk menjalankan perdagangan antarabangsa.

Rujukan :

Chuah, J.C.T. *Law of International Trade*.
Ademuni-Odeke. *The Law of International Trade*.
Todd, Paul. *Cases and Materials on International Trade Law*.
Lakshman Marasinghe. *Principles of International Trade Law*.
Day, D.M. *The Law of International Trade*.

**LBA5563 Commercial Law**

Di dalam kursus ini pelajar didedahkan kepada beberapa undang-undang yang terpakai kepada transaksi komersan yang biasa di amalkan di Malaysia. Topik- topik itu termasuk Undang-Undang Ejensi (Law of Agency), Undang-Undang Jualan Barang (Sale of Goods Law), Undang-Undang Sewa Beli (Hire Purchase Law) dan Undang-Undang Insuran (Insurance Law), jaminan, kredit pengguna dan keselamatan harta yang menyentuh tentang keterangan dan kualiti barangan, pemidahan harta dan risiko, kaedah *Nemo Dat Quad Non Habet*, membuat dan membatalkan perjanjian kredit, tanggungan peminjam dan pemberi pinjam dan beberapa jenis kontrak seperti kontrak FOB dan CIF . Pelajar juga akan didedahkan kepada prinsip-prinsip asas serta aplikasi undang- undang tersebut.

Rujukan :

Lee Mei Pheng. 2001. *General Principles of Malaysian Law*. 4th. Ed. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti.

Wu Min Aun & Beatrix Vohrah. 1991. *The Commercial Law of Malaysia*. Rev. Ed. Petaling Jaya: Longman Malaysia.
Wu Min Aun. *Legal Aspects of Sale of Goods*.
James Wong. 1999. *Marketing and Commercial Law in Malaysia (with a Comparisoan to Australian Law)*. Kuala Lumpur: International Law Book Services.
Lee Mei Pheng & Detta Samen. *Commercial Law in Malaysia*.
Lam Sinn Hui. *Commercial Law*.
Nik Ramlah Mahmood. *Insurance Law In Malaysia*.

**LBA5573 Intellectual Property Law**

Di dalam kursus ini pelajar didedahkan kepada undang-undang semasa berkaitan dengan harta intelek iaitu hasil ciptaan atau rekaan seseorang atau sesebuah organisasi. Undang-undang ini menjelaskan jenis ciptaan dan rekaan yang boleh dilindungi daripada ditiru, bagaimana ciptaan atau rekaan tersebut boleh dilindungi daripada ditiru dan proses bagaimana ciptaan dan rekaan tersebut boleh dilindungi.

<u>Rujukan :</u>
Jeremy Phillips & Alison Firth. *Introduction to Intellectual Property Law*.
W.R. Cornish.1996. *Intellectual Property In: Patents, Copyright, Trade Marks and Allied Rights*. London: Sweet and Maxwell.
*Intellectual Property in Asia*. 2002. United Kingdom: Kluwer Law International
Narayanan. P. *Intellectual Property Law*.
Khaw Lake Tee, 1994. *Copyright Law in Malaysia*. Kuala Lumpur: Butterworth Asia

**LBA5583 Consumer Law**

Di dalam kursus ini pelajar diajar perihal tanggungjawab peniaga di dalam menjalankan urusan perniagaan mereka dengan para pengguna. Tanggungjawab tersebut antara lain termasuklah menyediakan barang-barang yang boleh digunakan oleh pengguna dengan manfaat maksima, menjual barang-barang yang tidak merbahaya dan yang masih sah tempoh penggunaannya dan menyediakan maklumat yang maksima bagi membolehkan pengguna menikmati dengan maksima barangan yang dibeli dari penjual. Dari segi pengguna pula, pelajar diajar hak-hak yang boleh

diperolehi oleh pengguna sekiranya pengguna mendapat kecederaan dan/atau kesakitan dari penggunaan barangan yang dibeli dari penjual.

Rujukan :

Oughton, David W. & John Lowry. 1991. *Consumer Law: Text, Cases and Materials*. London: Blackstone Press Ltd.

Borrie, Gordon. *The Consumer, Society and theLaw*.

Mohamad Sharif Abu Samah. 1994. *Undang-undang dan Perlindungan Pengguna*. Kuala Lumpur: International Law Book Services.

Leder, Malcolm & Peter Shears. 1991. *Consumer Law*. 3rd Ed. London: Macdonald & Evans.

Julian Ding. 1999. *E-Commerce: Law and Practice*. Malaysia: Sweet and Maxwell.

### LBA5593 Fiqh al-Istihlak

Kursus ini membincangkan konsep kepenggunaan di dalam syariat Islam, hak-hak yang dimiliki oleh pengguna, sekatan terhadap penyelewengan kepada pengguna, ayat-ayat al-Quran, hadis serta kaedah-kaedah fiqh yang berkaitan dengan kepenggunaan. Ia menjelaskan hukum Islam mengenai amalan pengguna dalam menggunakan sesuatu dan membina kaedah-kaedah hukum terhadap penggunaan alat-alat teknologi moden dalam keperluan seharian. Kursus ini juga menjelaskan keselamatan pemakanan di dalam Islam seperti hukum sembelihan binatang sama ada secara tradisional ataupun moden, persoalan makanan dan minuman yang halal, suci dan sihat, perubatan tradisional, juga termasuk bentuk kepenggunaan lain seperti pakaian, perhiasan diri dan rumah, barangan guna yang diperbuat daripada logam, tanduk dan tulang binatang dan lain-lain lagi. Kursus ini dijalankan secara perbandingan dengan undang-undang sivil

Rujukan :

Al-Qardawi, Yusuf, Dr. 1984. *al-Halal wa al-Haram fi al-Islam*. Kaherah: t.pt.

Al-Duwghmi, Muhammad Rakan. 1992. *Al-Amn al-Ghidha'i fi Al-Islam*. Amman: Dar al-Nafa'is.

al-Zuhayliyy, Wahbah. 1409H/1989M. *al-Fiqh al-Islamiyy Wa Adillatuh*. Damascus: Dar al-Fikr.

Che Wan Jasimah Wan Mohamed Radzi. 2000. *Konsep Kesihatan Melalui Pemakanan; Pendekatan Islam dan Sains*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.

Mohamad Shariff Abu Samah. 1994. *Undang-Undang dan Perlindungan Pengguna*. Kuala Lumpur: International Law Book Services.

Muhammad $^{c}$Uthman Bashir. 2000. *al-Qawa$^{c}$id al-Kulliyyah Wa al-Dawabit al-Fiqhiyyah*. $^{c}$Amman: Dar al-Furqan Li al-Nashr Wa al-Tawzi$^{c}$.

**LBA5613 Fiqh al-Biah**

Kursus ini bertujuan untuk memperkenalkan alam sekitar dari sudut pandangan syariat Islam. Ia menekankan konsep penjagaan alam sekitar yang terdiri dari pokok-pokok, tanam-tanaman, sungai, hutan, udara dan sebagainya melalui ayat-ayat al-Quran, hadis serta kaedah-kaedah fiqh yang berkaitan dengannya. Ia juga mendedahkan tentang pengawalan syariat Islam terhadap pencemaran alam sekitar. Kursus ini juga akan dijalankan secara perbandingan dengan undang-undang sivil.

Rujukan :

Mohamad Tajuddin Mohd Rasdi & Rosdan Abdul Manan. 2001. *Konsep Perbandaran Islam Suatu Gagasan Alternatif*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.

Ahmad Zaki Abd Latiff. 1997. *Perbandaran di Timur Tengah : Kesannya Terhadap Masyarakat Islam Abad I – III Hijrah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ala'eddin Kharoufa. 2000. *Islam The Practical Religion*. Kuala Lumpur: A.S. Noordeen.

Ibn Daqiq al-$^{c}$Ayd Muhammad ibn $^{c}$Ali ibn Wahb al-Misriyy al-Qushayriyy. 2002. *al-Ilmam Bi Ahadith al-Ahkam*. Beirut: Dar Ibn Hazm.

Muhammad ibn Muflih al-Maqdisiyy. 1996. *al-Adab al-Shar$^{c}$iyyah*. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.

Muhammad Husayn Qandil. 1994. *Fiqh al-Sunnah*. Damanhur: t.pt.

**LBA5623 Medical Law**

Kursus ini membincangkan pengenalan dan istilah undang-undang perubatan serta peruntukan statut-statut penjagaan kesihatan di Malaysia termasuklah Medical Act 1971 & Regulations, Mental Health Act 2001, Nurses Act 1950, Private Healthcare, Facilities and Services Act 1998 dan Private Hospitals Act 1971 serta beberapa konsep undang-undang tort yang berkaitan seperti tugas berhati-hati (*duty of care*), etika perubatan, jurispruden perubatan, implikasi kewangan, pengawasan piawaian dan tanggungjawab seorang doktor. Kursus ini juga membincangkan konsep keupayaan terutama sekali kaitannya dengan persetujuan untuk menerima rawatan, penolakan rawatan dan keadaan-keadaan yang membolehkan penolakan rawatan diketepikan dan perkembangan perkhidmatan perubatan di Malaysia. Topik lain termasuklah kecuaian perubatan, kerahsiaan dan akses kepada rekod pesakit, keterangan pakar, kesuburan dan kelahiran, teknologi reproduktif, pengguguran kandungan, immunisasi kanak-kanak,euthanasia, pendermaan tisu, organ dan anggota, dan isu-isu hak asasi berhubung rawatan perubatan.

Rujukan :

Kennedy I. & Grubb A. 2000. *Medical Law*. 3rd Ed. London: Butterwoths.
Stauch M. & Wheat K. with Tingle J. *Sourcebook on Medical Law*. Cavendish Publication 1998.
McHale J., Fox M. & Murphy J. 1997. *Healthcare Law - Text and Materials*. Sweet & Maxwell.
Freckelton I. & Peterson.K. 1999. *Controversies in Health Law*.
Mason, J.K. 1991. *Law and Medical Ethics*.

**LBA5633 International Human Rights Law**

Kursus ini bertujuan untuk memberi gambaran kepada beberapa teori hak-hak asasi manusia dalam perspektif undang-undang. Ia juga memberi gambaran terhadap perlindungan hak-hak asasi manusia melalui saluran undang-undang antarabangsa, selain memberi pengenalan umum terhadap sistem-sistem perlindungan hak asasi manusia. Pelajar juga diberi pendedahan tentang hak-hak asasi manusia mengikut perspektif Islam dan barat. Pelajar turut didedahkan dengan beberapa perjanjian antarabangsa seperti Deklarasi Sejagat Hak Asasi Manusia 1948, Perjanjian-Perjanjian Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dan Konvensyen Eropah mengenai Hak-Hak Asasi Manusia.

Rujukan :

Abdul Monir Yaacob. 1986. *Hak Asasi Manusia Menurut Islam: Sejarah dan Konsepnya*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
August, R. 1995. *Public International Law: Text, Cases and Readings*. Eaglewood Cliffs, New Jersey: Prentice Hall.
Chandra Muzaffar. 1995. *Hak Asasi Manusia dalam Tata Baru Dunia*. Bandung: Penerbit Mizan.
Kehma, S. 1990. *The Rule of Law and Human Rights in Malaysia and Singapore*. Petaling Jaya: The European Committee for Human Rights in Malaysia and Singapore
